

TEMBIKAR

Di Sarawak
Iban
Di Sarawak



Cetakan Pertama 2011
©Noria Tugang

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
Penerbit UNIMAS,
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh,
InfoGrafik Press Sdn. Bhd.
Lot 201, No. 265, Section 50, Jalan Nipah,
Off Jalan Abell Utara, 93100 Kuching, Sarawak, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Noria Tugang

Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak / Noria Tugang

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 195

ISBN 978-967-5527-18-0

1.Pottery --Sarawak. 2.Pottery, Iban--Sarawak. I. Judul.

738.0959522

PRAKATA

Keunggulan dan kegemilangan tamadun masyarakat Iban sedikit sebanyak dapat dilihat melalui warisan budayanya yang unik dan tersendiri. Buku ini cuba membincangkan tembikar, khususnya tembikar perdagangan dalam masyarakat Iban di Sarawak dari sudut kegunaan harian, dalam ritual-ritual dan hukum adat.

Tembikar digunakan dalam pelbagai ritual seperti ritual gawai. Dalam masyarakat Iban, kegunaan tembikar dalam ritual-ritual dipercayai diperturunkan oleh petara dan kuasa-kuasa luar biasa lain melalui mimpi dan dipercayai banyak membantu kehidupan orang Iban, khususnya dalam kegiatan pertanian. Tembikar mempunyai kuasa luar biasa yang dapat mengekalkan keharmonian hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan tuhan. Penulis ingin membincangkan makna dan hubungan tembikar dengan kuasa luar biasa atau kuasa ghaib yang dijelmakan melalui mimpi serta kesannya kepada pemilik tembikar itu.

Dalam menyempurnakan buku ini, penulis banyak terhutang budi kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Penghargaan khas penulis rakamkan kepada Profesor Dato' Dr Othman Yatim, beliau tidak jemu-jemu memberi buah fikiran sepanjang menyiapkan buku ini. Kesabaran dan ketabahannya dalam melayani kerenah penulis amatlah dihargai dan disanjung. Sesungguhnya, segala sumbangan, budi dan jasa beliau tidak ternilai dan amat sukar bagi penulis membalasnya.

Buat ayah dan ibu tercinta, iaitu Tugang Anak Rima dan Manin Anak Matong, penulis kalungkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah banyak membantu dalam menyumbangkan pelbagai maklumat yang diperlukan.

KANDUNGAN

Prakata	i
Pendahuluan	ii
1 Masyarakat Iban di Sarawak	1
2 Tembikar dalam Arkeologi Sarawak	29
3 Fungsi Tembikar	53
4 Penggunaan Tembikar dalam Hukum Adat	141
Kesimpulan	171
Glosari	185
Rujukan	195
Indeks	199

TEMBIKAR DALAM BUDAYA IBAN DI SARAWAK

NORIA TUGANG

PRAKATA

Keunggulan dan kegemilangan tamadun masyarakat Iban sedikit banyak dapat dilihat melalui warisan budaya mereka. Buku ini mengupas kepentingan tembikar khasnya tembikar perdagangan dalam masyarakat Iban di Sarawak dari sudut ritual dan hukum adat.

Tembikar digunakan dalam pelbagai ritual seperti gawai. Tembikar diperturunkan oleh kuasa luar biasa melalui mimpi dan banyak membantu kehidupan orang Iban, khasnya dalam kegiatan pertanian. Tembikar mempunyai kuasa luar biasa yang dapat mengekalkan keharmonian hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan tuhan. Penulis ingin membincangkan makna dan hubungan tembikar dengan kuasa luar biasa yang dijelmakan melalui mimpi serta kesannya kepada pemilik tembikar itu.

Dalam menyempurnakan buku ini, penulis banyak berhutang budi kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Penghargaan khas penulis rakamkan kepada Profesor Dato' Dr. Othman Yatim, selaku Pengarah Muzium Seni Asia Universiti Malaya pada ketika itu. Beliau tidak jemu-jemu memberi buah fikiran, serta banyak mengorbankan masa dan tenaga sepanjang menyiapkan buku ini. Kesabaran dan ketabahannya dalam melayani kerendah penulis amatlah dihargai dan disanjung. Sesungguhnya, segala sumbangan, budi dan jasa beliau tidak ternilai dan amat sukar bagi penulis membalasnya.

Buat ayah dan ibu tercinta, Tugang Rima dan Manin Matong, penulis kalungkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah banyak membantu dalam

menyumbangkan pelbagai maklumat yang diperlukan. Terima kasih atas segala sokongan dan dorongan yang telah diberikan.

Buat anakku, Corrinne Desmond, semoga kamu mengerti dan memahami kesibukan ibumu sepanjang penyempurnaan buku ini. Buat keluargaku yang tersayang, terima kasih tidak terhingga kerana kalian semua telah memberi dorongan dan sokongan padu dan telah menjadi sumber inspirasi. Terima kasih, khas buat kakakku, iaitu Sia Tugang atas segala pertolongan menemani penulis memperoleh maklumat yang diperlukan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ini khas penulis rakamkan kepada Anna Durin kerana beliau telah banyak membantu dalam memberi buah fikiran bernas, bahan-bahan serta maklumat yang diperlukan. Terima kasih juga kepada Very Revd Aeries Sumping Jingan kerana telah banyak membantu.

Penulis kalungkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kelemin Setia dan Annie Lungei kerana telah menghulurkan pelbagai bantuan, khususnya dari segi kemahiran komputer beragam. Ucapan terima kasih ini juga penulis rakamkan, khas buat semua informan yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberi segala maklumat yang diperlukan. Terima kasih juga kepada pemilik-pemilik tembikar prasejarah atau 'tajau lama' selaku informan penting atas kesudian memberikan kerjasama yang tidak jemu-jemu dan keizinan kepada penulis di sepanjang proses pengumpulan dan menganalisis data dan mengambil gambar-gambar yang diperlukan dalam usaha penulis menghasilkan buku ini.

Noria Tugang
Kota Samarahan

KANDUNGAN

Prakata

Pendahuluan

Bab 1 Masyarakat Iban di Sarawak

Bab 2 Tembikar dalam Arkeologi Sarawak

Bab 3 Fungsi Tembikar

Bab 4 Penggunaan Tembikar dalam Hukum Adat

Kesimpulan

Glosari

Rujukan

PENDAHULUAN

Tembikar adalah sinonim dengan masyarakat Iban. Tembikar merupakan pusaka sejak turun-temurun dalam masyarakat Iban di Sarawak. Bagi masyarakat Iban, tembikar memainkan peranan amat penting bukan sahaja untuk kegunaan harian malah ia mempunyai makna dan falsafah tertentu seperti yang digambarkan melalui fungsinya dalam ritual.

Dari masa ke semasa, penggunaan tembikar berkembang pesat selari dengan perkembangan ketamadunan masyarakat tersebut.

Bukti-bukti yang diperolehi dari tapak sejarah proto di Sarawak menunjukkan bahawa sejak kurun Ke-9, para pedagang dari negara jiran seperti Indonesia, Indo-China dan China datang ke Borneo untuk berdagang dengan mengamalkan sistem perdagangan bertukar-tukar barang atau dikenali sebagai sistem barter.

Pedagang asing membawa bersama-sama mereka barangan dagangan seperti perhiasan emas, kaca, manik, barangan logam, kain sutera, tekstil, dan barangan tembikar. Barang-barang ini ditukar dengan barangan daripada penduduk tempatan seperti hasil hutan antaranya tanduk badak, sarang burung, bulu burung raja udang, batu gemala, kapur barus, damar, kayu gaharu dan rotan dari daerah pedalaman. Sistem perdagangan sebegini berterusan sehingga ke abad-19 apabila sistem mata wang diperkenalkan.

Tembikar pada mulanya digunakan oleh pedagang Cina untuk menyimpan makanan sebagai bekalan semasa dalam perjalanan mereka seperti lobak masin, telur masin, beras, gula dan garam. Ia kemudian menjadi barang dagangan selepas terdapat permintaan daripada masyarakat tempatan di Sarawak.

Selama ini kita hanya mengetahui bahawa masyarakat Iban memiliki tembikar yang dipamerkan di ruang tamu dan digunakan dalam pelbagai upacara **atau ritual-ritual yang terdapat dalam masyarakat Iban**. Namun hakikatnya, tembikar **ialah** warisan budaya yang amat penting dalam masyarakat Iban kerana peranannya dalam sejarah dan budaya yang gilang-gemilang hingga ke hari ini.

Tembikar pada mulanya digunakan sebagai peralatan kegunaan harian dalam masyarakat Iban, tetapi apabila ia digunakan dalam pelbagai bersifat keagamaan, maka wujud pula unsur ritual yang diperturunkan oleh tuhan mereka melalui mimpi. Seterusnya, mereka mesti patuh kepada segala penjelasan dan arahan mimpi, kerana jika tidak, berkemungkinan besar sesebuah keluarga itu akan ditimpa bencana.

Sehingga kini, kebanyakan masyarakat Iban masih lagi tinggal di rumah panjang dan mereka berpegang teguh pada adat resam, tradisi, kepercayaan animisme dan sambutan perayaan. Dan kini, tembikar dalam budaya masyarakat Iban ialah warisan budaya atau harta budaya yang amat penting buat mereka.

BAB SATU

MASYARAKAT IBAN DI SARAWAK

Sejarah membuktikan bahawa orang Iban merupakan kaum yang suka mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk pelangsungan hidup yang lebih selesa. Selain itu, Masyarakat Iban juga terkenal dengan keberanian pahlawan-pahlawannya memenggal kepala musuh semasa berperang pada zaman dahulu. Orang Iban yang tinggal di dalam rumah panjang memerlukan adat dalam mengawal hubungan di kalangan penghuninya agar keamanan dan ketenteraman sentiasa wujud.

Orang Iban dikategorikan ke dalam kumpulan Melayu Proto iaitu sama dengan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Freeman: 1955: 6). Suatu ketika **dahulu** masyarakat Iban **juga** dikenali dengan panggilan *Sea Dayak* **dalam** kalangan orang asing.

Berdasarkan geneologi dan legenda, orang Iban pernah tinggal di kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat dan kedatangan mereka ke Sarawak pada pertengahan abad ke-16. Dari penelitian susur-galur keturunan menunjukkan bahawa migrasi orang Iban yang pertama adalah dari Ketungau (Cawangan Sungai Kapuas) ke kawasan Lembah Sungai Undop (Cawangan Sungai Batang Lupa). Mereka masuk ke Sarawak melalui Kumpang di kawasan Batang Ai, Daerah Lubuk Antu di Bahagian Sri Aman (Peter Kedit, 1980: 46).

Orang Iban tinggal di bahagian Barat Laut Kepulauan Borneo dengan kebanyakan mereka tinggal di negeri Sarawak dan Kalimantan Barat, Indonesia, iaitu sebuah kawasan di Sungai Kapuas (Benedict Sandin, 1967:2).

Bermula dari petempatan awal itu, hampir kebanyakan orang Iban telah berhijrah ke kawasan-kawasan lain di Sarawak seperti di bahagian Sri Aman dan bahagian Sibuan. Hal ini merupakan kesan daripada corak sistem pertanian pindah yang diamalkan pada ketika itu.

Suatu ketika dulu, orang Iban dikenali sebagai *Sea Dayak* kepada warga asing. Panggilan tersebut diberi disebabkan orang Iban biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga menjadi pelayar yang handal (Roth, 1968: 143).

Di samping itu, kewujudan istilah 'Iban' juga didakwa berasal daripada bahasa Kayan yang bermaksud *roving stranger* yang digunakan oleh kaum Kayan untuk merujuk kepada kumpulan orang Iban yang membuat petempatan di kawasan Sungai Rajang (Roth, 1960: 140). Istilah berkenaan **walaupun** bagaimanapun, tidak dapat diterima oleh orang Iban dengan mendakwa bahawa perkataan 'Iban' telah begitu lama digunakan oleh mereka sehingga mereka sendiri tidak mengetahui bila perkataan itu mula digunakan.

Sebagai contoh, kebanyakan dukun dan bomoh Iban (*manang*), Sandin (1964: 19) mengatakan bahawa "*Semina kami ke manang aja tau meda enggau nangkap semangat, kitak ka Iban enda ulih.*" Maksudnya, hanya kami dukun dan bomoh yang dapat melihat dan menangkap semangat, kamu yang Iban biasa tidak berkemampuan untuk berbuat demikian.

Kenyataan berkenaan menunjukkan bahawa istilah 'Iban' sememangnya sudah lama digunakan se

belum kaum Iban berhijrah ke Sarawak. Manakala di Kapuas, Indonesia perkataan 'Iban' juga diguna pakai walaupun sesama mereka tidak pernah berhubung dengan kaumnya.

Sementara itu, menurut cerita lisan tentang sejarah dan tradisi kaum Iban sejak turun-temurun, orang Iban telah berhijrah dari kawasan Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan ke Sarawak. Orang Iban yang bermastautin di kawasan berkenaan telah mengadakan perjanjian yang berupa wasiat tentang perkongsian harta pusaka.

Dinyatakan bahawa barang pusaka tersebut yang berupa perahu dan pintu yang diperbuat daripada kayu belian masih ada dalam simpanan orang Iban di Ketungau (Air Kapuas) sehingga sekarang. Kenyataan ini memberi gambaran dan bukti yang menjelaskan bahawa orang Iban sememangnya berasal dari Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan.

Malah, orang Iban dari beberapa buah rumah panjang di Kalimantan iaitu berdekatan dengan sempadan Batu Lintang Undop, Sri Aman yang ada sekarang, masih berhubung rapat dengan orang Iban di Bahagian Sri Aman, Sarawak. Hal ini menjelaskan bahawa mereka mempunyai pertalian saudara antara satu dengan yang lain.

Perhubungan sedemikian masih berlaku hingga sekarang seperti yang diamalkan oleh penghuni beberapa buah rumah panjang, contohnya rumah panjang 'Merakai Panjai' dan 'Merakai Pandak' di Kalimantan. Dua buah rumah panjang ini masih berhubung dengan sanak-saudara mereka di Sarawak. Kemasukan mereka adalah melalui pos sempadan Batu Lintang Undop, Sri Aman dengan menggunakan pas kebenaran masuk yang sah di sisi undang-undang di negara kita.

Berdasarkan geneologi, dianggarkan bahawa orang Iban telah menetap di Sarawak untuk selama 15 keturunan dan penghijrahan mereka ke Sarawak hanya berakhir tiga abad yang lalu (Jensen, 1974: 18). Satu perkara yang amat menarik tentang orang Iban di sana ialah, mereka mengamalkan cara kehidupan yang hampir sama seperti masyarakat Iban di Sarawak.

Politik Masyarakat Iban

Sejarah awal politik masyarakat Iban boleh dilihat melalui peranan beberapa orang wakil kaum tersebut. Peranan yang tertinggi disandang oleh Temenggong. Ia berperanan penting sebagai saluran daripada pihak pemerintah kepada rakyat jelata yang berkaitan dengan hal ehwal pentadbiran negeri dan hal-hal yang berkaitan dengan hukum adat Iban di Sarawak.

Sementara Pemancha pula ialah wakil parti yang memerintah sebagai perantara atau agen antara pemerintah dengan rakyat yang diperintah. Ia berperanan penting terutama dalam menghadiri pelbagai mesyuarat bagi mewakili rakyat di rumah panjang khususnya yang berkaitan dengan pembangunan dan adat-istiadat Iban di negeri ini.

Penghulu pula wakil masyarakat Iban yang dipilih oleh pemerintah sebagai petugas penting dalam urusan perbicaraan kecil. Contohnya, perbicaraan tentang sempadan tanah, nikah cerai dan pembahagian harta antara ahli keluarga.

Tuai Rumah pula ialah ketua pentadbir di rumah panjang yang dipilih oleh penghuni-penghuni rumah panjang. Peranan Tuai Rumah adalah sebagai ketua perpaduan di rumah panjang dan menjaga hal ehwal kebajikan penghuni-penghuni di rumah panjangnya.

Ekonomi masyarakat Iban

Asas ekonomi orang Iban ialah pertanian seperti bercucuk tanam, menternak binatang, menangkap ikan dan mencari bahan-bahan dari hutan atau memburu. Dalam sistem ekonomi tradisi, kekuatan ekonomi orang Iban bergantung pada pertanian. Oleh sebab itu, kebanyakan masyarakat Iban terdiri daripada petani.

Kegiatan ekonomi menyebabkan orang Iban mengambil kira pengaruh sistem ekologi atau alam sekitar. Justeru, kita dapati mereka tinggal di kawasan tanah yang subur di sepanjang tepi sungai bagi memudahkan mereka mendapat air untuk bercucuk tanam dan menternak binatang. Terdapat juga perkampungan orang Iban yang wujud di kawasan berhampiran dengan laut agar mereka dapat menjalankan kegiatan menangkap ikan.

Di samping itu, kawasan seperti ini memberi mereka laluan untuk berhubung dengan masyarakat luar. Kehadiran golongan tani ini dapat memberikan sumbangan dari segi sumber penawaran bahan makanan dan asas kekuatan anggota golongan pemerintah dari aspek sumbangan cukai dan tenaga.

Dalam sistem ekonomi tradisi masyarakat Iban, keperluan utama para petani adalah untuk keperluan sara diri. Tumpuan diberikan kepada usaha mendapatkan sumber-sumber makanan dan sedikit banyak hasil lain yang boleh ditukarkan dengan barangan yang tidak dapat mereka keluarkan. Jenis tanaman utama ialah padi, ubi keledak, ubi kayu, sayur-sayuran, dan buah-buahan. Mereka juga menangkap ikan dan menternak binatang secara kecil-kecilan untuk menyara hidup keluarga.

Para petani tidak menghadapi masalah untuk mendapat tanah pertanian. Malah, ramai petani berpindah-randah mencari tapak pertanian yang subur dengan tenaga pekerja adalah terdiri daripada ahli keluarga sendiri. Ini merupakan sumbangan yang amat penting dalam kegiatan ekonomi tradisi. Unit keluarga merupakan unit pekerja dan unit penggunaan. Sumber tenaga juga diperolehi dengan kerjasama anggota komuniti seperti jiran dan kawan-kawan atau pertolongan daripada rumah-rumah panjang yang berdekatan.

Sumbangan tenaga kerja secara sukarela ini merupakan tradisi yang diwarisi dari semasa ke semasa dalam masyarakat sehingga ke hari ini. Ikatan sosial dalam kalangan masyarakat kampung adalah amat erat. Hal ini demikian disebabkan mereka tinggal di dalam sebuah rumah panjang yang sama. Sistem kerjasama ini dikenali sebagai gotong-royong atau *beduruk*.

Sistem ekonomi tradisi ini berasaskan teknologi rasional, iaitu kaedah yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Disebabkan taraf teknologi rendah, mereka hanya mampu melakukan aktiviti-aktiviti tani, seperti bercucuk tanam atau menangkap ikan setakat yang mereka mampu dari segi kemampuan tenaga mahupun kemampuan teknologi yang rendah.

Dalam kegiatan pertanian, masyarakat Iban juga mengamalkan teknologi tidak rasional, iaitu yang melibatkan kuasa luar biasa. Menurut agama tradisi masyarakat Iban, amalan ini boleh membantu mereka dalam meningkatkan hasil ekonomi mereka. Masyarakat Iban mengamalkan upacara pemujaan bagi mendapatkan kesejahteraan hidup semasa menjalankan kegiatan ekonomi mereka.

Masyarakat Iban menumpukan usaha menanam padi bukit. Bagi mereka, beras bukit lebih lembut, wangi dan lebih sedap dimakan apabila dimasak dalam periuk tembikar dan menggunakan dapur kayu. Padi bukit lebih senang diusahakan berbanding dengan padi paya. Tambahan pula, selain menanam padi tanaman kontan yang lain seperti jagung, ubi kayu, timun, kacang panjang, labu air, labu merah, labu kundur boleh ditanam serentak di tapak yang sama iaitu bersama-sama dengan tanaman padi itu.

Kalau kita kaji memang ada rasionalnya, mengapa masyarakat Iban lebih suka tinggal di kawasan berbukit-bukau di kawasan pedalaman. Hal ini bagi memudahkan mereka menjalankan kegiatan pertanian dan mendapatkan ikan dari sungai-sungai di kaki bukit. Sungai-sungai tersebut mempunyai ikan yang banyak. Selain daripada itu, memudahkan mereka memburu binatang seperti rusa, kijang, pelanduk, landak dan babi.

Tanaman padi bukit

Masyarakat Iban di Sarawak memang lebih cenderung mengusahakan padi bukit berbanding dengan padi paya. Boleh dikatakan keseluruhan kehidupan mereka dihabiskan dengan menjalankan kegiatan berkenaan. Hal ini mungkin juga disebabkan oleh bentuk muka bumi Sarawak yang berbukit-bukau serta tanah-tanahnya yang subur, (Freeman: 1955: 27).

Lazimnya, kerja-kerja tanaman padi bukit bermula pada bulan Jun setiap tahun. Pada peringkat pertama ini, mereka akan menebas serta menebang pokok secara berperingkat-peringkat. Keadaan ini berterusan bergantung pada saiz huma bukit itu. Kemudian, setelah semua pokok yang ditebang kering, huma akan dibakar.

Kerja-kerja menanam padi bukit dimulakan pada penghujung bulan Ogos. Kerja berkenaan dijalankan secara bergotong-royong kerana dalam budaya masyarakat Iban, kegiatan menanam padi mesti siap sebelum matahari terbenam. Seandainya tidak dapat disiapkan juga, bekas untuk menanam *padi pun* tidak boleh diangkat dari tempat ia ditanam pada awal pagi itu. Kalau ia diangkat juga, kerja menanam tidak boleh diteruskan pada keesokan harinya.

Ia hanya boleh diteruskan, setelah selang tiga hari sahaja. Kalau pantang-larang itu tidak dipatuhi oleh, berkemungkinan keluarga itu kelak akan ditimpa malapetaka. *Padi pun* amat penting fungsinya dalam budaya masyarakat Iban. Padi ini dianggap suci oleh mereka dan ia dipercayai mempunyai semangat yang suci dalam kehidupan mereka (Freeman : 1955: 28).

Biasanya, kalau padi telah berusia lebih kurang dua bulan kerja-kerja merumput pun dijalankan secara bergotong-royong. Kerja-kerja yang paling berat ialah menuai padi yang bermula pada bulan Januari sehingga bulan Februari. Musim menuai merupakan ketika yang amat seronok, dan para pemilik huma itu akan bermalam di huma masing-masing. Mereka mendirikan sebuah teratak yang sederhana besarnya untuk digunakan sebagai tempat berlindung bagi tempoh kerja-kerja penanaman padi itu selesai.

Padi yang telah dipisahkan daripada tangkainya dijemur menggunakan tikar rotan atau *bidai*, iaitu tikar yang bersaiz besar yang diperbuat daripada rotan dan kulit kayu. Kemudian, setelah semua padi yang diperoleh pada tahun tersebut selesai dijemur, padi itu akan disimpan di *tibang*, iaitu sebuah bekas besar yang diperbuat daripada kulit kayu dan juga disimpan di dalam *tajau*, iaitu tempayan besar.

Kerja-kerja menyimpan padi ke dalam bekas tersebut hanya boleh dilakukan ketika anak bulan sabit baru menjelma buat kali pertama pada bulan tersebut. Sekiranya padi disimpan ke dalam *tibang* selepas bulan mengambang, hal ini dipercayai akan menyebabkan rezeki keluarga itu akan merosot.

Tanaman lada hitam

Sarawak merupakan pengeluar utama lada hitam di Malaysia. Lada hitam ialah sejenis tanaman rempah yang mempunyai nilai komersial yang tinggi dan terkenal hingga ke peringkat antarabangsa.

Sejak turun-temurun, masyarakat Iban merupakan pengusaha utama bagi tanaman lada hitam. Lada hitam memberi hasil yang lumayan kepada mereka dan ditanam di tanah-pamah yang subur dan bukan di tanah yang berpaya. Selain daripada tanah pamah, lada hitam juga dapat ditanam di kawasan lereng-lereng bukit asalkan tanah-tanahnya subur.

Kebanyakan masyarakat Iban menanam lada hitam bagi menampung kehidupan harian mereka. Tanaman ini banyak ditanam di kawasan Batu Niah, Sarikei, Pakan Julau, Simunjan, Serian, Sri Aman, Betong dan Saratok. Lada hitam merupakan hasil sumber ekonomi utama bagi masyarakat Iban di negeri ini, selain getah dan kelapa sawit.

Kawasan tanah yang telah dibersihkan, kemudian dicangkul sedalam 20 sentimeter sebelum tunas lada hitam itu ditanam. Setelah ditanam, ia hendaklah ditutup dengan menggunakan tumbuhan-tumbuhan seperti daun paku-pakis. Setelah enam bulan, tiang perlu dipacak untuk lada hitam tersebut menjalar naik. Lada hitam mengeluarkan hasil pertama setelah berusia tiga tahun.

Kebun lada lazimnya dijaga dan dipantau dengan rapi dari semasa ke semasa ini bagi mengelakkan serangga perosak mengganggu bunga lada itu. Sementara kawasan kebun pula haruslah sentiasa bersih. Lada-lada itu diberi baja supaya hidup dengan subur.

Selain menanam lada di kawasan kebun itu, tanaman lain seperti keladi, ubi keledek, sayur cangkuk manis, jagung boleh juga ditanam sebab jarak pokok lada antara satu pokok dengan pokok yang lain agak jauh lebih kurang satu setengah meter jaraknya. Keadaan ini membolehkan masyarakat Iban menanam tanaman kontan yang lain. Lada hitam ada dua jenis iaitu yang pertama lada hitam dan yang kedua lada putih.

Disebabkan proses penghasilan yang rumit menyebabkan lada putih lebih bernilai berbanding dengan lada hitam.

Proses menghasilkan lada putih memerlukan pengusaha mencari jenis buah lada yang berkualiti tinggi. Buah lada tersebut akan direndam di dalam sungai kira-kira selama dua bulan sebelum proses seterusnya dilakukan, iaitu membuang biji lada dari kulitnya.

Kemudian, biji lada akan dicuci dengan air bersih. Lada yang telah dibersihkan itu akan dijemur sehingga kering, sebelum dijual. Selalunya, hasil jualan lada, akan digunakan oleh masyarakat Iban untuk membeli tempayan tembikar dan pinggan mangkuk tembikar.

Tanaman getah

Masyarakat Iban memang tertumpu dalam pertanian, iaitu menanam padi, lada hitam dan berkebun getah. Ketiga-tiga hasil pertanian ini ialah nadi pendapatan bagi masyarakat tersebut. Selain menanam padi bukit dan lada, masyarakat Iban juga mengusahakan kebun getah secara besar-besaran. Terdapat keluarga yang mengusahakan tanaman itu sehingga lima ekar luasnya.

Getah dapat ditanam dengan subur di kawasan tanah-pamah gambut, tetapi ia tidak boleh hidup di kawasan yang berpayau. Getah juga dapat ditanam di lereng-lereng bukit yang bertanah gambut. Di kebun-kebun getah juga ditanam dengan tanaman lain seperti durian, manggis, rambutan, langsung, mempelam dan lain-lain tanaman lagi. Tanaman-tanaman ini membesar dengan sendirinya tanpa diberi baja.

Lazimnya, masyarakat Iban keluar menoreh getah pada awal subuh, iaitu kira-kira jam tiga pagi, supaya dapat memperoleh susu getah dengan banyak kerana pokok getah pada waktu itu masih dalam keadaan sejuk. Sekiranya matahari sudah naik, pokok getah dan susu getah sukar keluar dengan banyak. Masyarakat Iban tidak turun menoreh getah apabila hari hujan bagi mengelakkan pokok getah itu mati.

Masyarakat Iban menggunakan mangkuk tembikar untuk menakung susu getah di kebun mereka. Satu kebaikan menggunakan mangkuk tembikar adalah sisa susu getah yang masih tinggal di mangkuk tersebut senang ditanggalkan, dan seterusnya melicinkan kerja-kerja penoreh.

Berburu

Lazimnya, apabila segala kegiatan menanam padi selesai orang Iban akan menjalankan kegiatan lain seperti berburu. Kegiatan seperti ini sudah menjadi amalan sejak turun-temurun, dan dilakukan oleh golongan lelaki juga perempuan. Mereka pergi berburu beramai-ramai di kawasan bukit yang dipercayai banyak binatang.

Memburu merupakan sumber ekonomi yang penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Apa yang menarik semasa pergi berburu ini, kanak-kanak kecil pun turut dibawa bersama. Malah perempuan yang sedang mengandung pun turut serta.

Dalam kegiatan berburu ini, mereka menggunakan sejenis alat yang diperbuat daripada rotan. Panjangnya kira-kira 50 meter dan lebarnya kira-kira enam sentimeter. Alat ini dinamakan *jarin* atau perangkap haiwan, iaitu sejenis alat untuk menjerat binatang dan alat ini hanya sesuai untuk menangkap rusa.

Rusa yang berjaya ditangkap dibahagikan sama rata kepada semua yang hadir, termasuk kanak-kanak dan perempuan yang mengandung. Bayi dalam kandungan perempuan itu mendapat satu bahagian, manakala si penembak mendapat habuan yang lebih, iaitu dia akan mendapat kepala rusa sebagai tanda kejayaannya.

Dalam tradisi masyarakat Iban, jika seorang sahaja pergi memburu dan dia berjaya memperoleh binatang buruan, hasil buruan tersebut akan dibahagikan sama rata kepada semua keluarga yang terdapat dalam rumah panjang itu. Cara ini masih diamalkan sehingga ke hari ini. Selain memburu binatang seperti rusa, babi, kijang, tenggiling dan lain-lain, mereka juga memburu burung seperti burung punai dan terkukur.

Budaya dalam masyarakat Iban

Budaya merujuk kepada peradaban dan kemajuan fikiran dan cara hidup yang sudah maju. Menurut Koentjaraningrat (1970) budaya berasal daripada perkataan Sanskrit 'buddhayah', iaitu bentuk jamak daripada 'buddhi' yang bererti 'budi' atau akal. Budaya dapat diertikan sebagai 'hal-hal yang bersangkutan dengan akal' atau "keseluruhan dari kelakuan dan hasil kelakuan manusia yang teratur oleh tatakelakuan yang harus diperolehi dengan cara belajar"

Manakala menurut Taylor (1871), budaya bermaksud "satu keseluruhan sistem yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat-resam dan kebolehan-kebolehan lain serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakatnya"

Sementara White (1947) mentakrifkan budaya sebagai satu organisasi fenomena, perlakuan (pola tingkah laku) objek (alat bertukang dan barang lain yang dibuat daripada alat tadi), idea iaitu kepercayaan dan ilmu pengetahuan dan sentimen (nilai dan sikap) yang bergantung kepada penggunaan simbol.

Budaya ialah satu cara hidup yang merujuk kepada sesuatu masyarakat yang diwarisi dan bersifat dinamik. Ini memberi pengertian bahawa dalam budaya itu ada unsur-unsur menerima dan menolak yang dipraktikkan oleh sesuatu masyarakat itu dalam satu keseluruhan kehidupan yang merangkumi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, adat resam, undang-undang, ekonomi dan sistem simbol yang menjadi milik bersama.

Budaya merupakan cara penghidupan kumpulan manusia yang lengkap dan menyeluruh. Di situ terdapat pelbagai aspek kecil yang dikisahkan atau diasingkan untuk kajian manusia merangkumi sistem politik, ekonomi, kepercayaan dan keagamaan. Ini bermakna semua sistem manusia termasuk dalam budaya yang tidak berasingan tetapi berkaitan.

Budaya masyarakat Iban sentiasa berkembang dan dinamik, yang merupakan satu sistem pengoperasian termasuk masyarakat tersebut berinteraksi, iaitu manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar dan manusia dengan kuasa ghaib. Budaya juga boleh diertikan sebagai sistem pengetahuan. Budaya masyarakat Iban telah dikenali oleh masyarakat di dalam dan luar negara secara umum.

Pada zaman silam masyarakat ini lebih dikenali dengan panggilan *Sea Dayak* atau Dayak Laut. Walhal masyarakat ini jarang-jarang yang mendiami kawasan tepi laut. Masyarakat Iban ialah penghuni-penghuni tetap di rumah panjang di Sarawak. Lazimnya rumah panjang mereka diperbuat dengan menggunakan kayu belian yang berkualiti tinggi serta tahan lama dan ada rumah panjang masyarakat Iban masih dalam keadaan baik sehingga mencecah usia 90 tahun.

Masyarakat ini juga amat terkenal dengan amalan tolong-menolong, bekerjasama, bertimbang rasa, berbudi bahasa, berhemah tinggi, bersopan santun dan lemah lembut. Budaya masyarakat Iban boleh dilihat melalui beberapa sudut seperti yang berikut :

Peraturan-peraturan yang menentukan bentuk perlakuan yang diterima oleh masyarakat. Kehidupan mereka didukung kukuh oleh adat resam, lembaga, tradisi serta kebiasaan-kebiasaan yang lain. Ini bertujuan untuk mengawal, menyusun atur perlakuan setiap penghuni di rumah panjang tersebut. Adat resam rumah panjang diterajui oleh tuai rumah. Tuai rumahlah yang mengepalai dan menyelesaikan setiap kes di rumah panjang itu.

- (a) Bentuk perlakuan yang diterima pakai dalam masyarakat itu menjadi garis panduan yang wajib diikuti bagi memberi hukuman dan tekanan terhadap perlakuan dan disiplin yang tidak berasaskan bentuk perlakuan itu. Mana-mana penghuni yang tidak patuh kepada bentuk perlakuan tersebut, maka seseorang itu wajib dikenakan hukuman yang dikenali sebagai *tunggu* yang bermaksud dikenakan membayar denda dengan sebuah tempayan.

Lazimnya, semua peraturan itu mempunyai hukum adat dan lembaga yang mempunyai cara-cara tekanan dan hukumannya yang tersendiri. Keadaan ini biasanya bergantung sama ada perkara-perkara yang berlaku adalah logik atau tidak.

- (b) Nilai dan norma serta kepercayaan yang berkaitan dengan budaya. Amalan-amalan dan kepercayaan agama yang mempengaruhi bentuk perlakuan masyarakat Iban biasanya melahirkan pengalaman dan ia diterima sebagai ilmu pengetahuan. Biasanya, masyarakat Iban amat memandag berat terhadap bentuk perlakuan dalam masyarakatnya.

Oleh itu, bentuk perlakuan itu diberi penilaian dan taksiran oleh individu dalam masyarakat yang didukung oleh lembaga dan adat resam yang akan menentukan jenis hukuman yang bakal dikenakan terhadap sesuatu perlakuan tersebut.

- (c) Peralatan budaya, iaitu alat-alat dan bentuk-bentuk lain yang diperlukan dalam kehidupan masyarakat Iban. Alat-alat yang dimiliki atau dicipta yang mempunyai pengertian dan makna tertentu yang boleh digunakan secara simbolis dalam upacara-upacara biasa atau ritual dan kadang-kala ia mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi.

Budaya dalam masyarakat Iban boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu :

(1) **Budaya Benda (Artifak)**

Ia mempunyai ruang lingkup yang amat luas kerana meliputi bahan-bahan fizikal kebudayaan. Bahan-bahan ini mempunyai komponen yang amat lengkap tentang aspek cara atau kaedah penggunaannya. Keadaan ini telah diwarisi oleh masyarakat Iban sejak turun-temurun kerana ia mencerminkan jati diri dan kegemilangan masyarakat tersebut.

Yang dimaksudkan sebagai budaya benda ialah ia termasuk apa-apa sahaja ciptaan manusia yang berbentuk objek tertentu. Umpamanya, alat kesenian, senjata memburu, bentuk rumah, perkakas memasak seperti barangan tembikar dan lain-lain lagi.

Dengan hal yang demikian secara tidak langsung, budaya sesuatu masyarakat itu dapat menggambarkan taraf sosiofizikal masyarakat itu secara keseluruhannya yang boleh dilihat dengan jelas.

- (2) **Budaya bukan benda (Mentifak)**. Budaya bukan benda dalam masyarakat Iban boleh dilihat daripada beberapa sudut. Budaya yang dimaksudkan ialah segala sistem yang berupa ciptaan yang berbentuk abstrak, spiritual dan ritual.

Ia dipraktikkan serta bergerak sejajar dengan nilai dan norma mereka. Ia dapat dikesan contohnya seperti kepercayaan kepada tuhan, kepercayaan kepada perkara-perkara mistik dan taboo di sekeliling mereka. Masyarakat Iban amat berpegang teguh kepada falsafah hukum adat dalam kehidupan mereka. Ia boleh dilihat melalui adat resam yang begitu unik dalam masyarakat ini.

Di samping itu, mereka telah mencipta undang-undang yang bertujuan untuk mengawal, menyusun-atur, menerima dan menolak nilai-nilai dan norma yang bertentangan dengan kebiasaan mereka. Masyarakat Iban juga amat terkenal dengan sikap lemah lembut, mempunyai tatakesusilaan yang tinggi yang telah diamalkan dari generasi ke satu generasi.

Perkara tersebut menjadi lebih mantap apabila mereka mengadukannya dengan idea dan ideologi yang boleh diterima pakai oleh masyarakat sejagat. Kejayaan ini disebabkan mereka memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam aspek ini. Ilmu pengetahuan ini dikongsi dan diguna pakai bersama satu pasukan dalam mereka melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan bangsanya.

Budaya bukan benda dalam masyarakat Iban dianggap sebagai satu warisan budaya yang penting walaupun ia sesuatu yang tidak dilihat dengan nyata namun kesemuanya tetap penting. Bentuk budaya ini terhasil daripada pemikiran dan falsafah masyarakat tersebut.

Manakala struktur sosial masyarakat ini boleh dilihat melalui kehidupan mereka di rumah-rumah panjang. Masyarakat Iban hidup dalam entiti yang kukuh. Contohnya boleh dilihat apabila mereka pergi *ngayau* atau menjalankan aktiviti pemburuan kepala. Oleh sebab itulah orang Iban terkenal dengan julukan sebagai 'pemburu kepala manusia' dan 'pahlawan Pulau Borneo'.

Agama dan kepercayaan

Menurut masyarakat Iban, agama dalam erti yang paling sempit merujuk pada kepercayaan kepada kuasa ghaib. Masyarakat Iban mempercayai agama, iaitu kepercayaan kepada kuasa luar biasa yang dikenali sebagai animisme. Mereka melihat roh, kuasa luar biasa itu, sebagai sesuatu yang suci, kudus atau sacral. Oleh itu, berlaku proses pemujaan dengan melahirkan pelbagai upacara atau ritual kepercayaan yang masih berlaku sehingga sekarang.

Masyarakat Iban melihat sakral itu sesuatu yang berkomunikasi dengan mereka, maka berlaku komunikasi antara kuasa ghaib dengan masyarakat tersebut dengan menggunakan mantera.

Manakala kepercayaan pula sebagai satu keadaan yang menyatakan tentang satu idea atau sesuatu pemikiran, maka idea dan pemikiran itu berhubung dengan sakral. Segala yang sakral adalah melahirkan kebaikan atau kesakralannya ditunjukkan dalam kehidupan manusia. Ia dilahirkan melalui upacara ritual. Dalam ritual ini ada perlakuan-perlakuan. Dan perlakuan-perlakuan itu adalah tertakluk kepada idea yang ditetapkan contohnya dalam upacara *miring* yang bermaksud memberi makan kepada tuhan.

Perlakuan-perlakuan ini adalah sakral. Seluruh kepercayaan, mitos, symbol atau magis adalah dalam agama dan kepercayaan yang diyakini benar oleh penganut-penganutnya. Ritual ialah peraturan-peraturannya dan segala peraturan ini ditetapkan oleh agama dan kepercayaan bagi mengatur kehidupan mereka.

Apabila mereka berinteraksi dengan yang sakral atau dengan kuasa ghaib dan pada yang sakral itu ada mempunyai syarat-syaratnya yang menetapkan atau menghubungkan dengan yang ghaib dan seseorang itu perlu dalam keadaan suci. Melalui syarat-syarat ini, mereka dapat mengesani apakah perkara penting serta isi kandungan melalui ritual itu.

Menurut masyarakat Iban, ritual merupakan media yang menghubungkan mereka dengan kuasa ghaib. Dalam ritual yang dilakukan, ada matlamat yang jelas. Matlamatnya adalah untuk mempengaruhi sesuatu itu dilakukan berulang-ulang dengan melakukannya dalam bentuk *biau* (jampi) secara emosional dan ia dilakukan secara sadar. Walaupun sebahagian besar masyarakat Iban telah menganut agama besar seperti agama Kristian, namun masih terdapat dalam kalangan mereka yang tetap berpegang teguh kepada 'agama adat' atau kepercayaan warisan.

Konsep tuhan (Petara)

Masyarakat Iban mempercayai bahawa ada banyak tuhan wujud di dunia ini. Malah, konsep hantu dalam masyarakat Iban itu adalah juga merupakan tuhan mereka yang dikenali sebagai 'petara'. Secara ringkasnya, konsep tuhan dalam masyarakat Iban ialah kuasa-kuasa luar biasa yang terdiri daripada petara-petara, dewa-dewi, antu, semangat dan roh nenek moyang orang Iban yang telah lama meninggal dunia.

Konsep tuhan dalam masyarakat Iban ialah sesuatu yang sakral, kuasa luar biasa, '*petara nadai enda manah; bisi utai ditolong sida*' yang bermaksud tuhan semua baik dan ingin menolong dalam banyak perkara (Jensen : 1974: 101). Dalam mitos masyarakat Iban, sesetengah tuhan menjelma melalui roh nenek moyang mereka.

Pahlawan yang mempunyai kuasa luar biasa ialah orang Panggau. Mereka bukan sahaja pahlawan gagah, malah mempunyai kuasa sakti yang tidak boleh ditandingi. Masyarakat Iban hanya boleh berhubung dengan orang Panggau melalui upacara besar-besar yang amat lengkap seperti *miring* atau diperturunkan melalui mimpi.

Selain itu, masyarakat Iban juga percaya kepada kuasa luar biasa yang ada pada burung dan binatang. Kalau mereka dalam sesuatu perjalanan atau melakukan sesuatu pekerjaan, dan sekiranya mereka terdengar bunyi-bunyi haiwan berkenaan, mereka hendaklah berpatah balik ke rumah dan hanya duduk berehat pada hari itu. Jika mereka melanggar ketetapan ini, mungkin sesuatu perkara malang akan menimpa mereka.

Selain daripada itu, mungkin segala tanaman pertanian mereka pada tahun itu tidak akan memberi apa-apa hasil seterusnya sehingga keluarga itu mengalami kebuluran.

Hukum adat masyarakat Iban

Hukum adat ialah sistem undang-undang tradisi untuk mewujudkan peraturan hidup dalam masyarakat. Ia juga merupakan sistem pentadbiran bertujuan untuk merealisasikan keharmonian masyarakatnya. Hukum adat dilaksanakan dalam masyarakat untuk mengurangkan konflik dalam kalangan masyarakat itu.

Konsep hukum adat bagi masyarakat Iban merujuk kepada undang-undang, pantang-larang dan prinsip-prinsip tertentu untuk mengawal ahli-ahli dalam masyarakat itu. Bagi masyarakat Iban, peraturan-peraturan itu meliputi ruang lingkup semua aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi, agama dan politik.

Masyarakat Iban amat mementingkan adat resam dalam kehidupan mereka. Bagi mereka, adat bukan sahaja satu nilai asas kehidupan, malah satu bentuk kawalan sosial yang menjadi tunjang utama dalam masyarakat.

Pengamalan adat bukan sahaja penting dalam hubungan antara manusia dengan manusia, malah antara manusia dengan makhluk yang lain serta fenomena alam jagat. Orang Iban yang tinggal bersama dalam sebuah rumah panjang memerlukan adat dalam mengawal hubungan dalam kalangan penghuni rumah panjang agar keharmonian dan keamanan sentiasa terpelihara.

Hukum adat masyarakat Iban lebih menekankan konsep perpaduan dan keharmonian seperti yang dapat dilihat daripada corak dan bentuk petempatan mereka. Sebuah rumah panjang biasanya didiami oleh sepuluh atau lebih keluarga, dan setiap keluarga mempunyai bilik masing-masing. Ada antara mereka mempunyai tali persaudaraan yang rapat.

Sebuah rumah panjang mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai tuai rumah atau ketua kampung. Tuai rumah bertanggungjawab menentukan kelancaran pelbagai kegiatan yang dijalankan di sesebuah rumah panjang itu.

Satu daripada tugasnya ialah menguatkuasakan adat dan peraturan rumah panjang dan mendengar serta menjadi jurudamai dalam menyelesaikan persengketaan antara penghuni di rumah panjang itu. Apabila berlaku perselisihan faham antara penghuni, perkara itu akan diselesaikan secara perbincangan antara pihak yang terbabit.

Nilai muafakat pula dapat dilihat dengan jelas dalam urusan perkahwinan. Mengikut tradisi, pihak lelaki yang seharusnya berjumpa dengan pihak perempuan dan mengemukakan cadangan tentang soal perkahwinan itu. Pada peringkat awal, rombongan kecil yang terdiri daripada saudara-mara yang terdekat atau *bebungan ka jako* (merisik dan melamar) akan menemui pihak perempuan. Kalau pihak perempuan bersetuju, akan dihantar perutusan yang berikutnya, iaitu *nanya indu*, iaitu rombongan dari pihak lelaki yang datang meminang ke rumah pihak perempuan.

Menurut adat, sebelum upacara perkahwinan yang sebenar dilangsungkan, isu *nguai* atau *ngugi*, iaitu dengan keluarga mana pasangan itu akan tinggal kelak adalah wajib diselesaikan terlebih dahulu sebelum majlis perkahwinan itu dilangsungkan. Isu *nguai* amat penting dan hendaklah diselesaikan untuk mengelakkan perselisihan faham antara ahli keluarga pada kemudian hari.

Menurut tradisi, anak lelaki sulung dalam sebuah keluarga harus membawa isterinya tinggal bersama-sama keluarga asalnya. Ini amat penting kerana anak lelaki sulung biasanya yang akan menjaga ibu bapa mereka. Anak lelaki sulunglah yang menjadi pewaris hak milik harta pusaka, contohnya tanah adat, senapang dan harta benda yang lain.

Hal ini menunjukkan bahawa nilai muafakat yang tinggi diamalkan dalam kehidupan mereka. Di samping nilai muafakat, mereka juga lebih bertolak ansur, iaitu satu-satu pihak harus mengalah kepada pihak yang lain berdasarkan keutamaan. Biasanya keluarga yang mempunyai ramai anak akan menyerahkan kepada keluarga yang mempunyai kurang anak apabila isu *nguai* dibincangkan.

Masyarakat Iban juga mengamalkan sikap bekerjasama dan tolong-menolong dalam banyak perkara. Perkara ini boleh dilihat melalui perayaan gawai. Perayaan gawai 'mandi rumah' (kenduri-kendara secara besar-besaran sempena menduduki rumah baharu) misalnya, tidak dapat diadakan, melainkan semua keluarga di rumah panjang telah sama-sama bersedia dari segi makanan ataupun wang untuk membeli barangan keperluan bagi menjayakan temasya itu.

Semangat kerjasama itu juga dapat dilihat dalam perayaan gawai yang lain seperti *gawai batu* dan *gawai kenyalang* atau *gawai burung*. Semangat kerjasama yang jitu serta sikap tolong-menolong yang sentiasa diamalkan oleh mereka juga dapat dilihat dalam hal kematian.

Apabila berlaku kematian, saudara-mara yang menerima berita ini diharapkan datang. Ini bukan sahaja untuk memberi sokongan, malah menolong keluarga si mati dengan apa-apa cara yang termampu oleh mereka, termasuk membuat keranda, apatah lagi dalam masyarakat Iban keranda biasanya dibuat secara bergotong-royong.

Nilai kerjasama ini juga dapat dilihat dalam perkara-perkara yang lain, contohnya sewaktu seorang ibu hendak melahirkan anak. Sekiranya saat-saat kelahiran adalah tanpa kehadiran bidan yang bertauliah, si ibu akan diberi pertolongan oleh bidan rumah panjang dan oleh beberapa orang perempuan yang berpengalaman dalam bidang tersebut.

Dalam hal ini dapat dilihat bahawa kerjasama bukan sahaja dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan upacara atau perayaan, tetapi juga merangkumi perkara-perkara atau pada waktu kesulitan. Ini amat bersesuaian dengan pepatah yang mengatakan ‘berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing’.

Selain daripada itu, masyarakat Iban juga ialah masyarakat yang amat tebal dengan semangat hormat-menghormati. Masyarakat Iban sangat menghormati tetamu atau pelawat yang berkunjung ke rumah panjang mereka. Layanan baik terhadap tetamu amat diberi keutamaan di rumah panjang itu. Bak kata pepatah orang Iban, ‘binatang yang sesat pun diberi makan, inikan pula manusia.’

Di pihak tetamu juga, mereka harus menghormati tuan rumah. Misalnya, sebelum berkunjung ke rumah panjang Iban, tetamu haruslah bertanya terlebih dahulu sama ada di rumah panjang itu dikenakan pantang-larang. Kalau tidak dikenakan apa-apa pantang-larang, tidaklah salah bagi pengunjung itu naik, dan seterusnya menanyakan sama ada orang atau keluarga yang akan dikunjungi itu ada atau sebaliknya.

Sebagai tanda hormat, tetamu hendaklah menanggalkan kasut atau selipar sebelum masuk ke bilik keluarga yang dikunjunginya dan duduk dengan cara yang sopan, iaitu bersimpuh (*duduk pipi*).

Manakala orang lelaki seharusnya duduk bersila sebagai tanda sopan dan hormat. Lazimnya, orang lelaki hendaklah duduk di *ruai*, iaitu ruang legar di bahagian hadapan rumah panjang itu. Hal ini menunjukkan bahawa tetamu itu menghormati adat resam masyarakat mereka. Tuan rumah juga menghormati tetamu dengan cara menghidangkan makanan dan minuman.

Dalam pada itu, tetamu dianggap biadab, sombong serta tidak berterima kasih sekiranya menolak hidangan tersebut tanpa sebarang sebab munasabah, melainkan dengan alasan larangan doktor atau larangan agama. Semasa dalam tempoh berkabung misalnya, sebagai tanda menghormati keluarga si mati, semua kegiatan yang berbentuk hiburan tidak boleh dijalankan di kawasan yang telah ditetapkan sebagai kawasan berkabung.

Jika sesuatu majlis keramaian perlu juga diadakan di rumah berkenaan, pihak yang menganjurkannya dikehendaki menebus kesalahan menanggungkan perkabungan dengan membayar denda adat yang dikenali sebagai *pemampul* atau *disedal* (ditutup buat sementara waktu).

Selain daripada itu, keluarga terdekat si mati tidak boleh sama sekali memakai pakaian yang berwarna-warni dan sebarang bentuk perhiasan atau barang kemas. Mereka juga perlu menjauhkan diri daripada menghadiri jamuan, pesta atau pergi ke tempat-tempat hiburan.

Masyarakat Iban juga telah ditanam dengan sifat-sifat berani dalam diri mereka sejak kecil lagi. Keadaan ini disebabkan cara kehidupan mereka pada masa dahulu yang selalu berpindah-randah dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai musuh mereka.

Sepertimana yang dikatakan sebelum ini, masyarakat Iban melayan para tetamu mereka dengan amat baik, namun demikian mereka menjadi begitu sensitif, cepat marah, dan akan bertindak agresif sekiranya maruah mereka dicemari, diganggu, diperolok-olokkan, dipermain-mainkan, dan dicabar.

Orang Iban hanya membunuh musuh mereka semasa *ngayau* menentang musuh tradisional mereka atau menentang orang yang menghalang pergerakan mereka semasa mereka meluaskan kawasan atau berpindah ke tempat baharu. Dalam keadaan ini pun, mereka tidak akan membunuh sebarang musuh, malah kalau boleh mereka hanya memilih musuh lelaki dewasa untuk ditentang, dipenggal atau dibunuh.

Membawa balik kepala musuh yang telah dibunuh semasa *ngayau* dianggap sebagai suatu anugerah yang dinobatkan terhadap keberanian lelaki Iban. Lazimnya, setelah mencapai kejayaan ini, seseorang itu akan digelar sebagai 'Bujang Berani', raja berani, atau pahlawan ulung. Ia juga dianggap satu peningkatan status sosial kerana mereka berhak diberikan penghormatan yang tinggi pada masa perayaan gawai atau perayaan-perayaan yang lain.

Mereka juga akan dikagumi dan dihormati oleh ahli masyarakat dan orang yang mengenalinya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya sifat berani dalam kalangan lelaki Iban. Menurut tradisi masyarakat Iban, lelaki yang balik dari medan perang akan disambut dengan menggunakan hamparan kain pua kumbu sebagai satu tanda penghormatan yang tinggi. Kepala musuh yang dibawa pulang dari medan perang akan direndam dengan air cuka, sebelum disalai.

Satu lagi nilai dalam masyarakat Iban ialah sifat tanggungjawab. Sifat tanggungjawab ini boleh dilihat dalam beberapa perkara. Tuai rumah, misalnya bertanggungjawab menjaga keharmonian dan keamanan anak-anak buahnya.

Masyarakat Iban terlalu kuat berpegang kepada adat, kepercayaan dan pantang-larang tertentu. Setiap perkara yang dilakukan adalah bertunjangkan adat. Ini boleh dilihat seperti adat *ngayau*, adat ketika berlaku kematian, adat dalam perkahwinan dan lain-lain lagi.

Menurut kepercayaan mereka, tuhan (petara) adalah sesuatu yang wujud. Ia disembah dan dipuja melalui upacara *miring*, *penggap* (melagukan mantera serta *timang* (ayat-ayat suci) oleh *lembambang* (penyair) diadakan semasa perayaan keagamaan. Mereka juga banyak mengamalkan pantang-larang, contohnya ibu yang mengandung dan suaminya mesti mematuhi pantang tertentu.

Perayaan bagi masyarakat Iban sebenarnya ialah masa untuk membuat pemujaan apabila rayuan, permohonan, seruan ataupun doa dibuat kepada 'petara'. Segala adat, kepercayaan, pantang-larang dan perayaan ini masih mendapat tempat di hati masyarakat Iban sehingga sekarang.

Perubatan

Masyarakat Iban di Sarawak pada dasarnya berpegang kepada ajaran yang mereka panggil 'agama adat'. Dalam bidang perubatan, mereka hanya mengenali *manang* sahaja. Masyarakat Iban mempercayai bahawa kuasa luar biasa yang ada pada seseorang itu boleh membantu individu itu sebagai *shaman* atau *manang* untuk mengubati orang sakit, tetapi bukan penyakit gangguan manusia; sebaliknya yang disebabkan oleh gangguan makhluk halus.

Tambahan pula, pada ketika itu tiada kemudahan hospital dan tiada doktor bagi memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, masyarakat Iban hanya mempercayai bahawa *manang* sahaja yang dapat menyembuhkan penyakit mereka.

Masyarakat Iban mempercayai bahawa *manang* telah diarahkan oleh kuasa luar biasa untuk menjadi *manang*, dan jikalau arahan berkenaan tidak dipatuhi berkemungkinan seseorang *manang* itu akan menemui ajalnya (Penelope : 1987: 13). *Manang* dapat menyembuhkan pelbagai jenis penyakit seperti penyakit yang disebabkan oleh makhluk halus, hantu, jembalang, semangat-semangat jahat atau mimpi-mimpi buruk. Malah, *manang* mungkin layak digelar sebagai seorang doktor.

Lazimnya, dalam masyarakat Iban untuk membolehkan seseorang itu diiktiraf sebagai *manang*, terlebih dahulu individu itu perlu terlebih dahulu mendapat arahan melalui mimpi daripada kuasa luar biasa. Semasa dalam proses pengubatan, seseorang *manang* itu akan berhubung dengan kuasa luar biasa untuk berlawan dan menghalau hantu yang mengganggu semangat si pesakit. *Manang* akan membawa dan mengembalikan semangat si pesakit yang telah terpisah jauh dari badannya supaya sembuh seperti sedia kala, (Richards : 1956: 112).

Satu daripada kaedah *manang* mengubati penyakit ialah melalui pengubatan yang dikenali sebagai *tampung sukat*. *Tampung* bermaksud sambung, sukat dan ukur yang merupakan satu ukuran, sama ada sesuatu ukuran itu panjang atau pendek.

Apabila dua perkataan ini dicantumkan ia membentuk satu frasa, 'tampung sukat' yang membawa pengertian sambung dan ukur. Tetapi makna yang tersirat adalah bahawa sesuatu yang diubati dengan menggunakan kaedah ini dapat disembuhkan, dan juga supaya seseorang itu dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki sepanjang hidupnya.

Dalam bidang perubatan, masyarakat Iban percaya kepada kewujudan pelbagai tuhan dan semangat yang menguasai kehidupan mereka seharian. Tuhan-tuhan dan semangat itu dapat dipujuk dan dipuja melalui persemahan dan korban yang dibuat untuk membantu dan membimbing mereka mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Mereka juga percaya dalam kalangan semangat itu terdapat semangat yang baik dan juga semangat yang jahat. Semangat yang baik akan berusaha membantu manusia ke arah penyembuhan, manakala semangat yang jahat akan sentiasa mengganggu dan membinasakan hidup manusia.

Kaedah manang mengubati pesakit

Tampung sukat adalah kaedah perubatan yang diperturunkan oleh semangat yang baik melalui mimpi. Kaedah ini dipercayai dapat menghalang sebarang bencana, mimpi buruk, atau 'burung bisa' dan juga sebarang jenis penyakit gangguan makhluk halus. Merurut masyarakat Iban, sebarang bencana dan penyakit yang menimpa berpunca daripada kemarahan semangat itu.

Oleh hal yang demikian, semangat itu perlu dipujuk melalui beberapa persemahan: dua ekor ayam, sebilah parang, sebilah pisau tajam, sebuah pasu tembikar, air tapai, kain pua kumbu, dua buah gong besar, minyak masak, secubit garam, sekepal nasi, bertih beras, kuih-muih, sirih dan pinang, raga (bekas menyerupai bakul), pulut dimasak dalam buluh, kain ela berwarna putih dua ela panjang, dan telur ayam dimasak.

Lazimnya, *manang* akan menyediakan bahan-bahan yang diperlukan semasa upacara pengubatannya. Terlebih dahulu *manang* akan membuang lapisan pertama kulit pulut dalam buluh. Kemudian pulut itu akan disapu dengan minyak masak. Seterusnya *manang* akan menyukat atau mengukur kepanjangan pulut dalam buluh tersebut dengan menggunakan jengkalnya. Sebaik sahaja selesai, pulut itu akan dibalut dengan kain pua kumbu dan diletakkan di tempat yang selamat.

Langkah seterusnya pula ialah upacara *miring* iaitu memberi makan kepada tuhan atau dikenali sebagai *petara* untuk memohon restu supaya segala permintaan *manang* itu akan dimakbulkan, contohnya ialah *manang* memohon supaya penyakit seseorang itu akan sembuh.

Maka upacara *miring* itu sesuatu yang wajib dijalankan sebelum *manang* mengubati seseorang. *Piring* itu terbahagi kepada tiga bahagian. Setelah selesai upacara *miring* dijalankan, *manang* itu akan mengadakan upacara *bebiau* yang bertujuan untuk menghalau hantu yang melarikan semangat si pesakit tersebut (Penelope, 1987: 174).

Semasa upacara *bebiau*, si pesakit dikehendaki duduk di atas gong yang besar. Dalam upacara ini, *manang* akan menggunakan seekor ayam hidup dan pulut di dalam buluh yang telah dibalut dengan pua kumbu dan diletakkan di atas kepala si pesakit. Semasa perkara ini dilakukan, ayam tersebut akan dilambung-lambungkan di atas kepala si pesakit.

Sekiranya ramai pesakit yang berubat dalam satu-satu masa, maka pulut itu hendaklah diletakkan di atas kepala pesakit yang paling tua. Upacara ini juga mengambil masa selama lima belas minit. *Manang* akan menggunakan jampi yang diperolehinya melalui mimpi. Ketika upacara *bebiau* sedang berlangsung, Si pesakit tidak dibenarkan menoleh ke arah matahari terbenam kononnya dikhuatiri pesakit tidak dapat disembuhkan.

Jampi itu bertujuan untuk memanggil tuhan nenek moyang pesakit supaya mereka semua datang ke bumi dan mendengar jampi, sekali gus menolong menyembuhkan segala penyakit yang dideritai Si pesakit. Dipercayai *manang* itu telah berhubung dengan kuasa luar biasa melalui semangat bagi mencapai tujuannya.

Manang amat berharap bahawa kuasa luar biasa dapat menunaikan permintaannya. Segala penyakit itu akan pergi bersama-sama hantu-hantu yang dihalau oleh *manang* tersebut. Antara rangkap jampi yang menggambarkan keadaan demikian ialah “jatuh daun buluh tangkap ikan juak, hantu hendak membunuh, ‘petara’ mengaku anak. Jatuh daun buluh, tangkap ikan lansi, hantu hendak membunuh, ‘petara mengaku adik-beradik” (Perham, 1881: 150-151).

Setelah upacara *bebiau* selesai, pesakit yang duduk di atas gong itu hendaklah diangkat dengan gong itu secara serentak dengan perlahan-lahan. Kemudian upacara menyapu *engkarabun*, sejenis akar kayu yang diperoleh melalui mimpi yang membolehkan seseorang menghalau hantu di badan pesakit untuk melindungi pesakit daripada dilihat hantu-hantu tersebut.

Kemudian, disapu pula dengan *penchelap* (batu yang diasah di dalam pinggan tembikar) dan air asahan itu akan disapukan di badan pesakit. Biasanya *batu penchelap* itu diberi oleh satu kuasa luar biasa untuk menghindari satu-satu keluarga daripada ditimpa bencana, sentiasa sihat walafiat dan panjang umur.

Upacara seterusnya pula ialah upacara mengukur kepanjangan pulut itu buat kali kedua. Sekiranya pulut itu lebih panjang berbanding ukuran *manang* yang pertama, ini bermakna pesakit mempunyai peluang yang cerah untuk sembuh, tetapi kalau pulut itu mempunyai ukuran yang masih sama dengan ukuran yang pertama atau ukuran yang lebih pendek lagi, hal ini bermakna peluang pesakit untuk sembuh adalah tipis.

Pada peringkat permulaan berubat, *manang* telah membahagikan *piring* itu kepada tiga bahagian. Bahagian pertama digantung di tempat tidur pesakit dan dibalut dengan kain pua selama empat hari tiga malam. Bahagian kedua pula diletakkan di bawah tangga rumah pesakit. Ia bertujuan untuk memberi *petara* makan, sekali gus dapat menghalau hantu daripada mengganggu pesakit semula.

Manakala *piring* yang ketiga adalah untuk diletakkan di tepian mandi pesakit (tepi sungai). *Piring* ketiga itu harus dihantar ke tepi sungai sebaik sahaja upacara memakan pulut selesai. Hal ini amat penting kerana dipercayai segala penyakit itu akan pergi bersama-sama dengan *piring* itu. Tetapi sebelum itu, ayam yang digunakan untuk upacara *bebiau* hendaklah disembelih hingga putus kepalanya dan kepalanya perlu diletakkan di dalam *piring* yang hendak dihantar ke tepi sungai.

Kepala ayam itu ialah bahagian yang penting kerana dipercayai ia sebagai korban yang dibuat untuk memujuk semangat yang jahat. Orang yang menghantar *piring* itu tidak boleh terdiri daripada ahli keluarga pesakit kerana dikhuatiri penyakit itu akan balik semula bersama-sama ahli keluarga itu.

Setelah segala upacara selesai, jamuan ringan diadakan untuk para tetamu yang hadir. Kemudian keluarga pesakit akan memberi pengeras kepada *manang* yang berupa wang tunai sebanyak RM8.00, sebuah pasu tembikar, dua meter kain ela, sebilah parang dan sebiji pinggan tembikar yang masih dalam keadaan baik. Pemberian pengeras bertujuan untuk menjaga pesakit supaya sembuh dan juga untuk menjaga *manang* supaya dijauhi daripada ditimpa sebarang penyakit.

Perubatan melalui *tampung sukat* ini bukan sahaja boleh digunakan untuk orang yang sedang sakit, tetapi juga untuk mengubati seseorang yang kerap kali mengalami mimpi buruk atau keluarga yang mengalami 'burung bisa' (petanda malang dalam keluarga) supaya dikembalikan semangat yang baik dan kuat seperti sedia kala. Masyarakat Iban menganut agama tradisi atau kepercayaan warisan yang dikenali sebagai agama adat atau kepercayaan animisme. Mereka memuja banyak petara'. Barangan tembikar merupakan objek yang diguna pakai bagi tujuan tersebut.

BAB DUA

TEMBIKAR DAN ARKEOLOGI SARAWAK

Tembikar merupakan salah satu hasil kraf tangan dan kesenian yang dapat dikategorikan ke dalam kelompok budaya yang bersifat universal. Dalam masyarakat Iban, tembikar merupakan alat yang diguna pakai dalam kehidupan seharian mereka. Malah, tembikar juga sebagai artifak yang amat penting, sekali gus menjadi satu warisan budaya bangsa yang amat bernilai.

Tembikar dianggap sebagai benda sakral yang dapat meningkatkan hasil pertanian mereka. Untuk mengekalkan kesakralannya, maka ia perlu diletakkan di tempat-tempat yang sesuai, dan perlu diberi makan dengan piring supaya semua ahli keluarga yang memilikinya dalam keadaan selamat.

Masyarakat Iban yang memiliki tembikar dengan jumlah yang banyak dianggap sebagai keluarga yang berkedudukan tinggi. Mereka akan dilihat sebagai sebuah keluarga yang disegani dan dihormati. Kedudukan keluarga itu tinggi dalam masyarakat kerana tembikar merupakan lambang kejayaan dan kecemerlangan hidup seseorang itu. Semakin kaya seseorang itu, maka semakin banyaklah tembikar yang dimilikinya.

Tembikar merupakan benda budaya yang amat bernilai dalam kehidupan masyarakat Iban. Ia bukan sahaja sebagai satu peralatan yang memberi fungsi untuk diguna pakai, malah tembikar juga dikatakan dapat menyelamatkan seseorang daripada maut kerana kesakralan yang dimilikinya. Hal ini menunjukkan betapa penting tembikar dalam budaya masyarakat Iban.

Tembikar yang pada asalnya merupakan sebagai peralatan biasa dijadikan tempat menyimpan beras, air tapai, air minum dan sebagainya. Namun, fungsinya boleh bertukar secara tiba-tiba, malah ia mengaku bahawa dirinya (tembikar) sebagai manusia hidup dan menjadi 'tuan puteri' dan 'putera'. Tembikar jenis ini juga dikatakan sering 'berhubung' dengan tuannya atau pemiliknya.

Secara umumnya, taburan kewujudan tembikar di Sarawak dipengaruhi keadaan geografi. Tempat-tempat seperti pesisiran pantai, tanah-pamah yang subur, tepi-tepi sungai dan di gua-gua merupakan tempat yang menjadi tumpuan penduduk Sarawak pada ketika itu. Di situ wujudnya aktiviti perniagaan para pedagang di Sarawak. Kesan daripada penempatan itu, wujudnya tapak-tapak arkeologi di seluruh negeri Sarawak. Tapak-tapak itu menjadi asas penting sebagai bukti maklumat dan ilmu pengetahuan kepada para arkeologi.

Melalui tapak-tapak arkeologi itu, ia mencerminkan bentuk kehidupan serta arah, keluasan perdagangan serta pengaruh dan bentuk budaya sesuatu masyarakat itu. Barangan tembikar yang digunakan oleh masyarakat Iban menjelaskan kepada masyarakat sejagat tentang kemajuan sesuatu tamadun masyarakat itu.

Geografi Sarawak

Negeri Sarawak mempunyai keluasan 48,250 batu persegi yang meliputi satu per enam Pulau Borneo. Sarawak terletak di bahagian Barat Laut Borneo, di sebelah Selatan dan Timur bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia, di sebelah Utara dan Timur Laut adalah ialah Brunei dan Sabah. Kawasan pantainya sepanjang 450 batu terdedah kepada Laut China Selatan.

Struktur topografi Sarawak adalah kompleks dan Sarawak boleh dibahagikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu dataran pantai, kawasan beralun dan kawasan pergunungan yang curam. Dataran pantai mempunyai kelebaran yang berbeza daripada sebatu hinggalah mencecah lebih daripada 100 batu. Di bahagian tengah, terdapat kawasan yang beralun yang amat sesuai untuk pertanian. Manakala di bahagian baratnya terdapat kawasan pesisiran pantai seperti Santubong dan muara Tebas.

Suatu ketika dulu, Santubong mencapai zaman kegemilangan apabila menjadi sebuah pelabuhan yang penting bagi urusan perdagangan pada abad ke-9 Masehi. Di kawasan pedalaman pula, terdapat kawasan pergunungan yang curam hingga mencapai lebih daripada 4,000 kaki ketinggian dan terdapat lebih daripada 20 buah gunung dan bukit di kawasan pedalaman Sarawak. Bahagian muka buminya adalah berpaya, kawasan tanah tinggi, landai dan banjaran gunung di kawasan pedalaman. Gunung Murud merupakan gunung yang tertinggi di negeri Sarawak dengan ketinggian 7,950 kaki yang terletak di Bario diikuti pula oleh Gunung Mulu dengan ketinggian 7,798 kaki.

Manakala Banjaran Gunung Kelingang adalah yang memagari sempadan Sarawak dengan Kalimantan, Indonesia. Kawasan-kawasan yang berdekatan dengan banjaran ini mengalami suhu yang agak sejuk sehingga mencecah 18 darjah Celsius.

Sungai menjadi jalan perhubungan penduduk Sarawak, dan Sungai Rajang merupakan sungai yang terpanjang di negeri itu. Negeri Sarawak mempunyai hutan hujan Khatulistiwa dan merupakan hutan hujan antara yang terbaik di dunia. Tiga per empat daripada Sarawak merupakan hutan rimba manakala kawasan pertanian hanya meliputi 11,500 batu persegi.

Antara gua yang tertua di negeri ini ialah gua Niah. Di dalamnya terkandung pelbagai artifak prasejarah telah dijumpai di Gua itu. Homo sapiens berusia 40,000 tahun adalah merupakan yang pertama pernah dijumpai di Gua Niah ini atau di rantau Asia Tenggara. Ini menunjukkan bahawa Gua Niah pernah menjadi penempatan manusia sejak zaman Neolitik lagi.

Pada tahun 2010, populasi penduduk di Sarawak mancatat 2.5 juta penduduk dengan setengah juta orang terdiri daripada masyarakat Iban. Mereka menduduki seluruh pelosok negeri Sarawak, khususnya di Bahagian Sri Aman, Sibuan, Kapit, Bintulu dan Miri.

Tembikar, seramik dan porselin

Istilah seramik berasal daripada perkataan Greek, iaitu *keramos* yang bermaksud tanah liat. Istilah tersebut digunakan bagi menamakan semua peralatan yang diperbuat daripada bahan tanah liat. Menurut satu sumber yang dipamerkan di Muzium Negara (28 Mei 2002), pada masa sekarang perkataan seramik dan tembikar digunakan secara bertukar ganti.

Sebenarnya, perkataan seramik bermakna sesuatu yang telah dibakar di dalam relau tembikar. Sementara tembikar hanya merupakan satu peringkat seramik. Ia merujuk kepada peralatan yang diperbuat daripada tanah liat.

Seramik dibahagikan kepada dua jenis iaitu tembikar dan porselin. Istilah porselin merangkumi semua peralatan yang dihasilkan daripada unsur-unsur galian yang dikenali dengan nama China sebagai '*kaolin*' dan *petuntse* (dikenali sebagai adunan keras) dan porselin tiruan (dikenali sebagai adunan lembut). Porselin dibakar dengan suhu yang tinggi, lut cahaya dan pecah menurut campurannya sama ada menggerutu atau berbiji-biji.

Manakala tembikar pula dibakar dengan suhu yang rendah, kalam, pecah dengan kasar iaitu menunjukkan permukaan yang tidak rata apabila ia pecah. Dalam maksud yang **lebih** luas, tembikar dikenali sebagai objek yang diperbuat daripada tanah liat kemudian dikeraskan dengan menggunakan api serta digilap.

Tembikar ialah sebarang benda yang diperbuat daripada tanah liat yang merupakan sesuatu campuran yang lebih banyak menggunakan tanah liat dan bertukar menjadi keras bila ia dipanaskan (House: 1969: 337). Daripada kedua-dua pengertian yang telah diberi, adalah jelas bahawa tembikar dihasilkan daripada tanah liat dan mesti dipanaskan dengan api sebelum dapat digunakan.

Pengenalan tembikar kepada masyarakat Sarawak dan bukti arkeologi

Bukti-bukti yang diperoleh dari tapak sejarah proto di Sarawak menunjukkan bahawa dari kurun ke-9 dan seterusnya para pedagang dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Indo-China, India dan China telah datang ke Borneo untuk berdagang dengan mengamalkan sistem perdagangan pertukaran barang. Pedagang-pedagang asing ini membawa bersama-sama mereka barangan seperti perhiasan diri, barangan logam, kain sutera, tekstil dan barangan tembikar.

Menurut Ipoi Datan, Timbalan Pengarah Muzium Sarawak, barangan-barangan tersebut ditukar dengan barangan tempatan seperti tanduk badak, bulu burung raja udang, sarang burung, batu gemala, kapur barus, damar, rotan, dan rempah-ratus. Sistem perdagangan ini diamalkan secara berterusan sehinggalah ke abad Ke-19 apabila sistem perdagangan mata wang mula diperkenalkan.

Berdasarkan penemuan arkeologi, para pedagang dipercayai mendirikan penempatan pertama mereka di Santubong. Penemuan ini disokong dengan bukti kukuh dengan terbinanya sebuah wat Buddha di Muara Tebas pada tahun 1775 Masihi iaitu bersebelahan dengan Gunung Santubong sekarang.

Menurut penjaga kuil berkenaan bernama Chua, Muara Tebas merupakan sebuah pelabuhan yang amat strategik bagi persinggahan kapal-kapal para pedagang pada masa itu. Wat tersebut yang dinamakan '*Chin San Yen*' telah dibina oleh para pedagang dari negeri China yang berketurunan Hockkien di atas sebuah bukit di Muara Tebas.

Menurutnya lagi, wat yang tertua di Sarawak ini telah dikenali di seluruh pelusuk dunia dan perkara ini dapat dibuktikan melalui kunjungan para penganut agama Buddha dari seluruh dunia terutamanya dari negara China, United Kingdom, Kanada, Denmark, Taiwan, dan Hong Kong. Wat ini juga menjadi tumpuan kepada masyarakat Cina beragama Buddha bersembahyang khasnya pada musim perayaan Tahun Baru Cina.

Wat tersebut juga dianggap penuh bersejarah dan kuil keramat kerana kuil inilah kuil pertama yang dibina orang Cina setelah membina penempatan di Sarawak pada ketika itu. Dan ia juga sebagai mercu tanda bahawa masyarakat Cina pernah menjalankan urusan perdagangan dan membuat penempatan secara besar-besaran di pelabuhan utama seperti pelabuhan Santubong dan pelabuhan Muara Tebas pada ketika itu.

Wat ini terletak di atas sebuah bukit menghadap Laut China Selatan. Jauhnya dari bandar Kuching adalah kira-kira 21 kilometer dan boleh dihubungi dengan menggunakan jalan air dan jalan darat.

Santubong pada masa itu merupakan sebuah pelabuhan lama yang berkembang maju dan juga menjadi satu kawasan yang terlibat dengan peleburan besi untuk beberapa ketika. Tambahan pula, Santubong dikatakan setanding dengan kawasan Kuala Muda dan Lembah Merbok di Kedah dari segi saiz dan kekayaannya. Ia juga ialah sebuah pelabuhan utama di negeri Poni ini iaitu bagi pemerintahan Brunei.

Pada tahun 1949, Kurator Tom Harrisson telah memulakan kerja-kerja ekskavasi di Santubong dan telah menjumpai beribu-ribu keping seramik, sisa-sisa besi dan manik-manik yang diperbuat daripada kaca, batu dan tanah liat.

Berdasarkan penemuan ini, Harrisson dan S.J O'Connor percaya bahawa Santubong merupakan sebuah penempatan besar dan pusat perdagangan. Ia merupakan tapak pembuatan besi dan berkembang dari kurun ke-7 hingga kurun ke-10 atau kurun ke-14. Ramai penyelidik bersetuju bahawa Santubong wujud hingga kurun ke-14 berdasarkan kehadiran seramik-seramik dari negeri China.

Besar kemungkinan juga pelabuhan itu telah wujud pada abad ke-10 di Sungai Jaong. Ia kemudian telah berkembang hingga ke Bongkissam pada abad ke-12 dan juga di tempat lain seperti di Gedong, Bukit Sadong dan Ensika di Ulu Sebang Simunjan.

Pelabuhan delta di Santubong ini telah mencapai zaman kemuncak atau kegemilangan pada abad ke-12 dan ke-13 dan mengalami kemerosotan pada abad ke-14. Hal ini terjadi disebabkan kemungkinan kewujudan serta kepentingannya telah diatasi oleh satu kawasan lain yang dipercayai lebih berkuasa pada masa itu atau kemunculan sebuah kuasa politik yang baharu seperti Majapahit.

Hasil ekskavasi yang dijalankan pada sekitar tahun 1948 hingga 1967, Jabatan Muzium Sarawak telah mengumpul banyak bukti arkeologi tentang penemuan beribu-ribu keping seramik di seluruh Sarawak.

Menurut Ipoi Datan, selain di Santubong, kajian pertama arkeologi tentang penemuan serpihan tembikar China telah dilakukan di Gua Niah oleh Kurator Tom Harrisson pada tahun 1948. Beliau berjaya menjumpai beribu-ribu serpihan tembikar China dan penemuan artifak sekaligus menjadi penemuan **baru** yang paling menonjol di Sarawak. Dipercayai bahawa tempat tersebut dahulunya merupakan pusat penting untuk para pedagang antara kurun ke-11 sehingga kurun ke-13.

Menurut maklumat dari Muzium Sarawak, Gua Niah merupakan tempat pengebumian Neolitik yang menempatkan sebanyak 166 tapak pengebumian yang dipercayai menggunakan tempayan sebagai keranda. Ini berdasarkan penemuan serpihan tembikar China pada tapak pengebumian tersebut. Berdasarkan penemuan artifak tersebut, ia memberi gambaran bahawa selain daripada penggunaan harian, barangan tembikar juga dijadikan sebagai keranda pada masa itu (Sarawak Museum Journal, 1969: 34-35).

Sebelum ini, tembikar China jenis pasca-Tang pernah dijumpai di tapak-tapak arkeologi di Muasa Sungai Sarawak dan di Gedong di tebing Sungai Sadong yang bertarikh dari abad ke-13 dan dari abad ke-14.

Di Pulau Berneo, selain daripada fungsi utilitarian tersebut, tempayan-tempayan Cina juga telah digunakan sebagai bekas untuk pengebumian. Di Sarawak, sebanyak 1,896 serpihan tembikar biru dan putih dijumpai di Bukit Sandong di tebing Sungai Merbau yang bertarikh dari abad ke-16 dan abad ke-17.

Pada akhir tahun 1974, satu penemuan sebanyak 79 peralatan batu, manik purba dan serpihan tembikar diperoleh di kawasan pedalaman Ulu Baleh Kapit. Ia merupakan kawasan purba terbuka pertama yang pernah dijumpai di Sarawak dan juga di kepulauan Borneo. Menurut Ipoi Datan, terdapat beberapa tapak arkeologi utama di negeri Sarawak seperti yang berikut:

Tapak-tapak Arkeologi Utama Di Sarawak

Santubong

Menurut sumber Muzium Sarawak, Santubong merupakan kawasan arkeologi yang terbesar di Malaysia berbanding dengan Lembah Bujang di Semenanjung Malaysia dan juga merupakan tempat dokumentasi arkeologi yang lengkap di seluruh kepulauan Borneo dan Malaysia.

Santubong yang juga dikenali sebagai Delta Sungai Sarawak merupakan tapak utama iaitu dengan penemuan beribu-ribu serpihan tembikar telah ditemui dan digali semenjak tahun 1948. Serpihan tembikar tersebut dipercayai berasal dari negara China dan sebahagiannya dari negara Thailand, Vietnam, Jepun dan Eropah. Penemuan serpihan tembikar ini membuktikan bahawa bahagian pesisiran pantai dahulunya merupakan pusat perdagangan yang penting seawal kurun ke-9. Para pedagang tersebut dipercayai datang dari negeri China, India dan negara-negara jiran yang lain.

Tanjong Kubor

Tanjong Kubor ialah kawasan perkuburan yang terletak di sebuah tanjung kecil berhadapan dengan Kampung Santubong. Kawasan ini telah diekskavasikan secara meluas dan dalam ekskavasi tersebut telah dijumpai tembikar China buatan Dinasti Song dan periuk tanah juga telah ditemui.

Tanjong Tegok

Tanjong Tegok ialah kawasan perkuburan yang berhampiran dengan Santubong. Kawasan perkuburan ini lebih kecil jika berbanding dengan tapak perkuburan di Tanjong Kubor dan usianya juga lebih muda. Di kawasan ini banyak serpihan tembikar dan porselin yang bermutu tinggi berbanding dengan yang diperoleh dari Tanjong Kubor.

Sungai Buah

Sungai Buah terletak di seberang Sungai Santubong. Banyak tahi besi telah dijumpai di kawasan ini. Penemuan-penemuan lain adalah seperti yang terdapat di Sungai Jaong yang kebanyakannya ialah tembikar China Dinasti Song, manik daripada kaca dan batu. Kawasan ini dianggap lebih muda jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain.

Sungai Jaong di lembah Sungai Sarawak

Sungai Jaong ialah anak sungai yang terletak kira-kira dua kilometer dari Kampung Santubong dan 400 meter di sebelah kiri jalan raya yang menuju ke Santubong. Ia dipercayai sebagai penempatan yang terawal dan terbesar sebagai kota pelabuhan Santubong yang makmur pada kurun ke-10 dan mungkin berakhir pada kurun ke-14.

Pelbagai serpihan tembikar dari era Tang dan Sung, manik kaca, gelang, bahan-bahan yang diperbuat daripada emas dan tahi besi dijumpai di kawasan ini. Terdapat sepuluh bungkah batu bertoresan manusia dan simbol di kawasan tersebut.

Torehan di permukaan yang terdapat di satu batu besar di tebing sungai yang telah terhakis itu menonjolkan bentuk manusia dalam keadaan mendepa kedua-dua belah kaki dan

tanggannya. Masyarakat tempatan menamakan batu yang penuh misteri ini sebagai batu gambar. Ia telah dijumpai pada tahun 1886.

Bukit Maras dekat Santubong

Terdapat banyak tahi besi di kawasan ini. Patung purba telah dijumpai di kawasan ini yang dikaitkan dengan kepala dan batu gajah serta kepingan-kepingan pasu-pasu lembut yang mungkin dibuat oleh orang tempatan untuk kegunaan domestik atau upacara keagamaan, namun barangan lain yang lebih sempurna dijumpai juga di kawasan ini tetapi mempunyai rekabentuk India. Dalam tahun 1961, satu ukiran Buddha daripada batu tanpa kepala, tangan dan kaki telah ditemui di kawasan ini. Ia dikenal pasti sebagai bahan keagamaan di kuil gua yang berkemungkinan dari kurun ke-8 hingga kurun ke-9.

Bongkissam di Lembah Sungai Sarawak

Objek-objek emas dan batu separa berharga terdapat di dataran (bahan purba dalam upacara agama Buddha), tembikar-tembikar yang telah ditemui di sini adalah dari zaman Dinasti Tang dan Sung.

Gua Sireh di daerah Bau

Gua ini pernah digunakan sebagai tempat pengebumian. Di dinding gua tersebut terdapat beberapa buah lukisan zaman batu neolitik. Selain daripada itu, tembikar-tembikar yang diperbuat dalam kurun ke-18 dan ke-19 turut dijumpai di gua tersebut.

Gua Bungoh di daerah Bau

Tempayan China berwarna biru dan putih serta tembikar-tembikar buatan tempatan ditemui di kawasan ini.

Bukit Sandong berdekatan Balai Ringin di Serian

Di kawasan ini telah dijumpai tembikar-tembikar yang berwarna biru dan putih dari zaman Dinasti Sung serta tembikar-tembikar buatan tempatan.

Sekadang Linggai

Di kawasan ini telah dijumpai tembikar-tembikar dari zaman Dinasti Sung dan juga tembikar-tembikar buatan tempatan.

Sekolah Kanowit

Tembikar-tembikar dari abad ke-18 dan abad ke-19 telah ditemui di kawasan perkuburan terbuka.

Tanjung Tanjung Sangidam Hilir, di Serian

Tembikar-tembikar China yang berwarna biru dan putih dari zaman Dinasti Sung serta tembikar buatan tempatan telah ditemui di kawasan ini.

Ensika di Ulu Sebangon

Penemuan tembikar berwarna biru dan putih dari era Dinasti Sung telah dijumpai di sini

Saratok

Terdapat penemuan tembikar-tembikar dari Dinasti Tang dan Sung yang masih dalam berkeadaan baik. Tembikar-tembikar tersebut telah dijumpai di puncak bukit.

Kelaka berdekatan Daerah Kabong

Tembikar berwarna biru dan putih dari zaman Dinasti Tang dan Sung telah dijumpai di sini. Selain daripada itu, perkakasan dan tembikar Sawankhalok ditemui juga di tempat yang terbuka.

Kain Hitam (The Painted Cave)

Di dalam gua batu kapur yang berasingan, terdapat lukisan pada kira-kira 200 kaki di dinding gua tersebut dan 'death ship' atau keranda yang berbentuk perahu yang mengandungi tulang-tulang dan manik-manik yang berselerakan di lantai gua terdapat di kawasan ini.

Lobang Angin (Wind Mouth)

Dataran kira-kira 400 kaki persegi di atas lereng gua pernah didiami pada Akhir Zaman Batu dan zaman-zaman sebelum Paleolitik.

Gua Kira (Traders Cave)

Dataran batu kecil pada paras laut menunjukkan tempat tersebut pernah menjadi tapak perdagangan dan berlakunya pembunuhan kerana terdapat rangka manusia yang terbenam berselerakan (ada kepala yang telah dipenggal). Kerja-kerja cari gali di kawasan ini telah dijalankan sehingga pada dasar batu kapur.

Lobang Tulang (Caves of Bones)

Penemuan pelbagai jenis dan saiz tempayan yang berisi tulang-tulang manusia yang disusun pada lereng dinding gua. Penemuan lain termasuklah barangan yang diperbuat daripada tembaga dan sebagainya. Perkara ini menunjukkan bahawa adanya perhubungan perdagangan dengan negara China pada abad ke-9 sehingga abad ke-12.

Juragan

Kira-kira 600 kaki persegi di kawasan lereng bukit ini terdapat tulang-tulang dari golongan orang dewasa, bayi dan juga wanita. Tulang-tulang ini dipercayai daripada masyarakat primitif yang mempunyai peralatan budaya yang ringkas.

Berkemungkinan masyarakat Punan pernah mengadakan perhubungan perdagangan dengan masyarakat yang tinggal di Gua Besar. Peninggalan sejarah ini telah dipindahkan disebabkan kesukaran untuk mengawalinya daripada kerosakan oleh pekerja-pekerja yang mengambil tahi burung.

Sekaloh di Niah

Ia merupakan kawasan perkuburan lama masyarakat Melanau yang mengandungi barangan tembikar yang menarik dan bekas-bekas makanan.

Lubang Kudih Di Bekong

Kawasan ini merupakan sebuah gua kubur yang mempunyai kaitan dengan tembikar-tembikar zaman Ming dan manik-manik.

Gua Niah di bahagian Miri

Tembikar terawal yang dijumpai dan digali adalah daripada bahagian barat mulut Gua Niah, Tembikar-tembikar ini berupa tempayan atau bekas yang tidak berukir, botol dan bekas yang berbentuk bundar. Kesemua barangan tembikar tersebut adalah kasar buatannya. Ia dipercayai diperbuat menggunakan tangan, keras dan dibakar dengan api yang sederhana.

Menurut kajian Barbarra Harrison, kebanyakan bekas tembikar ini ada kaitan dengan upacara pengebumian neolitik iaitu sebagai bekas atau keranda untuk pembakaran mayat ataupun sebagai cenderamata pengebumian.

Selain daripada itu, manik-manik purba diikat di pergelangan tangan mayat. Kemudian selang beberapa hari, mayat tersebut dibawa keluar daripada rumah itu dan disimpan di ruang khas untuk jangka masa yang minimum dalam tahun yang sama. Kemudian tulang-tulangunya dikumpulkan ke dalam sebuah tempayan besar. Manakala yang lain seperti pinggan mangkuk dan manik-manik dikebumikan bersama-sama dengan tempayan tersebut.

Lubang Kuala di Niah

Penemuan tapak tamadun Zaman Batu yang terpenting di Borneo. Kajian arkeologi yang dijalankan dengan menggunakan Pentarikan Karbon menunjukkan bahawa arang batu berusia kira-kira 1,000 tahun terdapat di sini. Selain daripada itu, tengkorak berusia pada tahap 40,000 tahun juga telah ditemui di sini. Penemuan lain adalah seperti ukiran di batu-batu, bekas-bekas makanan dan pasu-pasu tanah.

Upuising di Niah

Gua ini pernah digunakan beberapa lama dahulu sebagai tempat pengebumian. Ini berdasarkan penemuan barangan seperti bekas-bekas yang diperbuat daripada tanah, tembikar-tembikar, manik-manik kaca, objek-objek logam dan bekas-bekas makanan.

Gua di Kakus, Ulu Tatau Bintulu

Kawasan ini merupakan tempat perkuburan primer dan sekunder sebelum penemuan barangan yang diperbuat logam, kaca dan pinggan mangkuk tembikar.

Sungai Baya

Tempayan jenis Ming yang mengandungi ukiran-ukiran naga telah ditemui di sini. Tempayan tersebut adalah dipercayai bertarikh pada abad ke-18 dan ke-19 dan mempunyai penutup. Selain daripada tempayan, barangan seperti manik-manik serta sebuah bekas tempayan besar Yi Hsing juga telah ditemui di tempat yang sama.

Batu Malong-along di hulu Sungai Limbang

Ia merupakan tapak pengebumian yang mengandungi pinggan mangkuk dari jenis Annamese dan kotak Cina yang mempunyai penutup.

Sungai Putai Balih, Kapit

Di kawasan ini dijumpai sebanyak 79 bilah beliung dari Zaman Neolitik yang mempunyai kaitan dengan objek-objek logam dan pasu-pasu buatan tempatan.

Long Semadoh

Terdapat lima tempat perkuburan lama yang terdapat di sini. Tempat tersebut masing-masing mengandungi tembikar Ming serta tempayan yang mempunyai penutup dari kurun ke-18 dan ke-19. Terdapat juga empat ketul batu di Daerah Long Semadoh dan seketul lagi batu di Long Rapuak dan tiga di Long Lapukan. Batu-batu ini dipercayai digunakan untuk menanam barangan berharga.

Dengan adanya penemuan barangan tembikar, manik-manik dan bahan logam yang lain telah membuktikan bahawa bahagian pesisiran pantai dahulunya merupakan pusat perdagangan yang penting berlaku seawal kurun ke-9. Para pedagang tersebut membawa tekstil, manik, tembikar dan barangan loyang didagangkan untuk mendapatkan Chamgpor, lilin lebah, sarang burung dan barangan eksotik yang lain daripada masyarakat tempatan Sarawak.

Bukti-bukti lain kehadiran tembikar

Menurut Batang Ambon, di beberapa buah kawasan di Entawa Wong Padong Undop, Sri Aman, terdapat banyak serpihan tembikar yang telah dijumpai di kebun-kebun getah, ladang dan kebun lada. Terdapat sebuah kawasan yang dinamakan 'Tembawai Tinting' (nama sebuah tempat bekas petempatan penduduk kampung), dan di tempat ini telah dijumpai serpihan tembikar seperti serpihan tempayan dan pinggan mangkuk purba.

Penemuan-penemuan terhadap serpihan tembikar ini membuktikan bahawa ia telah digunakan oleh masyarakat Iban sejak kehadirannya di Sarawak. 'Tembawai Tinting' ialah bekas petempatan penduduk kampung Entawa Undop pada abad ke-17.

Kenyataan tersebut diceritakan secara turun-temurun, iaitu daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain sehingga sekarang. Pada abad ke-17 adalah musim ngayau (ekspidisi perang) antara orang Iban di Batang Undop dengan orang Iban di Ulu Engkari, Batang Ai, Lubuk Antu. Aktiviti ngayau ini berlarutan sehingga abad ke-18. Orang Iban Batang Undop banyak memperoleh kepala musuh dan kepala-kepala itu disalai sehingga ke hari ini.

Menurut Buntal Asong, penempatan kedua masyarakat Iban di Entawa Wong Padong Undop disebut sebagai "Tembawai Kota" yang membawa maksud bekas penempatan dan tembok peperangan. Di 'Tembawai Kota' terdapat banyak serpihan tembikar seperti tempayan-tempayan, pinggan mangkuk dan bekas makanan. Perkara ini juga membuktikan bahawa barangan tembikar terus digunakan sebagai peralatan dalam kehidupan mereka.

Menurut Lata Matong, penempatan yang ketiga di Entawa Wong Padong Undop ialah di 'Tembawai Pisang', dan beliau sendiri telah dilahirkan di tempat tersebut. Menurutnya lagi, masyarakat Iban di rumah panjang pada awal abad ke-19, dikatakan bahawa setiap keluarga memiliki barangan tembikar dengan banyak seperti tempayan, pasu dan pinggan mangkuk purba. Mereka wajib mempunyai barangan tembikar kerana ia dijadikan pemberian khas sebagai cenderamata ketika berlaku kematian dan juga dijadikan sebagai keranda pada ketika itu.

Menurut Chuking Rigo, terdapat sebuah kawasan perkuburan yang dinamakan 'Pendam Jirup' iaitu perkuburan masyarakat Iban pada pertengahan abad ke-18 dan ke-19 di Entawa Wong Padong Undop, Sri Aman. Di kawasan perkuburan tersebut banyak terdapat tempayan, pasu dan pinggan mangkuk tembikar yang dibawa oleh si mati. Barangan tembikar itu diletakkan di tepi perkuburan si mati.

Selain daripada itu, terdapat satu lagi kawasan perkuburan yang dinamakan 'Pendam Sera', juga terdapat banyak tembikar, manik-manik, barangan perak dan pinggan mangkuk tembikar. Ia merupakan perkuburan masyarakat Iban pada pertengahan abad ke-19.

Penemuan barangan tembikar di bekas-bekas petempatan dan di kawasan perkuburan masyarakat Iban membuktikan bahawa mereka menggunakan barangan tembikar sejak awal lagi. Ini adalah kerana selain daripada penggunaan harian, barangan tembikar juga dijadikan sebagai cenderamata kepada si mati dan ini bermakna bahawa penggunaan tembikar telah berkembang dan dipelbagaikan dalam masyarakat Iban.

Penerimaan Tembikar Dalam Masyarakat Iban

Masyarakat Iban dikatakan telah bertapak di Sarawak pada pertengahan abad ke-16. Mereka hidup dan tinggal secara berkelompok dengan mendirikan rumah-rumah panjang di sepanjang tepi sungai terutamanya di Bahagian Sri Aman.

Kemudian sesetengah mereka berpindah ke bahagian-bahagian lain di seluruh pelusuk negeri Sarawak. Apabila masyarakat Iban membina penempatan yang tetap, mereka mula menyedari penggunaan pelbagai alat keperluan dalam kehidupan seharian mereka.

Pada peringkat awal, para pedagang dari China menggunakan barangan tembikar sebagai alat untuk menyimpan bahan-bahan makanan mereka seperti beras, jeruk sayuran, telur masin, arak, garam, gula, minyak masak, rempah, dan sebagainya. Barangan tembikar boleh didapati dengan mudah iaitu melalui urusan bertukar-tukar barang dengan para pedagang khasnya dari negara China.

Masyarakat Iban dari kawasan pedalaman membawa barangan hasil-hasil hutan seperti rotan, kayu gaharu, damar, akar-akar kayu, sarang burung, tanduk badak kemudiannya mereka menukarnya dengan barangan tembikar yang terdiri daripada pinggan mangkuk, tempayan-tempayan, pasu-pasu besar dan kecil.

Keadaan ini berlaku secara berterusan sehingga abad ke-19 apabila mata wang mula diperkenalkan di negeri Sarawak dan sekarang tembikar menjadi bahan komersial yang boleh memberi pendapatan yang lumayan.

Apa yang berlaku pada peringkat awal ialah tembikar yang digunakan oleh para pedagang China untuk membawa bekalan makanan mereka kemudian bekas tersebut ditukarkan dengan hasil-hasil hutan dengan masyarakat peribumi Sarawak. Menariknya selepas itu apabila tembikar menjadi satu daripada bahan dagangan yang popular yang didagangkan oleh mereka di negeri Sarawak.

Tembikar kemudian menjadi peralatan penting sebagai bahan kegunaan masyarakat Iban untuk pelbagai fungsi dan peranan. Tambahan pula, pada waktu itu, tiada peralatan lain yang boleh digunakan sebagai alat keperluan melainkan barangan tembikar sahaja. Rata-rata masyarakat Iban menggunakan tembikar sebaik sahaja mereka mengetahui bahawa ia boleh dijadikan bahan-bahan keperluan dalam hidup mereka.


Pada peringkat awal, penggunaan tembikar hanya sebagai peralatan atau kegunaan seharian. Fungsinya kemudian berubah apabila masyarakat Iban mula mempelbagaikan penggunaannya. Masyarakat itu bukan sahaja menggunakannya malah mereka mendapat mimpi bahawa tembikar ialah objek yang boleh memberi mereka satu dimensi baharu dalam hidup mereka.

Masyarakat Iban percaya bahawa tembikar boleh membantu mereka dalam banyak perkara baik secara tersurat mahupun secara tersirat khasnya dalam aspek ritual. Sejak berabad-abad lamanya tembikar digunakan oleh masyarakat Iban khasnya peranan tembikar dalam budaya masyarakat itu. Dari mula mereka mengenali tembikar sehingga sekarang, namun tembikar itu dilihat oleh masyarakat tersebut sebagai bahan yang semakin penting dalam budaya mereka, sekali gus ia diiktiraf sebagai warisan budaya dan harta pusaka masyarakat Iban.


Konsep tembikar dalam masyarakat Iban

Dalam masyarakat Iban, tembikar terdiri daripada pelbagai jenis, bentuk dan kategorinya. Nama-nama tembikar diberi berdasarkan penggunaannya. Konsep tembikar dalam masyarakat Iban bermaksud barangan berharga seperti tempayan, sebagai adat tanda hormat, sebagai adat keampunan, atau adat tunggu'(adat ketua rumah panjang untuk meleraikan pertengkaran).

Contohnya, tembikar untuk membayar ‘tunggu’, membayar hukum adat, memohon keampunan, tembikar sebagai tanda hormat, tembikar guchi, tembikar ‘Menaga’ (badan tembikar berukiran naga). Tembikar yang paling besar dikategorikan sebagai ‘tajau’ atau dikenali sebagai tempayan.



Gambar 1.1: Motif-motif bercorak naga yang terdapat pada sesebuah tempayan itu, dan tempayan itu dinamakan ‘Tajau Menaga’.



Gambar 1.2: Motif-motif bercorak naga pada tempayan ini menjadikan tempayan-tempayan ini kelihatan 'bersemangat' dan 'bernyawa'. Lazimnya, tempayan-tempayan seperti inilah yang digunakan dalam upacara 'Gawai Kenyalang' kerana ia melambangkan keberanian seseorang 'Bujang Berani' itu.

Tempayan ini adalah tinggi dan mempunyai kelebaran yang luas pada bahagian tengah. Ia biasanya digunakan untuk menyimpan padi, beras, kain pua kumbu barang pusaka

seperti 'baku' (sejenis bekas diperbuat daripada tembaga), pakaian, wang, barang kemas seperti emas dan air.

Tajau-tajau ini ada yang 'tajau lama' atau tempayan prasejarah. Ia didapati dalam pelbagai bentuk, contohnya ada yang bertelinga coklat, bertutup, mempunyai ukiran naga, badan naga berwarna hijau, dan tangan serta kepalanya berwarna merah.

Tempayan-tempayan itu pula ada banyak kategorinya. Contoh kelas yang paling tinggi ialah tempayan Ningka, Menaga, Rusa Geri dan diikuti oleh Rusa Indu. Semua jenis tempayan tersebut mempunyai kelas yang paling tinggi dalam kategori tempayan.

Kemudian kelas yang kedua pula ialah seperti tempayan yang dinamakan Alas Ngerang, Alas, Jabir, Panding dan Menukul atau Mungkul. Dalam masyarakat Iban, 'Mungkul' bermaksud tempayan '*tunggu*' yang digunakan sejak zaman silam lagi. Biasanya tempayan itu disebut sebagai 'Mukul' atau "menukul".

Semua adat '*tunggu*' dalam masyarakat Iban dikategorikan sebagai 'Mungkul'. 'Mungkul' bermaksud membayar denda dengan tempayan. Jika ditukar kepada mata wang satu mungkul sama dengan nilai 50 sen, tetapi pada masa sekarang satu mungkul sama dengan satu ringgit.

Menurut Manin Matong, masyarakat Iban mempercayai bahawa tempayan prasejarah mempunyai kuasa sakti. Ia ada penghuni, ada mempunyai kuasa luar biasa, ada semangat, ada nyawa. 'Tajau lama' atau tempayan prasejarah itu dapat berkomunikasi dengan pemiliknya. Ia terdiri daripada tajau lelaki (tempayan besar) dan tajau perempuan (tempayan kecil). Kemudian pasangan tajau ini berkahwin. Tajau lama perempuan biasanya ia kelihatan cantik seperti bidadari, berambut panjang hingga ke paras lutut.

Apabila bulan mengambang penuh, maka tajau lama yang perempuan selalu kelihatan mandi di air terjun. Semua perkara ini dijelaskan oleh tajau-tajau tersebut melalui mimpi. Oleh hal yang demikian, masyarakat Iban percaya bahawa tajau-tajau itu mempunyai nyawa dan semangat seperti manusia.

Padahal apabila diimbis semula sejarah tembikar, ia hanya digunakan oleh masyarakat Iban setelah kedatangan pedagang-pedagang China ke Sarawak setelah mereka berminat untuk membeli seterusnya menggunakannya.

Mungkin bagi masyarakat lain menganggap tajau-tajau ini sebagai benda biasa yang tiada mempunyai apa-apa nilai kepada mereka sebaliknya bagi masyarakat Iban, tajau adalah sesuatu benda yang mistik, penyampai wahyu melalui mimpi, bernilai pusaka sejarah dan menjadi lambang bagi etnik tersebut di Sarawak.

Dalam sesebuah keluarga masyarakat Iban, barangan tembikar ini akan diberi penghormatan. Ia diletakkan di ruang tamu, diikat di dinding. Tajau kadang-kala minta 'piring' yang dijelas melalui mimpi sebagai makanannya. Oleh sebab itu, mereka berasa megah dan bangga jika mereka memiliki banyak tajau kerana ia telah menjadi satu tradisi simbol kekayaan seterusnya keluarga itu dihormati dan mulia di sisi masyarakat.

Sementara jenis yang lain ialah 'Iron'. Iron lebih rendah daripada tempayan tetapi bahagian perutnya agak lebar dan besar. Biasanya Iron digunakan oleh masyarakat Iban

untuk menyimpan beras kerana ini memudahkan kerja terutama semasa mengeluarkan beras kerana tangan kita tidak perlu menyelam jauh ke bawah, sebab ia rendah sahaja.

Jenis yang seterusnya pula ialah Udat. Udat adalah rendah dan bersaiz kecil berbanding dengan Iron. Kegunaannya adalah untuk menyimpan tempoyak. Biasanya makanan itu tahan lama hingga dua tahun di dalamnya tanpa mengubah sedikitpun kewangiannya.

Manakala jenis yang lebih kecil dinamakan tempayan. Biasanya ia digunakan untuk menyimpan pekasam seperti pekasam ikan dan babi hutan. Pekasam-pekasam itu lebih sedap daripada yang disimpan di dalam balang kaca. Rasanya tidak berubah dan pekasam itu semakin lama menjadi semakin sedap.

Manakala jabir lebih kecil berbanding dengan tempayan. Ia juga digunakan untuk membuat air tapai apabila tiba musim pesta gawai. Air tapai itu biasanya manis walaupun tidak dibubuh gula. Oleh sebab itu, masyarakat Iban terkenal dengan pembuatan air tapai kerana jabir tersebut merupakan bekas yang paling serasi dalam pembuatan air tapai berbanding dengan bekas lain seperti kaca atau plastik.

Jenis yang lebih kecil dikenali sebagai 'Manduh'. Ia lebih rendah, biasanya berwarna hitam dan coklat. 'Manduh' juga digunakan untuk menyimpan tempoyak dan pekasam. Lazimnya, masyarakat Iban tidak akan menggunakan bekas lain selain daripada barang-barang tembikar tersebut. Ini kerana ia telah terbukti memberi kesan yang amat baik dalam masyarakat itu. Sementara 'Kebok' kategori yang lebih kecil berbanding dengan 'Manduh'. Ia digunakan untuk menyimpan garam, gula, minyak masak dan sawi jeruk. Ia berwarna coklat dan kekuning-kuningan.

Terdapat satu lagi kategori yang dikenali sebagai 'Guchi'. Guchi merupakan satu-satunya jenis yang sukar didapati dan perkara ini boleh kita perhatikan di rumah-rumah panjang. Jarang-jarang masyarakat Iban ada memiliki Guchi.

Hal ini adalah kerana ia dianggap sebagai satu benda yang mempunyai kuasa luar biasa. Masyarakat Iban ada yang menjumpai Guchi yang digali dari tanah. Perkara ini berlaku kerana ia dianugerahkan melalui mimpi. Guchi boleh dijadikan 'pengaruh' (azimat) yang boleh digunakan untuk memperolehi harta kekayaan. Pemilik-pemiliknya boleh berkomunikasi dengan Guchi melalui beberapa petanda contohnya disampaikan melalui burung tertentu, 'ular Kendawang' dan mimpi.

Persoalan yang sering kali timbul ialah mengapakah barangan tembikar mempunyai sesuatu kuasa luar biasa? Dalam masyarakat Iban, konsep hantu itu ialah *petara*.

Mereka menyembah banyak *petara* seperti *Pulang Gana* (tuhan pertanian), *Sengalang Burung* (tuhan perang) dan *Selampandai* (tuhan pencipta manusia). Pada mulanya, mereka menggunakan barangan tembikar itu sebagai peralatan untuk menyediakan *piring* semasa upacara *miring* dijalankan. Tradisi *miring* ialah satu kaedah masyarakat Iban memberi makan dan memohon hajat daripada tuhan mereka dan dengan berbuat demikian diharapkan tuhan-tuhan itu boleh menyempurnakan segala hajat itu.

Tembikar-tembikar yang sering digunakan bagi tujuan itu adalah seperti tajau, tempayan, pinggan dan mangkuk. Ia digunakan untuk meletakkan *piring*. Kemudian *piring* itu dipuja dengan ayat-ayat mantera. Masyarakat Iban percaya bahawa barangan tembikar memiliki kuasa luar biasa daripada mimpi oleh tuhan-tuhan tersebut dan seterusnya ia memiliki kuasa-kuasa itu sehingga ke hari ini.

Oleh sebab itu, tajau boleh membantu pemiliknya menjadi kaya, kebal dan boleh membunuh. Semua arahan itu dianugerahkan melalui mimpi kepada si pemiliknya dan pemilik tersebut harus mematuhi segala mimpi, arahan, tidak boleh bersikap takbur. Pemilik tembikar yang tidak mengikut arahnya, akan ditimpa bencana seperti menjadi papa kedana dan seterusnya membawa kepada kematian. Kepercayaan kepada ritual tersebut masih dipegang oleh setengah-setengah pengamalannya di Sarawak.

Kesimpulannya, tembikar wujud di Sarawak sejak pada abad ke-9 lagi. Kehadiran tembikar adalah melalui pertembungan budaya iaitu menerusi urusan perdagangan oleh para pedagang khususnya pedagang dari negara China. Tembikar yang pada awalnya digunakan oleh pedagang China sebagai kegunaan harian seperti untuk menyimpan beras, gula, jeruk sawi, telur itik, dan sebagainya.

Apabila masyarakat tempatan melihat fenomena ini, mereka pun berminat untuk mengguna pakai khasnya masyarakat Iban. Dengan itu, maka berlakulah urusan bertukar-tukar barangan tembikar tersebut.

BAB KETIGA

FUNGSI TEMBIKAR

Dalam masyarakat Iban, fungsi tembikar bukan terhad kepada penggunaan harian sahaja malah penggunaannya amat meluas mencakupi penggunaan budaya iaitu ritual dan hukum adat. Ritual dalam konteks ini ialah yang berkaitan dengan *petara*. Untuk memohon sesuatu hajat, maka ritual tertentu perlu dilakukan.

Satu daripada peralatan yang digunakan ialah barangan tembikar seperti tempayan dan pinggan mangkuk tembikar.

Pada mulanya tembikar hanya digunakan sebagai perkakas kegunaan harian seperti untuk menyimpan padi, beras, air tapai, gula, garam dan sebagainya. Apabila masyarakat Iban menyedari bahawa barangan tembikar mempunyai banyak kegunaannya, maka mereka mula mempelbagaikan fungsinya. Lama-kelamaan barangan tembikar menjadi semakin penting dalam ritual. Ia dipuja dengan mantera dan jampi melalui *piring* semasa upacara gawai dalam perubatan dan kegiatan pertanian.

Manakala dalam fungsi penggunaan harian, tembikar bukan sahaja untuk menyimpan air malah turut digunakan untuk menyimpan barang pusaka, barang kemas, pakaian dan wang. Masyarakat Iban mengkategorikan fungsi tembikar kepada dua bahagian utama iaitu fungsi kegunaan harian dan kedua ialah fungsi ritual. Fungsi gunaannya boleh dilihat melalui beberapa aspek seperti yang berikut:

Penggunaan tembikar dalam kehidupan harian

Sebaik sahaja masyarakat Iban membuat penempatan rumah-rumah panjang di Sarawak, mereka sekali gus telah mencipta satu tamadun bangsa yang kekal sehingga sekarang. Bermula dengan hidup secara berkelompok-kelompok kemudian mereka telah menjalani hidup sebagai satu komuniti dan akhirnya mewujudkan sebuah masyarakat yang dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa.



Gambar 1.3: ‘Tajau Menaga’ koleksi Puan Niri Anak Tanju. Ia mesti diberi makan dengan ‘Piring’ sekurang-kurangnya sekali setahun untuk menjaga keharmonian Si pemiliknya. Tajau ini digunakan untuk menyimpan pakaian atau barang-barang kemas.


Kemungkinan disebabkan tradisi gaya hidup masyarakat Iban yang unik telah menarik perhatian sarjana Barat. Tradisi hidup mereka amat sederhana dan perkara yang dipentingkan ialah hidup dengan harmoni dan aman damai.

Barangan tembikar menjadi barangan atau peralatan yang semakin penting semenjak mereka mengenali dan menggunakan barangan tersebut. Ia mempunyai pelbagai fungsi dan

kegunaan hasil daripada ciptaan mereka sendiri melalui perkembangan dan kemantapan budaya dalam kehidupan harian mereka.



Gambar 1.4: ‘Tajau Rangkang’ koleksi Puan Duka Anak Nyaring. Ia digunakan untuk menyimpan beras.




Gambar 1.5: 'Tajau Guchi' koleksi Puan Embia Anak Dabong. 'Tajau' ini dibawa daripada Ulu Engkari, Lubuk Antu ke Ibol Undop, Sri Aman pada tahun 1975.

Tembikar memberi banyak manfaat serta keselesaan dalam kehidupan harian mereka. Perkara ini berjaya dibuktikan dengan penggunaan tembikar dalam kehidupan masyarakat tersebut seperti yang berikut.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan padi

Padi merupakan makanan ruji bagi masyarakat Iban. Mereka menanam padi setahun sekali dan lazimnya musim tuaian adalah pada bulan Januari setiap tahun. Padi yang telah dituai akan dipisahkan daripada tangkainya. Kemudian padi dibersihkan dengan menggunakan nyiru. Ia bertujuan untuk membuang hampas padi. Kemudian padi dijemur beberapa hari bergantung kepada kuantiti padi tersebut. Proses terakhir ialah bahawa padi itu amat penting disimpan di tempat yang selamat sebelum digunakan.




Gambar 1.6: 'Tajau Lama' berwarna Hijau Putih Merah ini adalah koleksi Puan Rintut Anak Uda. Ia mempunyai penutup dan 'Tajau Lama' ini tidak boleh dipindahkan daripada tempat asalnya. Jika hendak berbuat demikian, satu upacara 'miring' mesti diadakan untuk mengelakkan sesuatu bencana.



Gambar 1.7: 'Tajau Menaga' berwarna Hijau Putih Merah koleksi Puan Bayan Anak Akon. Ia digunakan untuk menyimpan padi.



Gambar 1.8: 'Tajau Labang' koleksi Puan Duka Anak Nyaring. Ia digunakan untuk menyimpan padi.



Gambar 1.9: 'Tajau Lama' ini koleksi Puan Chillie Anak Sirai. Ia digunakan untuk menyimpan padi.



Gambar 1.10: ‘Tajau Lama Menaga’ ini koleksi Puan Kelubi Anak Lipat. ‘Tajau Lama Menaga’ ini tidak boleh dipindahkan tanpa mengadakan upacara ‘miring’.



Gambar 1.11: 'Tajau Lama' koleksi Puan Kelubi Anak Lipat.



Gambar 1.12: ‘Tajau Lama Menaga’ ini koleksi Puan Kelubi Anak Lipat. Di atas ‘Tajau Lama’ tersebut diletakkan dua buah ‘Pinggai Tuai’ yang digunakan untuk menyimpan ‘Piring’. Ia tidak boleh dipindahkan daripada tempat asalnya tanpa menggunakan ‘Piring’.

Salah seorang daripada anaknya pernah mengalihkan 'Tajau lama' ini dan akibatnya beliau tidak dapat tidur semalaman.



Gambar 1.13: 'Tajau Menaga' koleksi Encik Chok Anak Rima. Beliau mempunyai koleksi tajau sebanyak 15 buah dan masih dalam keadaan baik sehingga sekarang.

Hal ini disebabkan masyarakat Iban biasanya memperoleh hasil tuaian yang lumayan sehingga 60 buah *lanji* atau kira-kira 3,000 kilogram dalam satu-satu tuaian pada tahun itu. Tempat utama orang Iban menyimpan padi ialah *tibang* yang diperbuat daripada kulit kayu. Sekiranya *tibang* tidak dapat menampung keperluan mereka maka pilihan utama adalah untuk menyimpan padi itu di dalam 'tajau' atau tempayan Martaban.

Kaedah ini dianggap paling selamat untuk mengelakkan padi daripada dimakan tikus dan ayam. Biasanya, di rumah panjang, ayam naik ke rumah kalau tiada penghuni di rumah kerana masyarakat Iban akan keluar ke huma atau ke kebun pada awal pagi dan balik pada sebelah petang. Padi yang diletakkan di dalam tembikar lebih tahan lama, selamat dan tidak mudah rosak atau diganggu oleh sebarang haiwan perosak.

'Tajau' yang penuh berisi dengan padi akan ditutup dengan 'tabak' atau tepak sirih yang diperbuat daripada bahan logam tembaga dan ia diletakkan di ruang dapur. Biasanya ruang dapur orang Iban mempunyai keluasan yang besar. Semua 'tajau' diletakkan di tepi dinding dan diikat dengan tali supaya berada dalam keadaan selamat dan tidak membahayakan ahli keluarga tersebut. Padi hanya dikeluarkan daripada 'tajau' apabila diperlukan untuk diproses menjadi beras.



Gambar 1.14: 'Tajau Lama' ini adalah pasangan kepada 'Tajau Lama' yang terdapat pada gambar 24 dan ia adalah antara 'tajau-tajau' koleksi Puan Kelubi Anak Lipat.



Gambar 1.15: 'Tajau Rusa Geri Lelaki' ini adalah koleksi 'Tuai Rumah Batang Anak Ambon.

Ia digunakan untuk menyimpan kain pua kumbu.



Gambar 1.16: 'Tajau Iron' ini adalah koleksi Puan Chillie Anak Sirai.

Ia digunakan untuk menyimpan padi pulut agar padi tersebut lebih tahan lama.



Gambar 1.17: 'Tajau Iron' koleksi Puan Chillie Anak Sirai. Ia digunakan untuk menyimpan padi.



Gambar 1.18: 'Tajau Iron' ini adalah koleksi Puan Chillie Anak Sirai. Ia masih digunakan untuk menyimpan padi sehingga sekarang.



Gambar 1.19: Orang Iban mempamerkan semua ‘tjau-tjau’ di ruang tamu dan ia diikat dengan tali supaya keselamatannya akan lebih terjamin. ‘Tjau-tjau’ yang dipamerkan di ruang tamu di rumah panjang orang Iban adalah melambangkan kekayaan sesuatu keluarga itu.



Gambar 1.20: Tempayan ini adalah koleksi Puan Chillie Anak Sirai. Ia digunakan untuk menyimpan padi pulut.



Gambar 1.21: Tempayan ini adalah koleksi Puan chillie Anak Sirai. Ia digunakan untuk menyimpan padi.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan beras

Masyarakat Iban sentiasa peka terhadap alam sekelilingnya. Mereka belajar melalui alam dalam menjalani hidup seharian mereka. Contohnya, mereka tidak ada mesin untuk memproses padi supaya menjadi beras. Yang dilakukan mereka ialah membuat satu daripada kayu yang dikenali sebagai 'kisar'. Fungsinya adalah untuk mengisar atau membuang kulit padi. Kemudian ia menjadi separuh beras dan proses terakhir ialah menumbuk beras tersebut supaya menjadi beras yang sebenar.



Gambar 1.22: 'Tajau Iron' ini koleksi penulis. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.23: 'Tajau Lama Guchi' ini koleksi Puan Nati Anak Nanggai. Ia telah dijumpai di dalam hutan di Kapuas, Kalimantan, beratus-ratus tahun dahulu. 'Tajau' ini juga mempunyai lapan adik-beradik yang kesemuanya masih berkeadaan baik dan diberi makan dengan 'Piring', sekali dalam setahun.



Gambar 1.24: Tempayan ini koleksi Puan Bayan Anak Akon. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.




Gambar 1.25: 'Tajau Iron' ini adalah koleksi penulis. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.26: Tempayan ini koleksi Encik Chok Anak Rima.
Tempayan ini masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.27: Tempayan berwarna Biru Putih ini adalah koleksi Puan Buntal Anak Asong. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.28: 'Tajau Labang' koleksi penulis. Ia digunakan untuk menyimpan beras semasa upacara 'Gawai Mandi Rumah' pada tahun 1977.




Gambar 1.29: 'Tajau Guchi' koleksi Encik Chok Anak Rima. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.30: Tempayan ini koleksi Puan Nati Anak Nanggai. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.31: 'Tajau Iron' ini adalah koleksi Puan Chala Anak Buja. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.



Gambar 1.32: Tempayan ini adalah koleksi Puan Embia/Miya Anak Dabong. Ia dibawa daripada Terong Buai, Ulu Engkari Lubuk Antu ke Ibol, Undop pada tahun 1975. Ia masih digunakan untuk menyimpan beras sehingga sekarang.

Keadaan ini menjadi semakin sukar apabila musim perayaan gawai hampir tiba. Dalam perayaan gawai, sebuah rumah panjang yang akan meraikan gawai tersebut akan menjemput lima hingga sepuluh buah rumah panjang yang lain untuk sama-sama meraikan gawai tersebut.

Oleh itu, kaum wanita Iban perlu bekerja keras untuk menghasilkan lebih banyak beras. Proses menghasilkan beras adalah sukar dan mengambil masa yang agak lama kerana memerlukan tenaga mereka yang sihat dan ramai.

Kaum wanita Iban sangat kreatif. Beras yang dihasilkan selama beberapa minggu itu disimpan di dalam *Iron* atau tempayan kecil. Beras yang disimpan di dalam *Iron* sentiasa dalam keadaan yang baik serta tahan lama sehingga dua bulan setengah, iaitu tanpa dibubuh dengan apa-apa bahan kimia. Beras tersebut sejuk, bersih dan tidak diserang oleh tikus atau mana-mana serangga perosak yang lain. Beras itu sentiasa segar dan bau wanginya tidak mudah hilang.

Inilah satu keistimewaan *Iron* sebagai tempat menyimpan beras yang unik. Dalam tradisi orang Iban *Iron* ditutup dengan *tabak* atau ‘tutup periuk’, iaitu sejenis bekas yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. *Iron* yang penuh berisi beras diletakkan di sudut dekat dengan dapur bagi memudahkan kerja-kerja kaum wanita.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan air

Air merupakan keperluan asas manusia dan sebanyak 70% komposisi badan manusia terdiri daripada air. Sekiranya badan kita kekurangan air, kita akan jatuh sakit. Tetapi, di rumah-rumah panjang masyarakat Iban tidak ada kemudahan air paip.

Mungkin disebabkan itulah maka rumah panjang dibina di sepanjang tepi sungai iaitu bagi memudahkan mereka mengangkut air dari jarak yang lebih dekat. Oleh itu, kaum wanita hendaklah mengangkut air tiap-tiap hari dari sungai yang bersih sebagai keperluan harian mereka.

Lazimnya, air yang diangkut akan disimpan di dalam tajau besar. Keadaan ini selalunya memerlukan beberapa buah tajau bagi tujuan tersebut. Keadaan cuaca yang tidak menentu sepanjang tahun contohnya musim kemarau yang berpanjangan dan musim tengkujuh yang tidak kira waktu. Fenomena ini secara tidak langsung memaksa kaum wanita untuk menyimpan lebih banyak air bagi mengelakkan masalah kekurangan air. Satu rasional yang jelas ialah bahawa apabila musim kemarau panjang, banyak haiwan peliharaan yang mati contohnya ayam dan babi. Bangkai haiwan itu dibuang ke dalam sungai dan ini menjadikan sungai tercemar.



Gambar 1.33: Tempayan ini digunakan untuk menyimpan air di kaki tangga di rumah panjang dan sesiapa yang naik ke rumah panjang itu menggunakan air tersebut untuk membasuh kaki mereka.

Apabila musim tengkujuh pula, warna air akan bertukar menjadi perang serta berpasir. Keadaan ini mendesak kaum wanita supaya dan seluruh keluarga di rumah panjang berkenaan untuk menyimpan air yang banyak.

Tradisi masyarakat Iban memang suka menggunakan tajau untuk menyimpan air. Air yang disimpan di dalam tajau biasanya sejuk dan kedinginan air itu berkekalan hingga beberapa lama. Air yang disimpan di dalam tajau adalah untuk keperluan memasak, minum, membasuh pinggan mangkuk dan sebagainya. Tajau yang berisi air juga diletakkan di tangga hadapan rumah untuk membasuh kaki siapa-siapa yang hendak naik ke rumah panjang itu.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan air tuak (air tapai)

Air tuak ialah sejenis minuman tradisi masyarakat Iban yang amat popular sejak turun-temurun. Rata-rata masyarakat tersebut mahir membuat air tuak. Air tuak bukan sahaja sebagai minuman tradisi, malah berperanan penting dalam kepercayaan masyarakat Iban. Contohnya, air tuak merupakan air wajib dan mesti digunakan dalam upacara gawai dan ritual lain. Air tuak juga berperanan penting dalam majlis perkahwinan masyarakat Iban.



Gambar 1.34: Tempayan ini dinamakan tempayan 'Indai Ranai' dan merupakan salah satu bentuk tempayan koleksi penulis. Ia digunakan untuk menyimpan Air Tapai semasa perayaan 'Hari Gawai Dayak' pada setiap 01. Jun. setiap tahun.



Gambar 1.35: 'Tajau Jabir' ini adalah koleksi Puan Baju Anak Nangkau. Ia digunakan untuk menyimpan Air Tapai dan Air Tapai yang disimpan di dalam 'Tajau Jabir' ini adalah sesejuk air yang disimpan di dalam peti sejuk. Menurut Puan Baju, ada seorang lelaki Cina hendak membeli 'tajau' ini dan menawarkannya dengan harga RM3,000 (Tiga Ribu Ringgit), tetapi Puan Baju enggan menjual 'Tajau Jabir' ini.



Gambar 1.36: Tempayan ini adalah koleksi Puan Embia/Miya Anak Dabong. Ia digunakan untuk menyimpan Air Tapai.



Gambar 1.37: Tempayan ini koleksi Puan Kelubi Anak Lipat. Ia digunakan untuk

menyimpan Air Tapai semasa musim pesta 'Gawai'.



Gambar 1.38: Tempayan ini dinamakan 'Tajau Iron'. Ia telah digunakan untuk menyimpan Air Tapai semasa 'Gawai Antu' di Betong pada tahun 2001.

Air tapai diperbuat daripada beras pulut yang dimasak di dalam periuk tembaga atau buluh betong (buluh besar). Ianya kemudian dicampur dengan ragi. Air tuak yang sedap dan 'menjadi' hanya air tuak yang disimpan di dalam 'Indai Ranai' (tempayan kecil).

Ia hendaklah diperam selama lebih kurang satu minggu. Masyarakat Iban percaya hanya 'Indai Ranai' atau mana-mana jenis tempayan yang sesuai sahaja boleh digunakan untuk membuat air tuak. Tempayan tersebut juga dipercayai dapat menghasilkan air tuak dengan banyak serta berbau wangi.

Dipercayai juga pembuatan air tuak menggunakan bekas lain yang bukan jenis tembikar air tuak itu tidak akan menjadi. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya barangan tembikar dalam masyarakat Iban.

Tempayan yang berisi dengan air tuak akan dipasang dengan 'bubu kecil' (bekas berupa penapis) untuk mendapatkan air tuak yang tulen. Sebelum air tuak itu matang, tempayan itu tidak boleh diganggu kerana dikhuatiri air tuak itu tidak menjadi. Tanpa air tuak dalam sesuatu majlis ritual, maka majlis tersebut dianggap tidak lengkap.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan pekasam

Pekasam merupakan sejenis makanan tradisi masyarakat Iban. Ada beberapa jenis pekasam tetapi yang paling popular ialah pekasam ikan dan pekasam babi. Menurut tradisi mereka, berburu salah satu aktiviti rutin yang telah sebatu dengan hidup mereka. Semasa pergi memburu, biasanya mereka akan mendapat binatang seperti rusa, landak, kijang dan babi hutan.



Gambar 1.39: Tempayan 'Udat' ini biasanya digunakan untuk menyimpan beras dan pekasam.

Sesebuah keluarga selalunya mendapat bahagian yang banyak sehingga sepuluh kilogram contohnya babi hutan.

Satu daripada cara untuk menyimpan daging tersebut ialah ia dijadikan pekasam dan pekasam hendaklah disimpan di dalam 'benda' (sejenis balang tembikar mempunyai mulut yang agak luas). Tujuannya adalah supaya pekasam lebih tahan lama sehingga satu tahun dan juga biasanya pekasam yang disimpan di dalam balang lebih sedap.

Lazimnya, selepas kerja-kerja penuaian, masyarakat Iban akan menjalankan aktiviti tradisi mereka, iaitu menuba ikan di sungai pada musim kemarau panjang. Seluruh anggota keluarga di rumah panjang terlibat dengan kerja-kerja menuba. Mereka menuba dengan menggunakan sejenis tuba akar kayu. Selalunya mereka mendapat ikan dengan jumlah yang banyak.


Ikan-ikan itu dibuat pekasam, iaitu dicampur dengan daun kepayang muda yang dihiris halus. Pekasam dikatakan sangat sedap apabila disimpan di dalam balang tembikar. Dikatakan bahawa apabila sesuatu jenis makanan disimpan di tempat lain selain daripada balang tembikar akan menjadi tidak sedap dan jarang-jarang 'menjadi'. Pekasam menjadi makanan penting apabila musim 'menugal padi' (menanam padi bukit). Inilah satu daripada sebab barangan tembikar amat berguna dalam budaya masyarakat Iban.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan tempoyak

Di sekeliling rumah panjang masyarakat Iban biasanya ditanam dengan pelbagai pokok buah-buahan seperti manggis, langsung, rambai dan raja kepada segala buah iaitu durian. Apabila musim durian tiba, sesebuah rumah panjang mendapat buah durian dengan jumlah yang banyak sehingga tidak termakan.



Gambar 1.40: Tempayan 'Manduh' ini merupakan koleksi pengkaji. Ia masih digunakan untuk menyimpan tempoyak dan pekasam sehingga ke hari ini.



Gambar 1.41: Bekas tembikar ini digunakan untuk menyimpan tempoyak dan pekasam.

Durian yang banyak biasanya dibuat tempoyak. Tempoyak itu hendaklah disimpan di dalam tempayan kecil supaya lebih tahan lama sehingga dikatakan selama tiga tahun. Tempoyak yang disimpan di dalam tempayan itu menjadi lebih sedap dan baunya pun sedap.

Masyarakat Iban jarang menggunakan bekas lain untuk menyimpan tempoyak kerana dikhuatiri akan cepat rosak dan tidak sedap dimakan. Tempayan tempoyak ini biasanya

ditutup dengan kain dan plastik supaya tidak dimasuki *kebari* (sejenis serangga kecil). Serangga ini boleh menyebabkan tempoyak itu cepat rosak. Bahagian permukaan tempayan itu hendaklah diletakkan dengan sedikit gula supaya bahagian permukaan tempoyak itu tidak rosak.

Tembikar sebagai peralatan pinggan mangkuk dan periuk belanga

Pinggan mangkuk merupakan satu keperluan yang amat penting dalam kehidupan manusia sejagat. Dalam masyarakat Iban, pinggan mangkuk mereka terdiri daripada barangan tembikar biru putih yang mungkin didatangkan khas dari negeri China pada ketika itu. Adalah menjadi tidak sah bagi sesebuah rumah panjang masyarakat Iban untuk tidak mempunyai peralatan pinggan mangkuk daripada barangan tembikar tersebut.



Gambar 1.42: Barangan tembikar ini dinamakan pasu. Pada masa dahulu semasa musim perayaan 'Gawai' pasu ini digunakan oleh kaum wanita Iban untuk membuat adunan kuih 'penganan'.



Gambar 1.43: Mangkuk ini adalah antara barang yang dibawa oleh para pedagang China pada zaman dahulu semasa mereka berdagang di Sarawak dan ia telah menjadi alat keperluan harian masyarakat Iban di Sarawak.

Bukan setakat itu sahaja, malah sudu pun dalam bentuk barangan tembikar bagi memudahkan kerja-kerja mencucinya. Minyak tidak mudah melekat pada peralatan tersebut dan tambahan ia tidak berbau dan bukan seperti sesetengah barangan plastik atau aluminium.

Menjadi amalan masyarakat Iban untuk menyimpan peralatan pinggan mangkuk dalam jumlah yang banyak sehingga satu ratus lebih set. Manakala kendi pula untuk menyimpan air minuman. Air di dalam kendi ini sentiasa dingin dan sedap diminum. Selain daripada itu, kendi juga digunakan untuk menyimpan air arak dan air tuak khususnya pada musim perayaan.

Masyarakat Iban juga menggunakan periuk belanga daripada barangan tembikar. Dipercayai nasi dan lauk-pauk yang dimasak di dalam periuk belanga tersebut akan menjadi lebih sedap dan lebih aromanya selain tidak mudah basi dan hangus. Biasanya belanga yang bertutup digunakan untuk memasak nasi dan diletakkan di atas dapur kayu.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan garam

Rumah panjang masyarakat Iban biasanya jauh dari bandar dan untuk pergi ke bandar terpaksa mengambil masa yang lama dengan perbelanjaan yang banyak. Setiap kali pergi ke bandar, mereka akan berbelanja besar dengan membeli banyak barang keperluan dapur antaranya garam. Mereka menggunakan geluk bertutup untuk menyimpan garam. Garam yang disimpan di dalam geluk tidak mudah cair kerana geluk bertutup itu kedap udara.



Gambar 1.44: Barangan tembikar ini merupakan bekas yang digunakan oleh masyarakat Iban untuk menyimpan garam, gula, telur masin, jeruk sayur-sayuran.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan minyak masak

Masyarakat Iban memilih bekas seramik untuk menyimpan minyak masak di rumah panjang mereka. Ini disebabkan bekas seramik adalah berat dan ia tidak mudah jatuh disebabkan tiupan angin dan mudah digunakan.

Kedua, ia tidak mudah dimasuki oleh mana-mana serangga yang terdapat di persekitaran kita. Cara ini juga dapat menjamin kebersihan minyak yang disimpan di dalam bekas seramik itu. Tambahan pula, amat sukar untuk mendapatkan bekas-bekas yang berjenama apatah lagi ia amat mahal dan tidak mampu dimiliki oleh semua golongan masyarakat.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan gula

Gula merupakan makanan penting bagi semua golongan manusia di muka bumi ini. Seperti kata peribahasa Melayu, “di mana ada gula di situlah ada semut”. Untuk kebersihan gula sebagai bahan makanan kita, ia harus disimpan di tempat yang selamat. Oleh itu, masyarakat Iban tetap milih bekas seramik sebagai tempat menyimpan gula.

Satu daripada kelebihanannya ialah bekas seramik ini tidak mudah digigit oleh haiwan perosak seperti tikus. Tambahan pula, ia kedap udara dan ini menjadikan gula sentiasa kering di dalam bekas tersebut.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan barang pusaka dan barang kemas

Lazimnya, kaum perempuan menggunakan tajau besar untuk menyimpan barang seperti tali pinggang perak, rantai perak, rantai emas, gelang, subang dan manik-manik purba. Apabila mereka bermalam di ladang berminggu-minggu lamanya, ia terpaksa disembunyikan di atas *sadau* (tingkat atas rumah panjang) supaya barangan itu selamat daripada kecurian.

Satu tradisi masyarakat Iban yang amat dikagumi ialah pintu-pintu di rumah panjang itu tidak dikunci apabila mereka tiada di rumah. Kes kecurian jarang-jarang berlaku dan ini disebabkan mereka saling mempercayai.



Gambar 1.45: 'Tajau Menaga' koleksi Puan Baju Anak Nangkau. Ia telah dimiliki oleh keluarga Baju selama enam keturunan. 'Tajau Menaga' ini telah dibawa daripada Ulu Engkari Lubuk Antu ke Sri Aman. Ia juga pernah ditawarkan untuk dibeli dengan harga RM5,000 (1Lima Ribu Ringgit) tetapi Puan Baju enggan untuk menjual 'tajau' tersebut.



Gambar 1.46: Tempayan ini adalah merupakan koleksi pengkaji. Ia telah disimpan selama lima keturunan oleh keluarga pengkaji dan masih berkeadaan baik sehingga sekarang. Pada

masa musim penuaian padi, barang-barang pusaka seperti kain pua kumbu dan barang-barang emas dan perak telah disimpan di dalam tempayan ini dalam keadaan selamat.



Gambar 1.47: 'Tajau Lama Menaga' ini adalah koleksi Puan Niri Anak Tanju. Ia hendaklah diberi makan dengan 'Piring' sekurang-kurangnya sekali dalam satu tahun.



Gambar 1.48: 'Tajau' Biru Putih koleksi Puan Nati Anak Nanggai. Ia digunakan untuk menyimpan barang-barang kemas.

Tembikar sebagai tempat untuk menyimpan pakaian

Kaum perempuan dalam kalangan masyarakat Iban memiliki kepakaran dalam membuat tenunan kain pua kumbu. Mereka menghasilkan pelbagai corak dan motif untuk kegunaan harian dan semasa perayaan gawai. Antara yang dihasilkan ialah kain songket, baju kirai, selendang, kain ikat celup dan selimut. Kesemua barangan tersebut disimpan di dalam satu tempayan besar dan ditutup dengan 'tabak' (sejenis talam tembaga).

Pakaian itu tidak mudah rosak disebabkan tempayan itu tidak dapat digigit oleh tikus, anai-anai dan serangga perosak yang lain. Tambahan pula, ia tidak adalah kedap udara. Maka, semua pakaian tersebut berada dalam keadaan yang baik dalam jangka masa berpuluh-puluh tahun.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan wang


Masyarakat Iban menjalankan ekonomi sara diri seperti bertanam padi, lada, getah dan memburu binatang di hutan. Pada musim lapang, lazimnya mereka menoreh getah. Hasil wang jualan itu disimpan di dalam tempayan. Tempayan itu ditutup dengan *tabak* dan diletakkan di ruang tamu. Lagipun, wang yang disimpan di dalam tempayan lebih selamat berbanding dengan wang yang disimpan di bawah bantal.

Tembikar sebagai bekas untuk menyimpan buah pisang

Biasanya tandan pisang yang dibawa dari kebun belum masak. Untuk menjadikan buah pisang tersebut masak dengan cepat, maka ia akan disimpan di dalam tempayan. Buah pisang yang diperam di dalam tempayan akan menjadi panas dan oleh sebab itu ia cepat masak dalam keadaan yang baik dan sedap.



Gambar 1.49: Tempayan ini adalah koleksi Puan Bayan Anak Akon. Ia digunakan untuk menyimpan buah pisang agar buah pisang itu lebih cepat masak dan menjadikan ia lebih sedap untuk dimakan.



Gambar 1.50: Tempayan ini adalah koleksi Puan Bayan Anak Akon. Ia digunakan untuk menyimpan 'baku' iaitu sejenis bekas yang diperbuat daripada bahan logam seperti tembaga.

Tembikar sebagai Objek Istimewa Untuk Ritual Miring

Dalam masyarakat Iban, tembikar memainkan peranan yang amat penting, bukan sahaja digunakan untuk kegunaan harian, malah juga digunakan dalam ritual-ritual yang wujud dalam masyarakat tersebut. Antara tembikar yang digunakan di dalam ritual tersebut ialah pinggan tembikar sejarah yang biasanya digunakan di dalam ritual miring biasa mahupun di dalam miring ritual gawai. Selain pinggan tembikar, tempayan kebok juga digunakan semasa ritual gawai. Pada lazimnya, semasa ritual gawai dijalankan, tempayan kebok disimpan di dalam pandong yang dibalut dengan beberapa helai kain pua kumbu.




Gambar 1.51: ‘Pinggai Tuai’ ini adalah koleksi Puan Chillie Anak Sirai. Pinggan-pinggan inilah yang digunakan oleh orang Iban semasa mengadakan sesuatu upacara ‘miring’ di rumah panjang.



Gambar 1.52: 'Pinggai Tuai' ini adalah koleksi Puan Binggak Anak Igang. Menurut Puan Binggak, 'Pinggai Tuai' ini telah dijumpai semasa mencangkul kebun lada di kebun ladanya yang bertempat di 'Tembawai Tinting' yang merupakan bekas petempatan rumah panjang orang Iban pada masa dahulu.



Gambar 1.53: Piring tembikar ini biasanya digunakan oleh orang Iban untuk meletakkan peralatan piring.



Gambar 1.54: 'Pinggai Tuai' atau Pinggan Prasejarah koleksi Puan Bayan Anak Akon. Lazimnya pinggan ini digunakan semasa upacara 'miring' yang berkaitan dengan ritual 'Petara' di rumah panjang.



Gambar 1.55: Tempayan 'Kebok' inilah kepunyaan Puan Rintut Anak Uda. Tempayan 'Kebok' ini telah diperturunkan oleh kuasa luar biasa melalui mimpinya pada 07. September. 2002. dan ia dijumpai di ladang padi bukitnya. Semasa ia dijumpai, 'Kebok' ini dalam keadaan bersih.

Tembikar sebagai aset untuk ditukarkan dengan padi

Menurut Lata Matong, pada awal abad ke-19 pernah berlaku musim kemarau yang panjang. Kebuluran berlaku di kebanyakan rumah panjang pada ketika itu. Bagi keluarga kaya yang banyak memiliki tembikar, mereka menggunakan tempayan yang besar sebagai bahan tukaran untuk mendapatkan padi.

Sebuah tempayan yang besar boleh ditukarkan untuk mendapat tiga pasu padi. Manakala tempayan yang sederhana besar boleh ditukarkan dengan dua pasu padi dan tempayan yang kecil pula boleh ditukarkan dengan sebuah pasu padi.

Masyarakat Iban menggunakan perahu untuk mudik di sepanjang Sungai Undop, dan tempayan itu dimuatkan di dalam perahu mereka. Urusan tukar-menukar tempayan dengan padi terus berlaku berpanjangan sehingga keadaan cuaca kembali seperti sediakala.

Penggunaan tempayan berdasarkan tipologinya

Bil	Jenis Tembikar	Kegunaan
1	Tajau	Menyimpan padi
2	Tajau	Menyimpan beras
3	Tajau	Menyimpan air
4	Tajau/ Jabir	Menyimpan air tapai
5	Udat/Manduh	Menyimpan pekasam
6	Udat/Manduh	Menyimpan Tempoyak
7	Pinggian mangkuk	Perkakas dapur
8	Kebok	Menyimpan garam
9	Kebok	Menyimpan minyak masak
10	Kebok	Menyimpan Gula
11	Tajau	Menyimpan pusaka/kemas
12	Tajau	Menyimpan pakaian
13	Tajau	Menyimpan wang
14	Tajau	Menyimpan pisang
15	Tajau	Untuk ditukar dengan padi

Fungsi ritual tempayan

Fungsi tembikar secara ritual boleh dilihat melalui komunikasi manusia dengan kuasa luar biasa menerusi upacara *miring* kepada kuasa tersebut. Arahan kuasa luar biasa itu biasanya diperturunkan melalui mimpi.

Jika orang yang telah dianugerahkan dengan mimpi, tetapi arahnya tidak dipatuhi ada tanda orang tersebut akan menerima malapetaka. Petanda tersebut mungkin disampaikan secara halus dan tersirat. Contohnya, orang itu jatuh sakit atau gila dan seterusnya membawa maut. Oleh sebab itu, satu upacara perlu diadakan bagi memujuk kemarahan kuasa luar biasa tersebut.

Pelian Tiang Pencha (Pelian Bebunuh Antu)

Maksud Pelian Tiang Pencha ialah *manang* (dukun) mengubat pesakit dengan cara membunuh hantu yang melarikan semangat pesakit tersebut. Beberapa peralatan yang diperlukan ialah tempayan atau tajau atau jabir, tiang buluh, buaian, dan *pentik* (patung kayu).

Pengubatan dilakukan dengan mendirikan tiga batang tiang. Kemudian tempayan diletakkan di tengah dan tiang-tiang itu sebagai pagar tempayan itu. Tempayan tersebut digunakan oleh *manang* untuk mengurung semangat si pesakit supaya semangat itu tidak boleh dilarikan oleh hantu itu.

Jika menggunakan tiang pencha tiga batang, ia hendaklah menggunakan tempayan, dan jika tiang pencha lima batang ia hendaklah menggunakan udat atau jabir, jika tiang pencha tujuh batang ia menggunakan 'Iron' dan jika ia menggunakan sembilan batang tiang pencha, ia hendaklah menggunakan tajau atau tempayan besar.

Patung kayu digunakan untuk mengumpun hantu itu. Upacara pengubatan ini diadakan di halaman rumah pesakit. Dua orang *manang* digunakan untuk membunuh hantu itu. Manang-manang itu akan bermain dengan buaian. Kemudian mereka pengsan (trance), ini adalah kerana mereka berlawan dengan hantu untuk merampas balik semangat pesakit dan menyimpan semangat itu di dalam tajau supaya semangat itu tidak dapat dilarikan oleh hantu tersebut. Maka pesakit itu pun sembuh.

Pelian Kukut Batu

Pengobatan cara ini adalah bagi mengubat orang yang tidak mempunyai selera untuk makan. Ini menyebabkan orang tersebut menjadi semakin kurus. Untuk itu, pelian perlu diadakan untuk menyembuhkannya. Ia memerlukan peralatan seperti pinggan tembikar dan sebilah parang.

Pengobatan tersebut diadakan di 'ruai' pesakit dan hampan tikarnya tidak boleh menyentuh 'ruai' orang lain. 'Manang' akan meletakkan air di dalam pinggan tembikar dan air itu digunakan untuk merawat pesakit.

Pelian Pencha Iring

Semangat pesakit telah sesat ke 'dunia sebayan' (dunia akhirat). Oleh sebab itu, semangatnya perlu dikembalikan semula ke dalam badan tuannya. Perubatan ini memerlukan sebuah tempayan, sebilah parang, sehelai kain ela dan sehelai kain tuala (untuk *manang* menudung kepalanya), sebuah pinggan tembikar dan sebuah patung kayu.

Pinggan tembikar itu digunakan oleh *manang* sebagai perisainya semasa sesi perlawanan dengan hantu. *Manang* mula menyanyikan manteranya, dan kemudian dia pengsan untuk menangkap semangat pesakit dan apabila dia sedar semangat itu disimpannya di dalam tempayan. Semangat itu tidak dapat dilarikan lagi dan pesakit pun sembuh.

Beterayu

Kaedah perubatan ini adalah untuk merawat kanak-kanak yang sering sakit dan badannya sukar untuk membesar. Beberapa peralatan yang diperlukan seperti sebuah tempayan besar, setandan pinang muda, sebiji kelapa muda, setandan mayang pinang, 'piring' dan kain pua kumbu.

Acara pengobatan ini bermula pada jam 5.00 petang dan berakhir pada keesokan harinya. Ia bermula dengan upacara *miring* tetapi sebelum itu tempayan diletakkan di 'ruai' dan dibalut dengan kain pua kumbu. Kemudian buah kelapa muda diletakkan di atas tempayan. Manakala buah pinang muda digantung atas tempayan.

Selepas upacara *miring* selesai, *manang* mula menyanyikan manteranya, iaitu dengan mengelilingi tempayan itu sehingga ke pagi. Sementara kanak-kanak yang sakit itu bersama-sama dengan ibunya duduk di satu tempat khas yang berdinginkan dengan kain pua kumbu.


Manang mengelilingi kanak-kanak yang sakit sambil menyanyikan manteranya. Pada keesokan awal pagi, mayang pinang disepuh di atas kepala kanak-kanak itu. Kemudian air buah kelapa muda disiram di atas kepala kanak-kanak tersebut yang bertujuan untuk membuang segala penyakit daripada badan kanak-kanak itu.

Gawai Tajau

Masyarakat Iban percaya bahawa tajau mempunyai semangat baik dan juga semangat jahat. Semangat tersebut dipercayai dapat berkomunikasi dengan tuannya menerusi mimpi manusia. Dalam masyarakat Iban, tajau merupakan objek yang mistik, sakral, kudus, mempunyai roh dan semangat pemujaan. Ia dapat membantu manusia dalam apa-apa juga bidang keperluan hidup khususnya dalam aktiviti pertanian dan juga dalam ritual pengobatan. Oleh sebab itu, dalam masyarakat Iban, satu ritual gawai perlu diadakan dan gawai ini dinamakan 'gawai tajau'.

Tujuan gawai ini diadakan adalah supaya orang Iban dalam sesebuah keluarga itu memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan pada setiap tahun. Pada lazimnya, pada waktu ritual gawai, masyarakat Iban akan menghamparkan tikar rotan dan juga menyidai beberapa helai kain pua di 'ruai' mereka. Gawai tersebut diadakan selama satu malam. Beberapa orang

pakar penyair masyarakat Iban, iaitu *lemambang* akan menyanyikan mantera sepanjang malam pada ritual gawai tersebut.



Gambar 1.56: Inilah ia gambar ‘Tajau Lama Pengurung Telur Aur’. ‘Tajau’ ini telah disimpan oleh Puan Baju serta keluarganya selama ratusan tahun yang lalu. ‘Tajau’ ini boleh ghaib atau menghilangkan dirinya untuk menyelamatkan dirinya daripada pihak musuh semasa aktiviti pemburuan kepala. Ia juga pernah direjam dengan sebatang lembing tetapi

tidak pecah dan masih berkeadaan baik sehingga sekarang. Oleh sebab itu, orang Iban biasanya menyembunyikan kain pua yang mereka miliki kerana dikhuatiri akan dirampas atau dicuri oleh pihak musuh.



Gambar 1.57: ‘Tajau Lama’ koleksi Puan Duka Anak Nyaring. ‘Tajau Lama’ inilah yang sering kedengaran menangis kerana enggan berpisah dengan ‘Tajau Lama’ yang satu lagi.

Ritual *miring* merupakan ritual pertama dalam gawai tersebut. Lazimnya, pada setiap kali dalam ritual *miring* dalam masyarakat Iban, adalah wajib menggunakan ayam atau babi sebagai binatang sembelihan untuk tujuan persembahan dan pemujaan kepada kuasa-kuasa luar biasa yang terdiri daripada petara (tuhan), dewa-dewi, antu, semangat dan roh nenek moyang. Ia bertujuan sebagai tanda *genselan* atau persemahan untuk memujuk tuhan dan semangat dalam satu-satu ritual *miring*. Dalam ritual gawai tajau ini, beberapa buah tajau besar diletakkan di ‘ruai’ (ruang legar) yang dibalut dengan kain pua kumbu. *Lemambang* akan menyanyikan atau melagukan mantera (menggagap) mengelilingi tajau-tajau itu pada sepanjang malam ritual gawai tersebut.

Dalam masyarakat Iban, ritual *piring* itu terdiri daripada kuih penganan, air tapai, daun sirih, daun rokok, tembakau, bertih padi, nasi pulut yang dimasak dalam buluh, pinang, nasi biasa, garam dan telur ayam dan kesemua benda ini dipersembahkan kepada ‘petara’ (tuhan) pertanian, iaitu ‘Pulang Gana, (Jensen, 1966 : 7).

Setelah ritual *miring* selesai, ia disusuli pula dengan atur cara *ngalu pengabang* iaitu upacara menyambut tetamu yang berkunjung ke rumah panjang itu naik ke rumah mereka. Upacara ini dilakukan dengan berjalan secara berarak dalam kumpulan yang ramai bermula dari hilir ke hulu rumah panjang selama beberapa pusingan. Beberapa orang wanita Iban memakai pakaian tradisional Iban yang lengkap dan mereka ini akan menaburkan bertih padi di sepanjang ‘ruai’ dan beberapa wanita yang lain membawa *piring* untuk dipersembahkan kepada *petara* dan ini diikuti oleh anak-anak muda yang bermain alat muzik seperti gendang, gong dan saron.

Rombongan tersebut mengelilingi ‘ruai’ sebanyak tiga kali. Kemudian barulah mereka mengadakan ritual *miring* di kaki tangga rumah panjang itu. Tujuan *miring* kali ini adalah untuk menjemput dan memohon keberkatan daripada kedatangan *petara* pada ritual gawai itu. *Piring* tersebut diletakkan di kaki tangga, dan yang lainnya akan digantung di ‘ruai’.

Atur cara seterusnya ialah menyambut pakar-pakar mantera yang membawa *piring*. Penyair memulakan bacaan manteranya dari halaman rumah, kemudian naik ke rumah dan berjalan mengelilingi ‘ruai’ sebanyak tiga kali pusingan, dan akhirnya duduk di tepi tiang *pandong* (tepi tajau yang dibalut dengan kain pua kumbu). *Piring* yang dibawa oleh *lemambang* diletakkan di atas tajau, kemudian ia ditutup dengan kain pua kumbu juga. Seterusnya *lemambang* akan *membiau* (menjampi) piring itu dengan seekor ayam. Selepas atur cara itu selesai, barulah *lemambang* memulakan manteranya.

Pada keesokan harinya, diadakan pula upacara menjemput *petara* naik ke rumah panjang orang Iban dengan menggunakan *piring*. Kemudian, akhir sekali, penutup tajau (kain pua kumbu) dibuka dan tajau-tajau itu dibawa masuk ke bilik penganjur gawai.

Masyarakat Iban masih percaya bahawa sesetengah ‘tajau lama’ (tempayan sejarah) berhantu, memiliki roh dan semangat, iaitu mempunyai kuasa sakti. Kuasa tersebut dapat membantu orang Iban supaya hidup mereka menjadi lebih baik dan sempurna dan juga jika tersalah perhitungan tajau itu boleh membawa bencana. Oleh sebab itu, tajau-tajau perlu diberi makan *piring* supaya keluarga tersebut mendapat kesejahteraan, kesempurnaan dan dikurniakan dengan kesihatan yang baik sepanjang hayat mereka. Sekiranya tajau-tajau itu tidak diberi makan, maka ia akan ‘memakan ahli’ keluarga itu atau mungkin ada ahli keluarga itu yang akan jatuh sakit atau meninggal dunia.

Gawai Kenyalang

Menurut Embia Dabong, dalam banyak jenis gawai dalam masyarakat Iban, Gawai Kenyalang merupakan gawai yang paling kompleks. Hal ini demikian sebab gawai ini hanya akan tamat upacaranya setelah berlangsung selama tiga hari dan tiga malam. Gawai Kenyalang merupakan satu pesta khas yang bertujuan untuk meraikan kejayaan ‘Bujang Berani’ atau ‘Raja Berani’ yang telah memperoleh banyak kepala musuh, para perajurit negara yang telah berjaya menembak musuh iaitu berkaitan dengan aktiviti pemburuan kepala manusia dan peperangan.

Selain daripada itu, ia diadakan setelah menerima arahan yang dianugerahkan melalui mimpi. Maka, gawai ini perlu dilaksanakan bagi menyempurnakan arahan kuasa sakral tersebut. *Petara* yang diseru itu ialah Senggalang Burung (tuhan perang). Menurut Feeman (1960: 99), tuhan perang, iaitu ‘Senggalang Burung’ dijemput untuk menghadiri upacara ritual yang berkaitan dengan pemburuan kepala.

Pada malam pertama, ia dimulai dengan *Timang Ruan* atau ‘*nimang pun asal Gawai Kenyalang*’, iaitu ketua penyair mantera mendendangkan manteranya sepanjang malam kepada sejenis pokok khas yang akan digunakan untuk membuat burung kenyalang. Pada keesokan harinya, upacara *mutang kenyalang* iaitu proses menebang *pun pelai* (ia sejenis nama pokok) kenyalang dijalankan.

Adat menebang pokok tersebut mesti menggunakan *piring* bagi memohon keberkatan daripada ‘*petara*’. Peralatan yang digunakan untuk menebang pokok itu adalah seperti seekor babi, seekor ayam dan sebilah parang. Seterusnya, proses menebang dijalankan dengan penuh adat istiadat ritual. Kemudian atur cara yang seterusnya ialah menukar pokok yang telah ditebang untuk membuat burung kenyalang.

Atur cara ini menggunakan sebuah tempayan dan sebilah parang atau bentuk besi yang lain. Ia digunakan untuk menggantikan pokok yang telah ditebang itu. Pakar membuat burung kenyalang dijemput untuk membuat burung kenyalang bagi tujuan gawai itu. Setelah siap ia diletakkan di tanah kerana ia tidak boleh dibawa naik sembarangan ke rumah. Untuk membawa naik burung kenyalang sekali lagi upacara *miring* dijalankan. Apabila tiba di rumah, burung kenyalang diletakkan di umbut ‘tepus’ iaitu sejenis tumbuhan yang boleh dimakan. Perarakan membawa burung kenyalang di rumah panjang dilakukan.

Setelah selesai ia diletakkan di atas sebuah tajau dan dialaskan dengan sehelai kain pua kumbu. Seterusnya kerja-kerja mengukir badan burung kenyalang dilakukan oleh pakar dan apabila siap ia diletakkan di hujung pelantar rumah.

Motif-motif di badan burung kenyalang menunjukkan bahawa ia melambangkan keberanian seorang perwira negara di medan perang. Pengukir tersebut hendaklah diberikan pengeras seperti dua buah tempayan besar, sehelai kain ela untuk tudung kepala, dan sebilah parang.

Gawai Kenyalang diteruskan untuk malam yang kedua. Penyair mantera yang terdiri daripada dua orang akan melagukan manteranya sepanjang malam. Orang yang terlibat dalam kerja-kerja gawai tersebut seperti ‘*nudok ka pun pandong*’ (mendirikan asas gawai), menyikat bulu babi, penyair mantera, akan diberi pengeras seperti sebuah tempayan, sehelai kain ikat kepala dan sebilah parang.

Pada keesokan harinya, upacara menerbangkan burung kenyalang ke langit dilakukan sebab ia telah dianggap sebagai satu objek sakral. Pada malam yang ketiga gawai diteruskan lagi dan gawai ini dikenali sebagai ‘Gawai Muai Lompang’, iaitu upacara penghormatan terakhir kepada ‘*petara*’.

Proses gawai ini dianggap kompleks kerana ia juga memerlukan tenaga kerja seperti *lemambang* (penyair mantera), ‘*nudok tiang pandong*’ (orang mendirikan asas gawai), penyikat bulu babi. Setiap seorang daripada mereka akan mendapat tiga buah tajau, sehelai kain ela dan sebilah parang.

Selepas jarak satu tahun satu lagi gawai menyusul dan ia dikenali sebagai ‘*Gawai Mipil Tunggol*’ (pesta memotong tunggul pokok yang digunakan untuk membuat burung kenyalang pada gawai yang lepas). Di pesta Gawai Kenyalang ini kita telah melihat bahawa gawai tersebut telah menggunakan sebanyak 21 buah tajau besar.

Hal ini membuktikan bahawa fungsi tajau dalam gawai kenyalang amat penting dan ia dikatakan jika tidak ada tajau bahawa ‘Gawai Kenyalang’ tidak dapat dilaksanakan. Di samping itu, ia menunjukkan bahawa generasi yang akan datang hendaklah memiliki beberapa buah tajau atau tempayan besar jika hendak mengadakan pesta Gawai Kenyalang.

Gawai Menanam Benih Padi

Gawai ini diadakan untuk mendapatkan bantuan daripada ‘*Pulang Gana*’ (tuhan bumi) yang berkaitan dengan kegiatan pertanian supaya kesuburan tanah dapat dipulihkan untuk menghasilkan padi yang lumayan. *Pulang Gana* mempunyai kuasa luar biasa dalam penanaman padi. Oleh sebab itu, satu upacara khas seperti *piring* perlu diberi kepada *Pulang Gana* dalam bentuk gawai.

Biasanya gawai ini diadakan apabila hasil pertanian tidak baik. Gawai ini dilaksanakan secara sederhana selama satu malam sahaja. Dalam gawai tersebut, semua peralatan pertanian seperti benih padi, batu asah, parang, dan kayu penyangkut menebas, hendaklah diletakkan pada tiang khas yang dibalut dengan kain pua kumbu.

Pada malam itu, penyair mantera akan melagukan manteranya pada sepanjang malam itu. Acara gawai ini memerlukan tenaga kerja seperti penyair mantera, orang yang mendirikan asas gawai dan pakar yang menyikat bulu pada badan babi. Kemudian mereka diberi pengeras seperti sebuah tajau, tiga bilah parang dan wang sagu hati. Pengeras dalam konteks ini bertujuan supaya semua orang yang terlibat itu dikurniakan dengan kesihatan yang baik.

Tembikar dan Gawai Antu

Gawai Antu merupakan gawai yang terbesar dalam masyarakat Iban di Sarawak. Gawai itu bertujuan untuk memperingati dan sebagai tanda menghormati roh orang yang telah meninggal dunia. *Gawai Antu* amat besar artinya dalam masyarakat Iban (Sandin, 1972: 1). Sekiranya Gawai Antu tidak dijalankan, perkara ini boleh mencemarkan nama si mati dan boleh membuat hidup mereka menjadi susah di ‘dunia sebayan’ (dunia akhirat). Oleh hal yang demikian, gawai itu amat penting dilakukan dalam masyarakat Iban.

Penulis telah menyaksikan sendiri pesta Gawai Antu yang diadakan di Rumah Panjang Pedanum, Tanu Betong pada 15 Disember 2001. Dalam upacara gawai tersebut, objek-objek penting yang digunakan ialah seperti tempayan *tajau*, *Iron*, *udat*, *tempayan*, *jabir*, *manduh*, *kebok*, kain pua kumbu, kain sarung, parang, pinggan dan mangkuk tembikar.

Namun demikian, kategori tembikar ini bergantung kepada taraf si mati. Contohnya, jika ia merupakan seorang bujang berani atau juga digelar raja berani, yang pernah berjaya memperoleh lima hingga enam biji kepala manusia semasa *nganyau*, maka upah orang yang menganyamkan bakul untuknya akan memperoleh barang-barang seperti yang berikut semasa gawai antu, iaitu sebilah parang setengah depa panjangnya, sebuah tajau, sehelai kain pua kumbu motif ‘lebur api’, sebuah pinggan tembikar dan wang sagu hati.

Kain pua kumbu mesti mempunyai motif ‘lebur api’ (motif garang) sebab panas bujang berani amat bisa di *dunia sebayan* dan kain pua kumbu digunakan untuk menutup kepalanya. Manakala tajau tersebut digunakan sebagai perisainya semasa bujang berani melalui ‘pendian air’, iaitu tempat mandi di sungai yang berbahaya.

Menurut Selindong Linggoh, penyair yang menyanyikan mantera untuk si mati akan memperoleh sebuah kebok tembikar, sehelai kain ela, wang sebanyak RM4.00 dan sebilah parang.



Gambar 1.58: ‘Tajau Menaga’ ini adalah merupakan bentuk cenderamata yang diberikan kepada si mati. Ia telah ditanam di tepi perkuburan si mati yang terdapat di perkuburan rumah panjang orang Iban di Pedanom, Betong.




Gambar 1.59: Kelihatan dalam gambar ini para pakar anyaman sedang menganyam bekas yang diberikan kepada si mati semasa 'Gawai Antu'.




Gambar 1.60: Penulis telah menghadirkan diri di upacara ‘Gawai Antu’ pada 15.12. 2001 di rumah panjang Pedanom, Saribas, Betong. Bersama pengkaji adalah salah seorang pakar anyaman yang menjadi informan kepada pengkaji iaitu Puan Selindong Anak Linggoh



Gambar 1.61: Gambar ini menunjukkan bentuk pengeras dalam upacara 'Gawai Antu'. Tempayan 'Manduh' ini adalah merupakan bentuk pengeras yang diberikan kepada para pakar anyaman dan ia sebagai tanga 'kurung semangat'.



Gambar 1.62: Kain pua kumbu dan tempayan 'Manduh' ini adalah merupakan bentuk pengeras kepada pakar anyaman yang menganyam bekas kepada ;Bujang Berani'. Motif yang terdapat pada kain pua kumbu 'Lebur Api', kerana panas 'Bujang Berani' di 'dunia sebayan' amat bisa.



Gambar 1.63: Gambar ini menunjukkan salah satu upacara yang diadakan semasa 'Gawai Antu' di Pedanom, Betong pada 15.12. 2001. Acara ini dinamakan 'Nyabak Ka Rukan' yang bertujuan untuk memanggil semangat si mati agar hadir sama di upacara 'Gawai Antu' tersebut.

Tujuan penyair diberi barangan tersebut adalah supaya ia sentiasa berada dalam keadaan sejahtera.

Menurut Jabah Kimong, jika upacara Gawai Antu adalah untuk perempuan tua biasa, maka orang yang menganyamkan bakul untuk si mati akan memperoleh pengeras dalam bentuk sebuah kebok tembikar mempunyai ketinggian mesti melebihi paras lutut (tempayan kecil), kain sarung sehelai, sebilah parang, sebuah pinggan tembikar, sebuah mangkuk tembikar, dan wang sagu hati bergantung kepada jenis anyaman, tetapi semakin besar anyaman semakin mahal.

Kebok tembikar itu mesti mempunyai ketinggian melebihi paras lutut supaya orang yang menganyam tidak diganggu oleh roh si mati. Orang yang meminum air tapai dalam mangkuk 'jalong' (mangkuk tembikar sejarah) semasa Gawai Antu akan diberi pengeras seperti sebuah kebok tembikar, wang RM4.00 dan sebilah parang sebagai 'kering semangat' (gigit parang supaya tidak lemah semangat oleh kuasa luar biasa) Dalam upacara semasa Gawai Antu, pengeras adalah sesuatu yang amat penting diberi kepada orang yang menganyam bakul, penyair mantera dan peminum air tapai.

Dalam masyarakat Iban, pengeras bertujuan untuk mententeramkan roh orang yang telah mati dan supaya orang yang telah menjayakan majlis itu tidak diganggu oleh roh tersebut yang dikhuatiri boleh membawa bencana.

Tembikar dan kuasa luar biasa

Menurut Embia Dabong, pernah berlaku satu peristiwa ganjil yang benar-benar berlaku pada abad ke-17 di Hulu Engkari, Lubok Antu, Sri Aman iaitu terjadi kepada isteri Bedali. Bedali dan isterinya ialah penghuni rumah panjang di Hulu Engkari pada masa itu. Peristiwa ini berlaku selama tiga pagi berturut-turut ketika isteri Bedali mandi di sungai berdekatan dengan kampung mereka.

Pada pagi pertama rambutnya diganggu atau dihalang oleh batang buluh aur, pagi kedua pun peristiwa yang serupa telah berlaku pada dirinya. Pada pagi ketiga, peristiwa yang serupa berlaku kepada isteri Bedali dan pada pagi tersebut Bedali terus menebang pokok buluh aur itu dan didapati dalam buluh aur itu ada sebiji telur. Telur itu dibawa balik ke rumah dan apabila sampai di rumah telur itu diletakkan di dalam sebuah tajau.

Selepas dua minggu dari penemuan telur itu, satu tangisan kedengaran selama tujuh hari tujuh malam. Rupa-rupanya telur yang di dalam tajau itu bertukar menjadi seorang manusia. Manusia itu dinamakan Telur Aur. Dia menjelaskan bahawa dia mencari bapanya. Apabila berjumpa dengan lelaki lain, Telur Aur enggan berbapakan lelaki yang dijumpai itu.

Setelah ia berjumpa dengan Bedali barulah dia hendak dibawa mudik ke hilir sungai. Kemudian mereka berjumpa dengan anak lelaki Bedali yang bernama Patinggi Datuk Api. Patinggi Datuk Api mengatakan bahawa dia adalah bapa kepada Telur Aur. Kemudian Telur Aur mengemukakan satu syarat. Jika Patinggi Dauk Api dapat menangkap ikan 'Emau' (emak kepada segala ikan dalam sungai) untuk Telur Aur barulah dia boleh menjadi anak Patinggi Datuk Api.

Selepas itu mereka bertiga memasang bubu Seloh (bubu besar) untuk mendapatkan 'Indu Emau' (emak kepada segala ikan yang terdapat di sungai). Tidak lama selepas itu bubu yang dipasang mereka berjaya memerangkap ikan tersebut dan ikan itu diberi kepada Telur Aur. Ikan 'Emau' juga telah bertukar menjadi manusia. Beberapa tahun selepas itu, Bedali sekeluarga berpindah ke sebuah Lubuk yang dinamakan 'Lubuk Meemau'.

Semasa dalam perjalanan, mereka karam. Manusia yang berasal daripada ikan 'Emau' itu pun hilang semasa karam tersebut. Tinggallah Telur Aur bersama-sama dengan Bedali sekeluarga. Bedali dan keluarganya mengambil keputusan untuk menetap dekat dengan kawasan mereka karam itu sementara menunggu manusia yang berasal daripada ikan 'Emau' itu keluar dari lubuk tersebut.

Pada tahun itu, mereka berhuma dengan menanam padi bukit. Apabila musim menuai padi, ikan Emau itu wujud semula sebagai manusia, lalu memanjat sebatang 'pokok jarau' (nama sebatang pokok) di tepi huma tersebut. Dalam pada itu, Telur Aur pun berkata bahawa, "*jika Emau masih hidup begitulah rupanya buah padi kita cantik seperti wajah Emau kesayangan saya*". Apabila mendengar pujian itu, Emau berasa amat malu dan terus terjun ke dalam sungai semula sehingga ke hari ini.

Menurut Embia Dabong lagi, terdapat lapan buah tajau adik-beradik. Pada waktu itu, sebuah tajau telah digunakan untuk menyimpan telur aur. Manakala tujuh buah lagi pasangannya yang lain digunakan untuk menyimpan padi dan beras.

Sehingga sekarang kelapan-lapan buah *tajau* tersebut masih dalam simpanan keturunan keluarga Bedali. Sebuah *tajau* dalam simpanan keluarga Embia Dabong, iaitu keturunan daripada keluarga Bedali. Mereka telah berpindah dari Hulu Engkari Lubok Antu ke Kampung Ibol Undop, Sri Aman sehingga sekarang dan tujuh buah tajau lagi dalam simpanan saudara-mara Embia Dabong di Batang Baleh, Ulu Kapit, Sarawak. Jelaslah bahawa tajau-tajau itu memiliki kuasa luar biasa yang dianugerahkan oleh *petara*.

Mimpi dan tembikar

Konsep mimpi dalam masyarakat Iban dilihat melalui makna yang tersirat. Masyarakat Iban kaya dengan pelbagai kepercayaan dalam kehidupan mereka. Ada sesetengah mereka boleh berhubung dengan kuasa luar biasa melalui mimpi. Malah mereka boleh mendapatkan apa-apa sahaja hasrat dan impian yang diidamkan di dunia ini melalui mimpi.

Dalam masyarakat Iban, alam semesta ini dibahagikan kepada alam semangat, alam antu, alam petara dan alam manusia. Semangat dan petara memperlihatkan diri mereka melalui bunyi-bunyi burung, binatang dan fenomena semula jadi yang lain. Masyarakat Iban mempercayai bahawa melalui mimpi, manusia bergerak ke alam semangat dan mimpi itu telah menetapkan tempat pertemuan antara manusia dan semangat tersebut.

Semangat berkomunikasi dengan manusia untuk memberi peringatan dan nilai pengajaran melalui bebung. Masyarakat Iban percaya bahawa apabila manusia tidur, semangatnya akan mengembara ke alam lain dan inilah yang menyebabkan seseorang bermimpi.

Mimpi ialah sesuatu yang terlihat atau dialami dalam tidur. Bagi masyarakat Iban, petanda dalam mimpi perlu dipatuhi. Sekiranya tidak, seseorang itu akan menerima malapetaka. Oleh yang demikian, masyarakat Iban amat berpegang teguh terhadap sebarang mimpi yang dialami kerana banyak perkara buruk yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat Iban disebabkan mereka tidak mempercayai alamat sesuatu mimpi itu.

Contohnya, menurut Chok Rima, seorang lelaki yang bernama Anyan, tinggal di Marup Engkilili, Sri Aman pernah bermimpi melihat orang terlalu ramai berkunjung ke rumah mereka dan tidak ada seorangpun dikenalnya. Selepas bermimpi, Anyan mengajak keluarganya untuk mengadakan upacara *miring* tetapi keluarganya tidak bersetuju dengan cadangannya itu.

Seminggu kemudian, mereka sekeluarga pergi ke bandar Sri Aman untuk tujuan makan malam. Dalam perjalanan tersebut kereta mereka telah terlibat dalam satu kecelakaan jalan raya. Empat orang ahli keluarga itu maut semasa kecelakaan tersebut. Masyarakat Iban mempercayai bahawa jika mimpi itu disemah dengan upacara *miring* nescaya tiada bencana yang menimpa keluarga tersebut.

Masyarakat Iban masih mempercayai mimpi sehingga sekarang. Malah, sesetengah pendapat mengatakan bahawa perlanggaran mimpi tidak berjaya dipujuk hanya dengan bersembahyang semata-mata. Hal ini menunjukkan betapa signifikannya mimpi dalam masyarakat Iban. Mereka mempercayai bahawa tuhan dan roh dapat berhubung dengan manusia melalui mimpi. binatang tertentu dan juga burung. Agen-agen ini akan menyampaikan sesuatu petanda kepada seseorang dan beliau diharap akan bertindak mengikut apa-apa yang disampaikan melalui petanda itu.

Menurut Simpai Dabong, petanda dalam mimpi baik atau mimpi buruk mesti dipatuhi kerana semua petanda itu memberi pengertian yang begitu jelas kepada yang bermimpi. Dalam masyarakat Iban, arahan dalam mimpi tidak boleh disangkal kerana mereka yang berani melawan arahan dalam mimpi boleh menemui kematian.

Menurut Manin Matong, pada suatu ketika dahulu penduduk di kawasan Simanggang pernah dilanda musim tengkujuh apabila musim membakar ladang huma tiba. Pada tahun tersebut ladang-ladang padi bukit tidak dapat dibakar dan sudah pasti *padi pun* tidak dapat ditanam. Oleh itu, semua penduduk di kawasan terbabit mengalami kebuluran kerana kehabisan beras sebagai makanan utama mereka.

Menurutnya lagi, seorang perempuan tua bernama Jelembai telah bermimpi. Dalam mimpi tersebut, Jelembai telah diarahkan oleh kuasa luar biasa supaya mengadakan upacara *miring* untuk setiap pintu bilik di rumah panjang Entawa Undop yang ada sekarang ini. Tujuan *miring* itu adalah supaya seluruh penduduk kampung tersebut memperoleh hasil tuaian yang lumayan.

Malangnya, si Jelambai tidak mahu berbuat demikian kerana tidak sanggup dituduh berbohong oleh penduduk kampung. Beberapa bulan kemudian, Jelembai jatuh sakit. Pesta gawai diadakan yang bertujuan untuk menyemah arahan dalam mimpinya itu. Segala ritual untuk meminta maaf kepada kuasa luar biasa tidak berjaya. Akhirnya, Jelembai meninggal dunia akibat menentang arahan dalam mimpinya. Oleh itu, masyarakat Iban amat percaya kepada mimpi mereka.

Mimpi dan tembikar prasejarah

Menurut Bingak Igang, 'tajau lama pusaka' atau tembikar sejarah pusaka yang dimiliki Tutut Dana diwarisi daripada keluarga Dawal yang berasal dari Kampung Nanga Klassen, Undop Sri Aman. Sebenarnya terdapat dua jenis tembikar sejarah dalam keluarga itu. Apabila Dawal berkahwin dengan Jinot di Kampung Entawa Undop, Dawal telah dihadiahkan dengan sebuah daripada tembikar sejarah tersebut. Tembikar yang dibawa oleh Dawal sering kedengaran seperti seorang perempuan sedang menangis pada waktu siang oleh ahli keluarganya dan juga oleh jiran-jiran mereka.

Menurut Tutut Dana, pada sebelah malamnya, ahlinya keluarganya pernah bermimpi tentang tembikar sejarah itu dimana dua buah tembikar itu terdiri daripada sepasang suami isteri yang bercerai oleh perbuatan pemilik tembikar tersebut.

Dalam mimpi, tembikar itu memberitahu ia menangis kerana tidak mahu bercerai dengan suaminya yang berada di Nanga Klassen. Dalam mimpi. ia kelihatan seperti seorang bidadari, berambut panjang mengurai dan didapati menangis di hadapan pintu dapur.

Kemudian, beberapa orang ahli keluarganya datang untuk memujuk siapa dan mengapa orang itu menangis. Dalam mimpi tersebut, tembikar sejarah itu menjelaskan bahawa ia sering kedengaran menangis kerana tidak mahu bercerai dengan suaminya. Kemudian, perempuan itu tiba-tiba bertukar menjadi sebuah tembikar dan berada di tempat asalnya di ruang tamu.

Di penghujung mimpi tersebut, barulah pemilik tembikar sejarah itu menyedari bahawa orang yang kedengaran menangis saban hari itu rupa-rupanya ialah sebuah tembikar sejarah yang dimiliki mereka.

Menurut Tutut lagi, tali yang digunakan untuk mengikat telinga tembikar sejarah itu di dinding ruang tamu tersebut dapat digunakan sebagai penyelamat ketika jauh di rantau orang. Dijelaskan lagi, bahawa walau bagaimanapun teruk sekalipun seseorang itu sakit di rantau orang, ia tidak akan meninggal di rantau orang dan akan kembali dengan selamat ke kampungnya.

Menurut Jabah Kimong, pernah berlaku satu peristiwa yang amat menyayat hati tentang sebuah tajau tembikar purba. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1996 apabila seorang lelaki tua yang bernama Beratong membeli sebuah tembikar dari pekan Betong. Tembikar purba itu dibelinya dengan harga RM600.00 daripada seorang peniaga. Selepas seminggu tembikar purba itu dibelinya, Beratong pun meninggal dunia tanpa sakit.

Selepas kematian Beratong, seorang daripada anaknya bermimpi tentang tembikar tersebut. Daripada mimpi itu, dinyatakan bahawa kematian ayahnya disebabkan tembikar sejarah tersebut. Tembikar itu telah menjadi hantu yang membunuh ayahnya.

Tembikar itu juga menjelaskan bahawa ia menjadi hantu raya, hantu papa kedana, dan boleh menjadikan seseorang menjadi gila. *Tajau* itu mempunyai telinga dan salah satu daripada telinganya telah tanggal. *Antu tajau* itu sedang kelaparan dan kerana itu ia memakan manusia sebagai habuannya. Selepas itu, tembikar purba tersebut dihantar semula kepada perniaga yang menjualnya di pekan Betong yang ada sekarang.

Menurut Lata Matong, tembikar menyerupai bentuk gajah pernah dijumpai di ladang. Kemudian pemilik itu dianugerahkan dengan mimpi. Dalam mimpi itu dijelaskan bahawa tembikar berkenaan merupakan objek yang dapat menyebabkan keturunan itu kaya-raya. Keluarga itu akan mendapat hasil tuaian padi yang lumayan, kekayaan dalam bentuk lain seperti melalui hasil jualan lada yang lumayan, hasil torehan getah yang baik dan sebagainya. Ia adalah hasil daripada bantuan tembikar gajah itu.

Tetapi sebelum itu, perlu satu pesta gawai perlu diadakan bagi menyambut kedatangan 'kuasa sakti' yang ada pada tembikar gajah itu. Dalam masyarakat Iban, gawai tersebut perlu diadakan untuk menjaga keharmonian pemiliknya dan untuk mententeramkan kuasa sakral itu.

Menurut Tida Utat, Kampung Putat, iaitu sebuah rumah panjang di bahagian Sri Aman telah terbakar pada 31 Mei 2001, yang memusnahkan semua harta benda penghuninya. Beberapa hari selepas kebakaran tersebut, sebuah tempayan besar yang masih berada dalam keadaan baik ditemui oleh pemiliknya.

Pada sebelah malamnya, pemiliknya bermimpi bahawa tempayan itu memiliki kuasa luar biasa sehingga sebab tidak hangus dalam kebakaran itu. Dijelaskan dalam mimpi bahawa terdapat dua jenis kegunaan tempayan itu, pertama membantu supaya pemiliknya boleh menjadi kaya dan yang kedua sebagai azimat kebal semasa dalam peperangan.

Kesimpulannya, barangan tembikar mempunyai pelbagai fungsi dan tidak hanya terbatas kepada kegunaan harian seperti untuk menyimpan padi, beras, air tapai, pekasam, tempoyak, harta pusaka, dan barang. Malah, tembikar digunakan secara meluas dan sebagai objek yang wajib digunakan dalam sesuatu majlis atau upacara yang berkaitan dengan ritual, termasuk upacara keagamaan dalam masyarakat Iban.

Masyarakat Iban mengadakan ritual yang bertujuan untuk berkomunikasi dengan *petara* mereka melalui tembikar yang berfungsi sebagai alat perantaraan. Mereka membuat persemahan dengan seekor babi atau ayam bagi memujuk kuasa luar biasa itu. *Genselan* (persemahan) itu amat penting dalam satu-satu upacara *miring*, iaitu memberi makan kepada *petara*. Jika upacara *miring* tidak dilakukan, maka ada etanda malang yang disampaikan oleh *petara* (tuhan) itu melalui mimpi.

Masyarakat Iban mempercayai bahawa *petara* itu terdapat pada tembikar seperti *tajau*. Oleh sebab itu, ia perlu disembah, dipuja dengan *piring* melalui pesta gawai, contohnya *gawai tajau*. *Petara* perturunkan unsur kuasa luar biasanya melalui objek tembikar untuk berkomunikasi dengan si pemilik objek itu. Proses komunikasi itu dilakukan melalui upacara yang disebut sebagai *miring*, yang bermaksud memberi makan kepada tuhan.

BAB EMPAT

PENGGUNAAN TEMBIKAR

DALAM HUKUM ADAT

Menurut tradisi, masyarakat Iban takut ditimpa bencana sekiranya melakukan pelanggaran dalam hukum adat. Keadaan ini boleh mengakibatkan kematian dalam keluarga tersebut dan juga mungkin musim kemarau panjang dan musim tengkujuh akan berlaku. Ini merupakan satu petanda buruk terhadap sesebuah keluarga atau sesebuah rumah panjang.

Dalam masyarakat Iban, keadaan ini mesti ada penyebabnya, apatah lagi masyarakat penuh dengan hukum adat – dari hidup sampai mereka meninggal dunia. Lazimnya, yang menyebabkan malapetaka ialah pantang-larang dan pelanggaran.

Bagi mengimbangi keharmonian itu, maka elemen-elemen itu hendaklah dipujuk, dibela semula dan yang amat penting, perlu dipuja dengan dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah mengkorbankan babi dan ayam dan kaedah yang kedua ialah membayar hukum dalam bentuk 'kurung semangat', iaitu membayar dalam bentuk besi, contohnya paku, sabit, parang, beliung, kapak.

Tetapi yang paling penting ialah kurung semangat dalam bentuk tempayan bermakna seseorang yang dikenakan denda harus membayar denda tersebut dengan sebuah tempayan. Jika gagal berbuat demikian, mungkin ia akan jatuh sakit dan seterusnya menyebabkan kematian.

Tembikar dalam hukum adat pembinaan rumah panjang

Masyarakat Iban dengan mudah tinggal di rumah panjang. Mereka terdiri daripada sebuah komuniti kampung dan setiap pintu bilik dihuni oleh sebuah keluarga yang lengkap dengan ruang-ruang yang diperlukan.

Ketua rumah panjang di kenali sebagai *tuai rumah* dan ketua bilik dikenali sebagai *tuai bilik*. Seterusnya ialah huraian hukum adat Iban 1993 yang terdapat di negeri Sarawak. Lazimnya sebelum rumah panjang dibina, *tuai rumah* hendaklah memanggil mesyuarat membabitkan kesemua anak buah rumah panjang tersebut. Dalam mesyuarat tersebut mereka perlu menetapkan beberapa perkara seperti tapak rumah baharu, jumlah keluarga yang akan menginap di rumah panjang baharu, kedudukan bilik sesebuah keluarga, dan perkara lain yang berkaitan.

Jika terdapat seseorang yang pada awalnya bersetuju untuk mendirikan rumah panjang, kemudian seseorang itu membina rumah sendiri di tempat lain, maka orang itu akan didenda sebanyak dua *pikul*, bersamaan dengan RM200.00 bagi orang biasa. *Tuai rumah* yang mungkir janji dikenakan denda sebanyak tiga pikul, iaitu bersamaan dengan RM300.00. Sesiapa yang gagal membina bilik, sedangkan bahan-bahan telah siap, dia akan dikenakan denda iaitu:

1. Hukuman manusia dengan manusia dikenali sebagai *tunggu* sebanyak 16 mungkul dan sebuah tempayan. *Tunggu* bermaksud orang yang bersalah dikehendaki membayar denda sebanyak 16 mungkul, iaitu bersamaan dengan RM16.00. *Mungkul* bermaksud tempayan. Satu mungkul sama dengan nilai satu ringgit, manakala maksud pikul ialah ringgit.

2. Jika kesalahan yang dianggap sebagai kuasa luar biasa atau kesalahan terhadap kepercayaan ia disebut sebagai *gengselan* (adat yang dikenakan kepada pesalah dengan sembelihan binatang untuk memohon restu dan keampunan daripada tuhan) dalam bentuk seekor ayam atau seekor babi, persembahan kering semangat dalam bentuk besi seperti parang, kapak atau beliung. Tujuannya adalah supaya tidak kalah semangat kepada kuasa luar biasa.
3. Kurung semangat dalam bentuk *Mungkul* atau lebih dikenali sebagai tempayan atau pasu supaya semangat tidak lari atau supaya orang berkenaan tidak ditimpa bencana.

Menurut Simpai Dabong, jika sesebuah rumah panjang telah siap dibina, masyarakat Iban akan cuba melihat nasib sama ada tanah itu sesuai atau tidak untuk didiami. Jika terdapat sesiapa yang memusnahkan tanda-tanda, akan dikenakan tunggu lapan mungkul (RM8.00), dan *gengselan* seekor ayam serta kering semangat.



Gambar 1.64: Tempayan ini dikenali sebagai ‘Kebok’ atau ‘Menukul’ atau ‘Mungkul’, tetapi dari perspektif Hukum Adat Iban, ia dikenali sebagai ‘Mungkul’ dan digunakan untuk ‘kurung semangat’ agar semangat tidak dapat dipisahkan daripada badannya.

Masyarakat Iban yang merosakkan atau mengotorkan tapak rumah panjang akan dikenakan denda lapan mungkul, *gengselan* seekor ayam dan kering semangat. Jika sesiapa didapati bersalah memusnahkan tiang rumah panjang atau bahan-bahan rumah yang lain seperti atap, dinding, maka dia akan dikenakan tunggu lapan mungkul, *gengselan* seekor ayam dan kering semangat.

Jika gagal menegakkan tiang bilik pada jangka masa yang telah ditetapkan, ia akan dikenakan denda 16 mungkul. Seseorang itu harus mengikut jadual atau waktu yang ditetapkan. Manakala sesiapa yang telah menegakkan tiang, kemudian mencabut balik tiang tunggu 16 mungkul, *gengselan* seekor babi, kering semangat dan kurung semangat dengan pinggai lama (pinggan tembikar sejarah) yang diletakkan untuk menutup lubang yang digali akan dikenakan.

Jika ada penghuni rumah panjang yang mendirikan rumahnya tidak mengikut susunan seperti yang ditetapkan akan dikenakan *tunggu* sebanyak 16 mungkul atau RM16.00, memberi adat *gengselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Jika telah membawa barang-barang seperti kelambu, peralatan tenunan kain pua kumbu dan peralatan lain untuk berpindah ke rumah panjang yang lain, tetapi tidak jadi, dia dikenakan *tunggu* sebanyak 16 mungkul atau RM16.00, adat *gengselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Dalam adat masyarakat Iban, setiap perlakuan yang dilakukan semasa pembinaan rumah panjang akan dikawal dengan penuh disiplin. Setiap pelanggaran dikenakan denda oleh *tuai rumah* berdasarkan hukuman di rumah panjang berkenaan. Hukum adat ini masih tebal dipraktikkan hingga ke hari ini. Contohnya, jika terdapat sesiapa selepas menegakkan tiang bilik, kemudian gagal memasang lantai akan dikenakan *tunggu* lapan mungkul, *gengselan* seekor ayam, kering semangat dan kurung semangat berupa sebuah tempayan kecil.

Apabila seorang ahli keluarga sakit, orang yang bersalah dikenakan adat *keresan* (yang bermaksud pada hari kita melakukan pelanggaran hukum adat dan pada hari itu juga orang yang berkaitan itu mati) sebanyak 16 mungkul, *gengselan* seekor babi, kering semangat dan kurung semangat dikenakan.

Sebaliknya, apabila ada orang mati, orang yang bersalah dikenakan adat *keresan* 32 mungkul, *gengselan* seekor babi (babi bunting sahaja), kering semangat dan kurung semangat juga dengan menggunakan tempayan. Setiap rumah panjang masyarakat Iban ada memiliki kawasan lapang yang dikenali sebagai *payung rumah* atau halaman rumah seluas 20 ela di sekeliling tiang rumah panjang.

Sesiapa pun tidak dibenarkan menanam apa-apa pokok di dalam *payung rumah* (kawasan halaman rumah panjang) itu. Sekiranya ada pokok yang tidak ditebang, kemudian pokok itu menghempap orang ramai, tuan punya pokok tadi akan dikenakan denda dengan membayar kos perubatan orang yang cedera. Kalau ada orang yang mati, dia perlu membayar pampasan, iaitu *pati nyawa*.

Tembikar dalam hukum adat: Pantang-larang di rumah panjang

Masyarakat Iban juga mempunyai pantang-larang yang lain yang perlu dipatuhi. Mengikut adat Iban, sebelum berpindah ke bilik rumahnya, seseorang itu dibolehkan membina dapur, tetapi tidak dibenarkan mengisi dengan tanah. Jika sesiapa yang melanggar adat ini, maka dia dikenakan *tunggu* lapan mungkul, *gengselan* seekor ayam, serta kering semangat.

Seseorang yang hendak berpindah ke rumah panjang yang lain, mesti membayar *gengselan* kepada rumah yang lama. Jika gagal berbuat demikian, mereka akan dikenakan denda lapan mungkul.

Jika ada orang mati, pesalah dikenakan adat *keresan* sebanyak 32 mungkul. Seseorang yang telah bersiap untuk berpindah, tetapi akhirnya tidak jadi, akan *ditunggu* lapan mungkul, *gengselan* seekor ayam, kering semangat dan kurung semangat dengan sebuah tempayan. Sebaliknya, jika ada orang mati kerana pesalah tidak membayar *gengselan*, pesalah akan dikenakan adat *keresan* sebanyak 32 mungkul.

Jika sesiapa berpindah ke rumah panjang orang lain tanpa kebenaran daripada penghulu atau *tuai rumah*, maka dia akan dikenakan denda sebanyak dua pikul atau RM200.00, *tunggu* sebanyak 200 mungkul atau RM200.00, adat *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Jika sesiapa berpindah ke rumah panjang lain, dia tidak dibenarkan menanggalkan perabung rumah dan mengambil mana-mana perkakas rumah. Jika berbuat demikian, dia akan dikenakan denda dua pikul atau dua ratus ringgit, *tunggu* sebanyak 200 mungkul atau RM200.00, *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Jika sesiapa menghalau orang untuk berpindah ke rumah panjang lain, kemudian orang yang dihalau itu terus berpindah, maka orang yang menghalau itu akan dikenakan denda sepikul atau RM100.00, *tunggu* sebanyak 100 mungkul atau RM100.00, adat *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Jika sesiapa menggunakan khidmat penghulu atau *tuai rumah* untuk membahagikan ladang, maka kedua-dua pihak harus mengeluarkan *genselan* yang disebut sebagai *basu kaki* atau membasuh kaki dengan seekor ayam, kering semangat dengan sebilah parang, kurung semangat menggunakan sebuah tempayan dan diikuti dengan adat mungkul empat buah tempayan.

Jika sesiapa menggunakan khidmat penghulu atau *tuai rumah* untuk membahagi padi, ubat padi (azimat padi), kayu burung (kayu azimat untuk kesejahteraan hidup), maka kedua-dua pihak harus mengeluarkan adat *genselan* yang disebut sebagai *basuh kaki* (membasuh kaki) dengan seekor ayam, kering semangat sebilah parang, kurung semangat menggunakan sebuah tempayan dan disusuli dengan adat mungkul empat buah tempayan.

Jika ada tetamu bertandang dan kemudian dia meninggal dunia di rumah panjang tersebut dan mayatnya dituntut oleh keluarga si mati, maka keluarga tersebut akan dikenakan *tunggu* sebanyak 16 mungkul atau RM16.00, *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan. Jika ada orang yang melanggar pantang-larang *manang* yang sedang mengubat orang sakit, maka dia akan dikenakan *tunggu* sebanyak empat mungkul atau RM4.00, *genselan* dengan seekor ayam, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Jika menebang pokok pisang atau pokok buluh orang lain tanpa kebenaran, dia akan dikenakan *tunggu* sebanyak empat mungkul, *genselan* dengan seekor ayam, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Menurut *tuai rumah* Batang Ambon, sesiapa yang didapati merosakkan para-para atau dapur orang lain, seseorang itu akan ditunggu sebanyak 16 mungkul dan *genselan* seekor ayam. Menurut Batang lagi, masyarakat Iban yang telah mendiami rumah barunya, dapur harus digunakan sekali dalam masa 30 hari. Jika gagal berbuat demikian akan ditunggu empat mungkul, *genselan* seekor ayam, dan kering semangat.

Sekiranya terdapat sesiapa membina pondok di hujung dan di pangkal rumah panjang, orang yang menghalang harus merobohkan pondok tersebut dan kemudian dia akan dikenakan *tunggu* sebanyak 16 mungkul, *genselan* seekor ayam dan kering semangat. Pondok itu mesti dirobuhkan dalam masa 30 hari, dan jika gagal berbuat demikian akan dikenakan lima mungkul sebulan (membayar dengan lima buah tempayan sebulan).

Kepada sesiapa yang dengki, contohnya merosakkan tangga rumah orang lain, pesalah akan dikenakan *tunggu* empat mungkul, *genselan* seekor ayam dan kering semangat. Jika mematahkan tangga, dia dikenakan denda *tunggu* empat mungkul *genselan* seekor ayam dan kering semangat.

Masyarakat Iban amat mementingkan adat menjaga rumah panjang dengan baik. Contohnya, lantai rumah yang tidak dipaku, atau lantai rumah jongkang-jongket. Jika terdapat orang terjatuh di hadapan rumah, tuan rumah akan dipersalahkan.

Dalam kes ini, pesalah dikenakan denda tunggu lapan *mungkul*, *gengselan* seekor ayam, dan kering semangat. Dalam pada itu, orang yang jatuh tidak boleh marah. Jika orang itu marah dan mengambil tindakan tertentu, dia boleh dikenakan denda *tunggu* lapan *mungkul*, *gengselan* seekor ayam, kering semangat dan ganti rugi atau pampasan terhadap harta yang telah dimusnahkan.

Tembikar dalam hukum adat : Salah laku di rumah panjang

Masyarakat Iban menggalakkan masyarakatnya hidup bersatu-padu dan harmoni. Jika berlaku pergaduhan, mereka yang bersalah akan dikenakan tunggu lapan *mungkul*, dan jika yang bergaduh ahli satu keluarga akan dikenakan *tunggu* sebanyak 16 *mungkul*.

Jika sesiapa mengancam orang lain untuk tujuan bertembuk di tepi rumah atau di tempat lain, jika berlaku bencana atau kematian di rumah panjang itu, maka orang terbabit dengan kesalahan itu akan dikenakan adat *mungkul* empat buah tempayan, adat *keresan*, iaitu *mungkul* 32 buah tempayan atau RM32.00, adat *gengselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan.

Jika melakukan kecurian di rumah panjang, orang yang mencuri dikenakan denda *tunggu* dengan sebuah *tajau*. Sekiranya keluarga yang mencuri itu tidak mempunyai *tajau*, maka anaknya akan menjadi hamba abdi kepada keluarga yang kecurian barang tersebut sehingga dia dapat membayar hukum itu.

Jika menangkap ikan di kolam orang lain tanpa kebenaran, dia dikenakan *tunggu* dengan sebuah jabir, kerana pencuri itu hanya daripada keturunan kelas yang rendah. Jika pencuri daripada kelas hamba abdi, maka dia hanya dikenakan *tunggu* dengan sebuah serpihan pinggan tembikar kerana pencuri itu tidak mempunyai sebarang harta yang bernilai seperti tempayan. Hukum adat jenis tersebut diguna pakai di Saribas, sebelum kedatangan agama Kristian di Sarawak.

Jika terdapat sesiapa yang menggunakan harta orang lain tanpa kebenaran, dia akan dikenakan denda tunggu sebanyak empat *mungkul*. Sesiapa yang enggan membuat kerja-kerja bergotong-royong akan dikenakan denda tunggu sebanyak 16 *mungkul*.

Juga sesiapa yang menyebabkan anjingnya menggigit atau menyerang orang lain, maka orang itu dikenakan denda *tunggu* empat *mungkul* dan *gengselan* seekor ayam, kering semangat dan membayar ganti rugi kos perubatan dalam bentuk mata wang bergantung pada jenis kecederaan itu.

Jika berlaku pergaduhan kerana fitnah-menfitnah di rumah panjang, orang yang difitnah itu akan meminta *tuai rumah* mengadakan satu mesyuarat khas berkaitan dengan perkara itu. Pihak yang bersalah dikenakan *tunggu* sebanyak dua *mungkul*, iaitu RM2.00, dan sebuah tempayan. Wang RM2.00 itu akan dibahagi-bahagikan kepada pemegang adat di rumah panjang itu. Pesalah itu seterusnya akan mendapat malu kerana tempayan *tunggu* itu akan digantung di pintu rumah panjang dalam satu jangka masa yang ditetapkan. Tujuan tempayan itu digantung sebagai memberi pengajaran supaya tidak membuat fitnah lagi pada masa akan datang.

Dalam masyarakat Iban, terdapat keluarga besar yang terdiri daripada ahli-ahli keluarga seperti datuk, nenek, ibu bapa, anak menantu yang ramai, dan cucu cicit. Apabila anak menantu mendapati sudah tidak serasi lagi untuk tinggal dalam satu keluarga, maka mereka memikirkan untuk membina rumah sendiri. Telah menjadi satu tradisi, apabila mereka berpindah ke rumah baru, ketua keluarga akan membahagikan harta pusaka kepada pasangan itu seperti beberapa helai kain pua kumbu, beberapa buah tempayan, gong,

gendang, 'baku' (bekas tembaga, tabak (penutup diperbuat daripada tembaga), dan pinggan mangkuk.

Pembahagian harta juga akan diberi kepada anak-anak, jika anak lelaki atau anak perempuan keluarga itu *nguai*, iaitu tinggal bersama-sama dengan keluarga isteri atau keluarga suami, maka mereka akan memperoleh harta pusaka seperti kain pua kumbu, meja batu marmar, tempayan, gong, dan beberapa keping pinggan mangkuk purba.

Pembahagian harta pusaka tersebut dilihat sebagai perkara wajib dalam masyarakat Iban kerana ia mencerminkan penghormatan dan kemuliaan perhubungan antara dua buah keluarga itu, dan juga sebagai lambang kekayaan dalam masyarakat.

Kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang adalah bertunjangkan hukum adat tradisi mereka yang diwarisi sejak turun-temurun. Selain daripada adat menjaga keharmonian hidup di rumah panjang, terdapat juga adat tentang kematian seperti mayat si mati tidak boleh dikuburkan di puncak bukit dan di tanah kebun sendiri. Ia mesti dikuburkan di kawasan perkuburan biasa.

Sesiapa yang didapati melanggar adat ini, akan dikenakan denda sebanyak tiga *pikul* atau RM300.00, *pelasi menua* mungkul 200 atau RM200.00, adat *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan. Kemudian mayat si mati hendaklah digali semula dan dikuburkan di kawasan perkuburan biasa.

Jika sesiapa menebang pokok kayu dan menghempap perkuburan, dia dikenakan denda sebanyak dua pikul setengah, iaitu RM250.00, *tunggu* sebanyak 150 *mungkul* atau RM150.00, adat *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan. Kemudian pesalah dikehendaki membayar kos kerosakan yang telah dilakukannya.

Jika sesiapa yang didapati sengaja membakar kubur, dia akan dikenakan denda dua pikul setengah atau RM250.00, *tunggu* sebanyak 150 mungkul atau RM150.00, *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan. Kemudian pesalah juga dikehendaki membayar kos kerosakan kubur itu.

Jika sesiapa mencuri cenderamata si mati di kuburnya seperti tempayan, gong, dan sebagainya, dia akan dikenakan denda dua pikul atau RM200.00, *tunggu* sebanyak 200 mungkul atau RM200.00 adat *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat menggunakan sebuah tempayan. Barang-barang yang telah dicuri hendaklah dikembalikan semula ke kubur atau diganti baru jika barang tersebut telah rosak.

Tembikar dalam hukum adat penghapusan daripada status hamba abdi kepada status rakyat biasa

Menurut Penghulu Daniel Baran, terdapat tiga kategori masyarakat dalam masyarakat Iban. Pertama, masyarakat yang paling tinggi, iaitu terdiri daripada mereka yang menjadi Temenggong, Pemancha, Penghulu, Tuai Rumah dan golongan masyarakat yang berketurunan feodal dalam konteks masyarakat Iban.

Feodal merujuk kepada kelas masyarakat yang berkedudukan tinggi, bermaruah, golongan kenamaan dan dimuliakan kedudukannya dalam masyarakat tersebut. Mereka layak dipilih menyandang jawatan seperti Temenggong, Pemancha, Penghulu dan Tuai Rumah.

Manakala golongan masyarakat kelas kedua pula, ialah golongan rakyat biasa yang baik. Namun demikian, mereka tidak layak dipilih untuk menyandang jawatan seperti Temenggong, Pemancha, Penghulu dan Tuai Rumah.

Terdapat satu lagi kategori masyarakat Iban iaitu kategori masyarakat yang kena 'sumpahan' oleh kuasa luar biasa. Menurut iManin Matong, wujudnya kategori masyarakat

ini, pertama disebabkan keturunannya memang telah disumpah oleh *petara* yang mencipta mereka sejak mereka lahir supaya mereka boleh menyumpah orang lain, contohnya menyumpah tanaman orang lain agar tidak ‘menjadi’.

Manakala lelaki dan perempuan golongan tersebut terdiri daripada mereka yang amat cantik dan amat kacak. Menurut kepercayaan, perkara itu terjadi disebabkan mereka telah ‘disepuh’ ke dalam dulang emas, supaya masyarakat dari kelas lain berminat menjadikan mereka sebagai suami atau isteri.

Dengan perkataan lain, supaya masyarakat berketurunan daripada kelas berdarjat tidak memulaukan lelaki dan perempuan daripada kelas tersebut. Selain daripada itu, terdapat satu lagi kategori masyarakat yang kena ‘sumpahan’, iaitu masyarakat yang tidak mendapat hasil tuaian padi selama tujuh keturunan.

Menurut Lata Matong, asal ceritanya adalah seperti yang berikut: terdapat sepasang suami isteri di rumah panjang. Si suami hendak menyertai aktiviti pemburuan kepala.

Manakala isterinya masih dalam pantang bersalin. Kebetulan pada masa itu ialah musim orang menuai padi. Si suami pula marah dan pergi ke huma. Setibanya di huma dia terus mencantas padi-padi di huma itu. Pada sebelah malamnya, dia dianugerahkan dengan mimpi bahawa selama tujuh keturunan ‘Muluk’ (nama lelaki itu) tidak akan mendapat hasil tuaian padi.

Sementara golongan masyarakat yang paling rendah kelasnya ialah hamba abdi. Tetapi sewaktu pemerintahan Charles Brooke di Sarawak pada awal abad ke-19, beliau menghapuskan amalan hamba abdi dalam kalangan masyarakat Iban. Satu upacara khas diadakan bersempena dengan penghapusan amalan hamba abdi itu. Dalam upacara itu, masyarakat kelas atasan dan kelas menengah harus berikrar dengan mengaku bahawa semua hamba abdi itu merupakan saudara-mara angkat mereka.

Dalam istiadat ini, ada beberapa syarat sebagai satu tanda bahawa mereka tidak lagi menjadi hamba. Tandanya ialah menggunakan sebuah *tajau* dan sebilah sumpit. *Tajau* itu sebagai hartanya, sementara sumpit pula digunakan untuk menyempit orang lain jika terdapat orang lain yang menghina status mereka berketurunan hamba abdi.

Menurut Anna Durin, pada zaman dahulu berlaku peristiwa tentang perbezaan status sosial. Peristiwa itu berlaku setelah masyarakat Iban tiba dari Kapuas, Kalimantan, Indonesia ke Ulu Skrang Betong. Ada seorang perempuan bernama Dayang Ridu.

Dia ialah anak kepada seorang ketua masyarakat di Ulu Skrang. Pada masa itu ada seorang lelaki dari keturunan hamba abdi yang bernama Kulong. Lelaki ini mempunyai ketampanan yang luar biasa, bijak, dan berkemahiran dalam hal ehwal kehidupan. Dayang Ridu yang berketurunan kelas atasan amat berminat dengan Kulong.

Oleh sebab itu, Dayang Ridu membeli Kulong dengan sebuah *tajau* alas (nama tempayan) untuk menghapuskan status hamba abdi yang dimiliki oleh Kulong. Maka, mereka berdua pun berkahwin dan tidak lama kemudian mereka berpindah ke Ulu Padeh, Betong dan membuka kawasan petempatan yang baharu di situ sehingga sekarang.

Tembikar dalam hukum adat Iban dalam kegiatan pertanian

Dalam masyarakat Iban, aktiviti pertanian merupakan kegiatan utama sepanjang tahun. Mereka bertanam padi sekali setahun secara sara diri sahaja.

Bagi mereka, setiap langkah sepanjang kerja-kerja bertanam padi perlu diadakan ritual. Ritual bertujuan untuk meminta izin daripada *Pulang Gana* supaya mendapat hasil tuaian yang lumayan pada tahun itu. *Pulang Gana* merupakan tuhan masyarakat Iban dalam aktiviti pertanian (Freeman, 1955 : 28).

Oleh itu, apa-apa sahaja kegiatan harus bertunjangkan hukum adat tentang pertanian. Jika sesiapa yang melanggar hukum adat boleh menyebabkan orang itu sakit, malah boleh

membawa maut. Dalam masyarakat Iban, denda atau *tunggu* harus dibayar dalam bentuk kurung semangat yang bertujuan agar semangatnya tidak lari atau supaya seseorang itu terlepas daripada malapetaka. *Tunggu* harus dibayar dalam bentuk tempayan atau pinggan seramik.

Jika sesiapa didapati merosakkan kayu menepok buah yang memurahkan rezeki ladang, didenda membayar *tunggu* lapan *mungkul*, *gengselan* seekor ayam dan kering semangat. Sesiapa sahaja yang merosakkan batu pengasah parang, jika bersalah *tunggu* 16 *mungkul*, *gengselan* seekor babi, kering semangat dan kurung semangat dengan menggunakan sebuah tempayan.

Juga, sesiapa yang berani mempertikaikan sempadan ladang, dan jika salah, seorang didapati mencatas pokok, dia dikenakan denda *tunggu* lapan *mungkul*, *gengselan* seekor ayam dan kering semangat. Dalam aktiviti pertanian, masyarakat Iban amat menitikberatkan pantang-larang semasa menanam padi. Ia harus dibayar dalam bentuk *tunggu* atau lebih dikenali sebagai denda.

Menurut Enggan Rima, jika sesiapa yang didapati bergaduh tentang sempadan ladang semasa berhumah hendaklah diselesaikan dengan upacara menyabung ayam. Upacara tersebut diketuai oleh seorang penghulu dan ketua kampung. Sekiranya salah seorang mengatakan bahawa dia tetap tidak bersalah, sebaliknya menuduh pihak lawan yang sebenarnya bersalah, maka dia dikenakan denda dengan membayar sebuah *tajau* besar, iaitu mesti *tajau* lelaki (sebuah tempayan besar).

Sementara pihak yang satu lagi dikehendaki membayar dengan sebuah *tajau* kecil, iaitu *tajau* perempuan. Setiap seorang daripada mereka berdua wajib membayar denda dalam bentuk dua buah pinggan tembikar yang dalam keadaan baik.

Upacara menyabung ayam dimulakan. Sesiapa daripada mereka berdua yang menang akan memiliki kesemua *tajau*, pinggan tembikar dan sempadan ladang itu. Orang yang menang akan dipandang mulia kerana dia telah memiliki kesemua *tajau* dan pinggan tembikar tersebut.

Hal ini bermakna bertambah banyak barangan tembikar yang dimilikinya. Secara tidak langsung ia telah menaikkan status kedudukannya dalam masyarakat tersebut. Tambahan pula, telah menjadi satu adat dan tradisi bahawa mereka yang berjaya dari segi material (memiliki tempayan dengan jumlah yang banyak) dan keturunannya akan lebih dihormati masyarakat setempat. Sementara pihak yang kalah tidak mendapat apa-apa; sebaliknya dia menerima nasihat.

Dalam aktiviti pertanian masyarakat Iban, mereka mengamalkan pantang-larang semasa menanam padi. Ada beberapa pantang-larang yang diamalkan seperti yang berikut :

Seseorang tidak dibenarkan tidur di ladang atau di kawasan sawah padi. Jika tidak, dia dikenakan *tunggu* enam belas *mungkul* (RM16.00), *gengselan* dengan seekor babi dan membayar kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan kecil. Sesiapa pun dilarang memotong pokok di ladang, dan jika tidak, dia dikenakan *tunggu* enam belas *mungkul* (RM16.00), *gengselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Semasa aktiviti menanam padi, jika didapati ada orang makan daun sirih di ladang, dia dikenakan *tunggu* sebanyak enam belas *mungkul* (RM16.00) seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Dalam masyarakat Iban, terdapat pelbagai jenis padi yang ditanam di ladang. Contohnya, padi patah atau dikenali sebagai 'padi pun', iaitu sejenis padi yang dianggap suci. Jika ada orang lain yang memijak padi tersebut, dia dikenakan *tunggu* lapan *mungkul* (RM8.00), seekor ayam, dan kering semangat dengan sebilah parang.

Terdapat banyak undang-undang masyarakat Iban yang bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. Untuk mewujudkan keharmonian tersebut, adat Iban

melarang orang bertengkar di ladang orang lain. Jika dia berbuat demikian, dia dikenakan *tunggu* sebanyak empat mungkul (RM4.00), *genselan* dengan seekor ayam dan membayar kering semangat dengan sebilah parang.

Sesiapa yang melalui ladang dan memotong tanaman orang lain, dikenakan *tunggu* sebanyak lapan *mungkul* (RM8.00), *genselan* dengan seekor ayam dan membayar kering semangat dengan sebilah parang. Juga sesiapa yang didapati melalui sawah orang lain tanpa kebenaran serta didapati makan semasa melalui sawah tersebut, dia dikenakan *tunggu* sebanyak empat mungkul (RM4.00), *genselan* dengan seekor ayam, dan membayar kering semangat dengan sebilah parang.

Dalam masyarakat Iban, adat tidak membenarkan menggunakan perangkap spring. Jika perangkap tersebut terkena kepada manusia dan orang itu didapati mati, orang yang memasang perangkap tersebut dikenakan *tunggu* sebanyak tiga pikul iaitu bersamaan dengan RM300.00, pati nyawa atau dikenali sebagai pampasan ganti rugi sebanyak RM2,000.00, juga dikenakan *pelasi menua*, iaitu seorang pesalah dikenakan membayar dalam bentuk mata wang sebanyak RM100.00. Kemudian wang tersebut dibahagi-bahagikan kepada semua saudara-mara dan sahabat-handai keluarga si mati itu.

Selain daripada itu, pesalah juga dikenakan denda *genselan* satu ekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan. Tetapi sekiranya orang yang terperangkap itu hanya cedera, maka orang yang memasang perangkap dikenakan denda sebanyak dua pikul iaitu sebanyak RM200.00 serta *pati nyawa* RM1,000, juga dikenakan membayar kos perubatan dalam bentuk mata wang dan *pelasi menua* sebanyak seratus mungkul (RM100.00), satu ekor babi, kering semangat dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Menurut Chok Rima, pada musim membakar ladang, apabila terjumpa bangkai ular 'Kendawang', maka satu ritual hendaklah diadakan bagi menyambut kedatangan sesuatu petanda dalam sesebuah keluarga masyarakat Iban. Upacara *miring* harus dijalankan dengan segera. Bangkai ular 'Kendawang' tersebut diletakkan di dalam sebuah tempayan.

Tempayan itu dipagari dengan batang kayu satu setengah kaki tinggi. Lapan buah *piring* dihidangkan. Tujuh buah *piring* menggunakan daun *buan*, (sejenis daun yang besar terdapat di hutan) sementara satu *piring* lagi menggunakan pinggan tembikar. *Piring* yang menggunakan daun menggunakan *piring patah lima* sementara *piring* yang menggunakan pinggan tembikar menggunakan *piring patah lapan*.

Selepas upacara *miring* selesai, tempayan tersebut hendaklah diletakkan di tengah dan dikelilingi oleh *piring-piring* tersebut. *Piring* itu mesti dipagar dengan baik. Sebelum dipagar, *biau* menggunakan dua ekor ayam disediakan.

Bangkai ular diletakkan di dalam tempayan kerana ular itu dipercayai oleh masyarakat Iban ialah *anak petara* iaitu anak tuhan mereka, yang dihantar khas oleh *keluarga Keling* untuk menghantar *pengaruh*, iaitu kuasa sakti kepada seseorang. Disebabkan ular itu kurang bernasib baik, maka ia lalu mati sebaik sahaja tiba di bumi.

Menurut Atang Likau, jika musim berhuma, apabila terjumpa seekor pelanduk tanpa kepala di ladang, tetapi masih berdarah, satu upacara khas hendaklah diadakan dengan menggunakan pinggan tembikar sejarah atau dikenali sebagai *pinggai tuai*.

Sebuah pinggan ditinggalkan di ladang, sementara pinggan yang satu lagi dibawa balik ke rumah dan diletakkan di dalam *koyan padi*, iaitu sebuah stor padi. Pinggan yang tinggal di ladang di pagar dengan anak kayu satu setengah kaki tinggi. Sebelum ia dipagar, *piring* dalam pinggan itu hendaklah *dibiau* dengan dua ekor ayam.

Apabila sampai di rumah, satu lagi upacara *miring* diadakan. Lima jenis *piring* digunakan. Empat daripadanya menggunakan daun, satu lagi menggunakan pinggan tembikar. Upacara *bebiau* dijalankan untuk memohon restu daripada *petara* supaya hajat mereka ditunaikan. Untuk tujuan tersebut, seekor ayam perlu digunakan. Kemudian, setelah

upacara selesai, 'pinggan piring' yang menggunakan pinggan tembikar diletakkan di atas *tajau* beras. Dengan berbuat demikian, dipercayai boleh mendatangkan hasil tuaian yang lumayan.

Sementara empat buah piring yang menggunakan daun itu, akan diletakkan dengan menggantungkannya di empat penjuru bilik keluarga tersebut. Sebelum digantung, piring-piring itu hendaklah diletakkan di dalam anyaman yang diperbuat daripada buluh. Tujuannya adalah untuk menghormati *petara*.

Selepas tujuh hari, barulah piring yang digantung itu boleh diambil. Masyarakat Iban percaya bahawa *petara* telah memakan segala hidangan yang disediakan oleh pengikutnya.

Masyarakat Iban percaya bahawa kuasa luar biasa sentiasa membantu mereka, khasnya dalam bidang pertanian. Sebab itulah setiap perkara pelik yang berlaku sepanjang aktiviti pertanian, akan ada upacara *miring* diadakan. Upacara *miring* mesti menggunakan pinggan tembikar sejarah bagi menunjukkan bahawa keluarga itu telah memberikan sambutan yang amat sempurna kepada *petara* mereka.

Dengan ini, *petara* tersebut akan memakbulkan segala hajat, restu dan permintaan keluarga itu. Namun, sekiranya upacara *miring* dengan menggunakan pinggan tembikar sejarah tidak dijalankan, dikhuatiri sesebuah keluarga itu akan ditimpa bencana pada tahun tersebut seperti tidak mendapat hasil tuaian yang baik dan boleh berlaku kebuluran dalam keluarga itu. Selain daripada itu, mungkin ada ahli keluarga mereka yang jatuh sakit sehingga berlakunya kematian.

Tembikar dalam hukum adat masyarakat Iban: Larangan hubungan kelamin

Masyarakat Iban melarang keras hubungan kelamin tanpa nikah yang sah di sisi hukum adat. Sesiapa yang didapati bersalah dalam hubungan seks, seseorang dikenakan denda *pelasi menua* sebanyak seratus mungkul, iaitu bersamaan dengan RM100.00, satu ekor ayam, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Jika ada mana-mana lelaki yang dianggap melakukan hubungan 'luar biasa' dengan lelaki lain, akan dikenakan denda sebanyak seratus mungkul (RM100.00), *genselan* dengan satu ekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dalam sebuah tempayan.

Jika terdapat lelaki yang melarikan anak dara orang lain, dengan membelakangkan kedua-dua ibu bapa sebelah perempuan, maka lelaki itu akan dikenakan denda satu pikul atau RM100.00 dan adat *tunggu* sebanyak 150 atau RM150.00.

Jika sesiapa mungkir janji pertunangan, dan enggan berkahwin pada masa ditetapkan, dia perlu mengembalikan semula cincin pertunangan, serta barang-pertunangan lain, selain dikenakan adat pemalu, iaitu sebanyak 50 *mungkul* atau RM50.00.

Dalam masyarakat Iban, terdapat undang-undang yang berkaitan dengan sumbang mahram dan dalam kes tersebut kedua-dua pasangan itu dikehendaki membayar denda sama rata. Kemudian adat akan memutuskan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk berkahwin sama sekali. Kategori pasangan yang dilarang keras berkahwin adalah seperti bapa dengan anak perempuan, ibu dengan anak lelaki, adik-beradik yang sama ibu bapa, serta menantu dan mentua.

Jika ia berlaku, mereka akan dikenakan denda sebanyak empat pikul, iaitu RM400.00, *pelasi menua* sebanyak RM400.00, dan bagi setiap kesalahan hendaklah mengkorbankan satu ekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Kemudian satu upacara khas hendaklah diadakan dengan segera. Kedua-dua pasangan tersebut diarahkan berbaring di satu tempat khas dengan badan mereka secara bertimpa. Selepas itu mereka dikurung dalam serawan jala. Selepas itu, mereka direjam sehingga mati dengan menggunakan buluh aur.

Ibu saudara dengan bapa saudara

Mereka akan dikenakan denda sebanyak tiga pikul, iaitu bersamaan dengan RM300.00, *pelasi menua* sebanyak tiga ratus mungkul iaitu bersamaan dengan RM300.00, *genselan* dengan satu ekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kering semangat dengan sebuah tempayan.

Abang tiri dengan kakak tiri yang sama ibu atau sama bapa tetapi lain ibu

Mereka dikenakan dengan denda sebanyak dua pikul, iaitu bersamaan dengan RM200.00 serta *pelasi menua* sebanyak RM200.00.

Ayah dengan anak angkat atau dengan ibu anak angkat

Jika melakukannya, mereka dikenakan denda sebanyak dua pikul, iaitu RM200.00, *pelasi menua*, sebanyak dua ratus mungkul (RM200.00), *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dalam sebuah tempayan.

Bapa saudara dengan anak saudara melalui perkahwinan

Jika melakukannya, mereka dikenakan denda dengan membayar dua pikul, iaitu sebanyak RM200.00, membayar *pelasi menua* sebanyak dua ratus mungkul iaitu bersamaan RM200.00. Selepas itu, mereka disuruh mandi menggunakan darah babi.

Upacara ini wajib diadakan kerana jika tidak, keturunan mereka akan mendapat sial selamanya dan juga boleh mendatangkan maut. Dalam masyarakat Iban hukum ini amat berat dan mereka yang melakukannya dianggap hina dalam masyarakat tersebut.

Bapa anak tiri dengan ibu anak tiri atau lelaki dengan emak saudara isteri

Mereka yang melakukannya dikenakan denda dua pikul, iaitu bersamaan dengan RM200.00, *pelasi menua* sebanyak RM200.00 dan semua wang itu akan dibahagikan kepada semua saudara-mara mereka.

Datuk dengan cucu atau suami dengan nenek isterinya, atau isteri dengan datuk suaminya

Jika melakukannya, mereka dikenakan denda sebanyak dua pikul, iaitu bersamaan dengan RM200.00, *pelasi menua* sebanyak dua ratus mungkul (RM200.00), *genselan* dengan satu ekor babi, kering semangat dengan sebilah parang dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Sepupu dibenarkan berkahwin

Dalam masyarakat Iban, saudara sepupu dan saudara dua pupu dibenarkan berkahwin. Jika mereka berkahwin, mereka dikenakan dengan denda *pelasi menua* sebanyak enam belas mungkul iaitu bersamaan dengan RM16.00, *genselan* dengan dua ekor babi.

Seekor babi untuk *genselan* pasangan di kaki tangga rumah panjang, sementara seekor lagi disembelih dan darahnya digunakan untuk mereka mandi kerana dengan berbuat demikian, dapat membersihkan badan mereka daripada sebarang bencana.

Di samping itu, pasangan tersebut dikehendaki membayar denda dengan sebatang sumpit, sehelai *kain beragi*, iaitu kain songket tenunan masyarakat Iban, sebilah pedang panjang, sehelai kain pua kumbu, kering semangat dengan sebilah parang, sebilah beliung, sebuah pinggan tembikar besar, seutas rantai manik, serta kurung semangat dengan menggunakan sebuah tempayan besar, dan *piring turun tiga*.

Hukuman tersebut adalah untuk pasangan yang berkahwin silang pupu. Dalam kes ini, masyarakat Iban menyebutnya sebagai *dua nanga tiga* yang membawa maksud perkahwinan dalam lingkungan antara ahli keluarga yang terdekat.

Jika perkahwinan berlaku dalam lingkungan saudara dua pupu atau tiga pupu, mereka akan dikenakan denda *pelasi menua* sebanyak lapan mungkul, iaitu RM8.00 setiap seorang, adat *genselan* dengan seekor babi. Babi itu akan disembelih di kaki tangga rumah panjang dan pasangan tersebut dikehendaki memijak darah babi itu sebagai tanda mereka telah memenuhi pengisian kepada hukum adat tersebut.

Kahwin dengan besan sendiri

Pasangan tersebut dibenarkan berkahwin, tetapi dikehendaki membayar adat *pelasi menua* sebanyak lapan mungkul, iaitu RM8.00 setiap seorang, *genselan* dengan seekor babi dan kering semangat dengan sebilah parang.

Dalam hukum adat Iban, selain perkahwinan yang bertunjang adat tradisi, lelaki dan perempuan yang telah tinggal bersama selama enam malam berturut-turut boleh membuat penerangan kepada *tuai rumah* untuk majlis perkahwinan yang sah tetapi selepas enam malam ibu bapa tidak membuat laporan kepada *tuai rumah*, mereka akan dikenakan tunggu sebanyak 50 mungkul atau RM50.00 dan wang denda itu akan disimpan oleh *tuai rumah* sebagai wang tanda pantang-larang rumah.

Tembikar dalam hukum adat tentang perkahwinan

Perkahwinan dalam masyarakat Iban adalah sesuatu perkara yang amat penting. Perkahwinan merupakan satu lingkaran hidup manusia. Oleh itu, ia terikat kepada hukum adat tradisi. Peranan tembikar amat penting sebagai pengisian kepada hukum adat masyarakat Iban. Tempayan, jabir, pinggan, mangkuk tembikar digunakan semasa berlangsungnya majlis persandingan tersebut di rumah panjang.

Lazimnya, majlis perkahwinan masyarakat Iban diadakan pada sebelah malam di rumah panjang pengantin perempuan. Dalam majlis perkahwinan tersebut *tuai kampung* rumah panjang akan memberi ucapan sebagai tanda hormat dan terima kasih kepada rombongan pengantin lelaki. Kemudian disusuli dengan ucapan kedua-dua pihak pengantin sebagai tanda permuafakatan dan persetujuan terhadap majlis persandingan itu.

Acara kemuncak dalam majlis persandingan itu ialah pertandingan minum air tapai. Air tapai disimpan di dalam dua buah pinggan tembikar yang besar saiznya. Seorang wakil daripada pengantin lelaki manakala seorang lagi daripada wakil pengantin perempuan. Dua orang wakil ini akan berentap untuk meminum air tapai tersebut.

Pertandingan ini tidak kira menang atau kalah namun kedua-dua orang calon tersebut tetap membawa balik pinggan tembikar besar itu sebagai hadiah. Sebenarnya acara ini diadakan sebagai memeriahkan lagi majlis perkahwinan itu.

Selain daripada itu, terdapat satu lagi acara yang menggunakan pinggan tembikar. Acara kali ini ialah acara untuk melaga-lagakan buah pinang di dalam pinggan tembikar itu. Kemudian, buah pinang itu dilambung-lambung dan jatuh di atas pinggan tersebut. Acara ini diwakili kedua-dua pihak pengantin. Tetamu yang hadir amat seronok menyaksikan acara tersebut.

Tembikar dan hukum adat perceraian

Dalam masyarakat Iban, pasangan yang bakal berkahwin akan dikenakan beberapa syarat melalui hukum adat. Biasanya syarat-syarat tersebut dijelaskan semasa majlis pertunangan. Jika pihak lelaki menceraikan isterinya, dia dikenakan membayar denda. Denda tersebut bertujuan sebagai ganti rugi untuk menutup malu bagi pihak perempuan.

Lelaki berkenaan dikenakan membayar ganti rugi seperti yang berikut: sirat kesumba sebelit (kain ela berwarna merah kira-kira lima meter panjangnya), sangkoh sumpit siti (sebatang sumpit), bebendai atau tawak siti (sebuah gong), jabir tujuh iti (tempayan jabir tujuh buah), ayam dan babi.

Jika pasangan yang berkahwin telah mempunyai anak, tetapi kemudian mereka bercerai, maka semua barang yang tersebut akan dimiliki oleh anak sulung mereka sama ada anak sulung lelaki atau perempuan. Namun sekiranya isteri yang menceraikan suaminya, maka semua barang itu hendaklah dikembalikan semula kepada pihak lelaki.

Jika isteri sedang sarat mengandung dan dia menuntut cerai daripada suaminya, dia akan dikenakan denda dua pikul setengah, iaitu RM250.00 denda *tunggu* sebanyak 120 mungkul atau RM120.00, serta memberi sebagai tanda penutup malu sebanyak 50 mungkul atau RM50.00. Kemudian, perempuan itu tidak dapat menuntut apa-apa bentuk saraan kepada anak yang bakal dilahirkan.

Jika suami menceraikan isterinya yang sedang sarat mengandung, lelaki itu akan dikenakan denda sebanyak dua pikul setengah, iaitu RM250.00, *tunggu* sebanyak 120 mungkul atau RM120.00, membayar perbelanjaan sepanjang masa perempuan itu mengandung sebanyak 120 mungkul atau RM120.00. Di samping itu, lelaki itu dikehendaki menyara kesemua anak milik bekas isterinya tertakluk kepada jangka masa yang ditetapkan oleh penghulu.

Jika perempuan mengandung tanpa suami, dia tidak dibenarkan naik ke rumah panjang orang lain. Jika sesiapa melanggar adat ini, dia akan dikenakan denda *tunggu* sebanyak 30 *mungkul*, di samping dikehendaki memberi adat *genselan* dengan seekor babi dan kering semangat dengan sebilah parang.

Tetapi jika orang di rumah panjang itu tiba-tiba jatuh sakit atau berlaku kematian, maka perempuan yang mengandung tersebut dikenakan adat *keresan*, iaitu sebanyak lapan mungkul, *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Jika perempuan mengandung tanpa suami kemudian mengaku mana-mana lelaki sebagai bapa kepada anaknya, tetapi tidak berjaya, maka perempuan itu akan dikenakan denda setengah pikul atau RM50.00 membayar penutup malu lelaki sebanyak lima puluh mungkul, serta adat *pelasi menua*, iaitu *genselan* dengan seekor babi, kering semangat dan kurung semangat dengan sebuah tempayan.

Jika mana-mana pasangan yang telah hidup bersama tetapi belum bernikah secara sah, kemudian perempuan itu mengandung, tetapi lelaki berkenaan tidak mahu berkahwin dengan perempuan tersebut, maka lelaki itu akan dikenakan denda sebanyak dua pikul setengah atau RM250.00, membayar kandungan sebanyak 120 *mungkul*, iaitu RM120.00. Di samping itu, ia dikehendaki membayar perbelanjaan sepanjang tempoh perempuan itu mengandung.

Tembikar dalam hukum adat kelahiran

Menurut Manin Matong, upacara kelahiran dalam masyarakat Iban dilakukan dengan teliti sebaik sahaja bayi itu ilahirkan. Uri bayi tersebut akan dipotong, kemudian disimpan di dalam sebuah tempayan kecil. Tempayan tersebut hendaklah diletakkan di tepi dapur sehingga uri itu kering sepenuhnya.

Tembikar dalam hukum adat kematian

Apabila berlaku kematian dalam masyarakat Iban, satu majlis akan dijalankan dengan penuh adat-istiadat di rumah panjang. Lazimnya, semua penghuni di rumah panjang dikehendaki menghormati si mati dan keluarganya dalam jangka masa yang ditetapkan.

Contohnya, penghuni rumah panjang bergotong-royong membuat keranda daripada kayu belian. Telah diadatkan, bahawa keranda si mati mesti disiapkan dalam masa satu hari sahaja. Jika keranda disiapkan lebih daripada satu hari, ini membawa petanda yang tidak baik kepada keluarga si mati. Dalam kes yang lain, jika mayat tidak berjaya ditemui, tempayan digunakan sebagai menggantikan keranda. Beberapa hukum adat tentang kematian yang ada kaitan dengan penggunaan tembikar adalah seperti yang berikut:

Ngerapoh Bangkai

Istiadat kematian jenis ini amat berlainan daripada kematian biasa. Dalam kes tersebut, mayat si mati gagal ditemui. Contohnya, orang yang mati lemas, mati semasa pergi berburu di hutan dan yang mati sesat di hutan.

Bagi kematian jenis tersebut, tempayan besar hendaklah digunakan sebagai menggantikan keranda. Semua barang kepunyaan si mati disimpan di dalam tempayan itu dan barang-barang tersebut menggantikan mayat si mati yang tidak dapat ditemui.

Pada malam itu, kira-kira pukul tujuh malam, *gendang rayah* (upacara bergendang secara besar-besaran) diadakan di rumah panjang si mati tetapi sebelum itu, satu upacara *miring* wajib diadakan bagi memohon restu daripada *petara* supaya hajat mereka dimakbulkan.

Tujuan upacara bergendang ini adalah untuk memanggil balik semangat si mati. Semasa upacara berkenaan, sejenis bau yang teramat busuk menyelubungi seluruh kawasan rumah panjang itu.. Bau tersebut dipercayai semangat membayangkan bahawa si mati balik ke rumah panjang tersebut.

Kemudian pada sebelah malamnya pula, *lemambang* menyanyikan mantera pada sepanjang malam yang bertujuan menghantar semangat si mati ke *sebayan* dengan selamat. Masyarakat Iban percaya tentang kewujudan semangat si mati di dunia baru yang dikenali sebagai *dunia sebayan* iaitu dunia akhirat. Kehidupan manusia di dunia adalah sementara sahaja, tetapi kehidupan manusia di dunia sebayan adalah berkekalan (Sandin : 1767: 104).

Pada keesokan paginya, tempayan itu di hantar ke perkuburan untuk dikebumikan. *Adat ngulit* (majlis berkabung dalam jangkamasa yang telah ditetapkan) pun bermula di rumah panjang tersebut. Semua penghuni rumah panjang diwajibkan menghormati adat *ngulit* itu. Banyak perkara dilarang dalam tempoh tersebut, contohnya dilarang *bedungai berambai* (menyanyikan lagi mantera), bermain alat-alat muzik dan mengadakan sebarang majlis keramaian.

Nyabak bebuah

Menurut Chilie Sirai, dalam masyarakat Iban, setelah mayat dikebumikan, satu upacara khas perlu diadakan., bertujuan mengiringi semangat si mati yang pulang ke *dunia sebayan*. Dengan berbuat demikian Iban percaya semangat si mati akan tenteram, aman dan damai selamanya di dunia akhirat. Semangat orang mati berkekalan menjadi *antu* di *dunia sebayan* sehingga suatu ketika nanti ia akan lenyap menjadi embun dan seterusnya memasuki tumbuh-tumbuhan dan badan manusia (Jensen, 1974 : 8).

Upacara ini bermula sebaik sahaja mayat dikebumikan. Ia berlangsung selama tiga hari. Tukang *nyabak bebuah* (tukang melagukan mantera) bukan orang sembarangan orang. Ia terdiri daripada orang yang telah dianugerahkan dengan mimpi oleh kuasa luar biasa sahaja.

Tukang tersebut akan menyanyikan manteranya dengan menggunakan satu buaian khas. Antara isi kandungan manteranya ialah menghantar semangat si mati pulang ke *sebayan* melalui sungai khas yang dinamakan *sungai mandai*. Masyarakat Iban percaya sungai tersebut terletak di Sungai Kapuas iaitu laluan asal mereka semasa pertama kali memasuki Sarawak pada pertengahan abad ke-16.

Apabila upacara tersebut tamat, tukang itu diberi pengeras seperti sebuah tempayan, sehelai kain sarung, sebilah parang, dan wang sagu hati. Pemberian pengeras adalah sesuatu yang amat penting kerana dianggap akan menyelamatkan semua ahli keluarga itu dan tukang mantera daripada sebarang bencana.

Tembikar dan cenderamata si mati

Individu dalam masyarakat Iban yang meninggal dunia akan diberi tempayan sebagai cenderamata khas daripada keluarganya. Kategori tempayan yang diberikan adalah tertakluk kepada taraf kedudukan si mati, sama ada orang yang berpangkat dan berkedudukan tinggi

dan sama ada si mati daripada golongan masyarakat yang dihormati kerana kekayaannya. Yang berikut ialah kategori tempayan yang dihadiahkan kepada si mati dan ia bergantung kepada kedudukannya di dunia.

- 1) Mingka untuk yang bertaraf Menteri
- 2) Ningka untuk yang bertaraf Temenggong
- 3) Menaga untuk yang bertaraf Pemancha
- 4) Rusa geri (tempayan lelaki) untuk bertaraf penghulu
- 5) Rusa Indu untuk orang terhormat yang lain
- 6) Alas Ngerang untuk orang biasa
- 7) Alas untuk orang biasa
- 8) Jabir untuk orang biasa
- 9) Panding untuk orang biasa
- 10) Menakul untuk orang biasa
- 11) Suta untuk orang biasa

Kategori *tajau* atau tempayan seperti Mingka, Ningka, Menaga, Rusa Geri dan Rusa Indu ialah cenderamata khas diberikan kepada si mati yang mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Contohnya, seperti Temenggong, Pemancha, Penghulu dan Tuai Rumah. Manakala kategori *tajau* seperti Alas Ngerang, Jabir, Panding, Menakul dan Suta khas kepada golongan masyarakat biasa.

Keadaan ini berlaku kerana ia telah diadatkan sedemikian rupa berdasarkan tradisi masyarakat Iban. Oleh sebab itu, amat penting bagi sesebuah keluarga dalam masyarakat Iban untuk memiliki *tajau* sebagai kegunaan harian dan sebagai harta pusaka.

Tembikar dalam adat berkabung

Setelah orang yang meninggal dunia telah selamat dikuburkan, satu taklimat khas diadakan untuk membincangkan jangka masa dan atur cara berkabung di rumah panjang. Ada barang khas disimpan di dalam sebuah kekok (tempayan kecil) yang ditutup dengan rapi. Tempayan itu akan dibuka setelah tempoh berkabung telah tamat.

Tembikar dalam hukum adat tentang balu

Dalam masyarakat Iban, suami atau isteri akan berstatus balu setelah kematian orang yang dicintai mereka. Jika keluarga si mati masih menganggap bahawa si balu kekal sebagai anak menantunya, maka adat perlu dikenakan dalam kes ini.

Ini bermakna, keluarga di pihak si mati perlu membayar kepada si balu dengan sebuah gong atau dengan sebuah *tajau*. Adat ini penting sebagai tanda bahawa si balu telah diberi penghormatan yang mulia dalam masyarakat di rumah panjang itu. Adat ini masih dipegang sehingga sekarang.

Tembikar dalam hukum adat membuka kujuk

Semasa berlangsung upacara *Gawai Antu* (kenduri-kendara untuk orang yang telah meninggal dunia) akan dibina satu tempat khas yang diberi nama *kujuk* (tempat meletakkan pelbagai jenis makanan). Apabila tetamu hendak membuka *kujuk* itu, mereka harus membayar adat tersebut dengan sebuah tempayan Alas Ngerang dan wang derma terpulang kepada tetamu, tetapi biasanya ia dibuka dengan wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit. Adat itu adalah sebagai tanda terima kasih tetamu kepada tuan rumah. *Kujuk* itu tidak dapat dibuka jika tidak menggunakan adat tersebut.

Kesimpulannya, hukum adat dalam masyarakat Iban begitu kompleks kerana ia bertunjangkan adat tradisi yang dipegang dan diamalkan sejak turun-temurun. Hukum adat itu terdiri daripada pelbagai pengisian. Pengisian itu diguna pakai, diperkembang, dihormati, dimuliakan, dipuja dan akhirnya diadatkan.

Tembikar dianggap sebagai objek yang bernyawa, mempunyai semangat, sakral dan memiliki pelbagai kuasa luar biasa yang dapat membantu penggunaannya dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh sebab itu, kuasa luar biasa tersebut hendaklah dihormati dengan pelbagai upacara seperti upacara *miring* kerana tembikar-tembikar itu mempunyai semangat yang baik dan semangat yang jahat.

Oleh hal yang demikian, setiap pelanggaran dalam hukum adat perlu dibayar dalam bentuk *tunggu*. *Tunggu* ialah denda atau ganti rugi bersabit dengan kesalahan itu atau pelengkap hukum adat yang diamalkan bak kata pepatah orang Iban “*bejalai betungkat ka adat tinduk bepanggal ka pengingat*” yang bermaksud bahawa menghormati dan berpegang kepada hukum adat tradisi merupakan satu kebaikan dalam masyarakat Iban.

KESIMPULAN

Tembikar pada mulanya digunakan oleh para pedagang China sebagai bekas untuk menyimpan bekalan makanan sewaktu perjalanan mereka ke rantau ini. Apabila masyarakat tempatan melihat fenomena itu, mereka berpendapat bahawa tembikar merupakan satu barangan yang memudahkan kerja-kerja harian mereka.

Oleh sebab pada waktu itu belum ada mata wang yang diperkenalkan, mereka menggunakan cara pertukaran barang. Para pedagang China membawa tekstil, manik, dan barangan tembikar, manakala masyarakat tempatan dari kawasan pedalaman membawa barangan seperti kayu gaharu, damar, sarang burung, bulu burung raja udang, rotan dan akar-akar kayu.

Daripada itu, berlakulah perniagaan bertukar-tukar barangan antara masyarakat tempatan dengan pedagang China khususnya. Daripada amalan tersebut, lama-kelamaan para pedagang China membuat barangan tembikar yang ditempah khas daripada masyarakat tempatan dan dijual di Sarawak. Keadaan sedemikian berlaku berlarutan sehingga abad ke-14.

Pada mulanya masyarakat Iban mengenali tembikar sebagai bekas untuk menyimpan air, padi dan beras. Namun demikian, mereka telah semakin bijak menggunakannya dan mula mempelbagaikan fungsi tembikar, contohnya untuk menyimpan pekasam, air tapai, barang pusaka dan wang.

Perkara tersebut telah dibuktikan melalui tapak-tapak arkeologi yang wujud seperti di Santubong dan di Gua Niah. Kemudian, selepas masyarakat Iban mula menetap dan mereka tidak lagi berpindah-randah seperti pada mula mereka tiba di Sarawak, masyarakat tersebut telah berkembang maju dalam penggunaan tembikar.

Fungsi tembikar telah berubah daripada penggunaan harian kepada penggunaan ritual, iaitu ia mula digunakan dalam upacara pemujaan seperti dalam ritual gawai di rumah panjang. Sejak itu, tembikar menjadi peralatan yang wajib digunakan dalam ritual dan hukum adat. Seterusnya ia berperanan penting sebagai artifak budaya dalam masyarakat Iban di Sarawak.

Pada peringkat awal, masyarakat Iban menggunakan tembikar untuk menyimpan padi supaya padi tidak mudah rosak menjadi hampa. Kemudian ia digunakan untuk menyimpan beras agar beras tidak dimakan serangga perosak seperti tikus, selain untuk mengekalkan kewangian beras dalam jangka masa beberapa bulan. Tembikar juga digunakan untuk membuat air tapai dan dipercayai bahawa air tapai di dalam tembikar amat sedap dan manis. Selain daripada itu, tembikar juga digunakan untuk menyimpan pekasam dan tempoyak.

Masyarakat Iban berpendapat bahawa tempoyak boleh tahan sehingga tiga tahun di dalam tempayan. Kemudian, tembikar digunakan untuk menyimpan pakaian seperti kain pua

kumbu, harta pusaka, Barang-barang tersebut dipercayai selamat disimpan walaupun semasa ketiadaan mereka di rumah.

Masyarakat Iban di rumah-rumah panjang kebanyakannya masih berpegang pada kepercayaan animisme. Kaedah mereka menyembah dan berkomunikasi dengan tuhan adalah melalui satu upacara khas, iaitu *miring*. *Miring* disampaikan melalui pelbagai saluran *gawai* (pesta), contohnya seperti *Gawai Tajau*, *Gawai Kenyalang*, *Gawai Benih Padi* dan *Gawai Beterayu*. Satu daripada peralatan wajib yang digunakan dalam upacara tersebut ialah barangan tembikar seperti pelbagai jenis tempayan dan pinggan mangkuk.

Masyarakat Iban berpendapat bahawa dalam satu-satu upacara pesta gawai, barangan plastik tidak boleh digunakan kerana ia memberi imej yang kurang baik kepada tuhan mereka. Oleh sebab itu, tembikar merupakan peralatan yang amat penting kepada masyarakat Iban sehingga tembikar wajib dimiliki. Sejak tembikar menjadi objek wajib dalam pelbagai upacara ritual, peranannya dilihat oleh masyarakat Iban semakin penting. Ia seterusnya menjadi barangan pusaka yang amat bernilai dan melambangkan status kehidupan keluarga masyarakat Iban. Bagi keluarga yang mampu membelinya barangan tembikar dengan jumlah yang banyak, maka keluarga itu dihormati, disegani dan dimuliakan kedudukannya dalam masyarakat. Keluarga itu dianggap sebagai keluarga yang kaya-raya dalam masyarakat itu.

Gawai Kenyalang tidak dapat diadakan sekiranya tidak ada tempayan. Hal ini demikian sebab satu daripada syarat untuk berkomunikasi dengan *Sengalang Burung* (tuhan bumi) adalah menerusi tempayan yang digunakan sebagai objek perantaraannya. Barangan tembikar bukan sahaja dilihat penggunaannya dalam kehidupan harian, malah telah dipuja, dianggap suci, dihormati dan di letakkan di tempat yang paling tinggi.

Contohnya, semasa *Gawai Kenyalang* sebanyak 21 buah tembikar digunakan dalam pesta gawai itu. Hajat dan restu mereka tidak akan kesampaian jika tidak menggunakan tembikar tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa ia memainkan peranan yang amat penting dalam budaya masyarakat Iban melalui upacara pemujaan seperti gawai dan hukum adat.

Seseorang yang telah kematian suami atau isteri, kemudian keluarga si mati mahukan si balu tersebut sebagai sebahagian daripada keluarga mereka, maka ia perlu dihadiahkan dengan sebuah tajau besar sebagai pengekalan ikatan kekeluargaan antara mereka.

Dalam upacara Gawai Antu, si mati yang bergelar 'Bujang Berani', kerana memperoleh banyak kepala dalam ekspedisi perang, hendaklah menggunakan tembikar yang ditutup dengan kain pua kumbu. Tembikar itu adalah sebagai tempat berpaut atau berpegang semasa berjalan di jalan licin di *dunia sebayan* (dunia akhirat). Jika tidak disediakan tembikar, dipercayai bahawa 'Bujang Berani' itu akan mengalami kesusahan di tempatnya. Orang yang terlibat dalam kerja-kerja menganyam buluh bakul hendaklah diberi pengeras dengan sebuah tempayan. Jika tidak, ia dikhuatiri akan mengganggu semangat orang yang masih hidup dan boleh menyebabkan seseorang itu boleh jatuh sakit.

Setelah masyarakat Iban menggunakan tembikar berabad-abad lamanya, tembikar itu boleh membantu dengan memberi kehidupan yang lebih baik. Ia telah menjadi objek sakral dan kesakralannya diperturunkan oleh tuhan melalui mimpi. Masyarakat Iban banyak memperoleh tempayan yang dijelmakan melalui mimpi. Contohnya terjadi kepada seorang perempuan bernama Rintut Udak. Dia telah memperoleh sebuah kekok tempayan yang diperturunkan oleh tuhan melalui mimpi pada 7 September 2002 dan kegunaannya adalah untuk memperoleh hasil tuaian padi yang lumayan bagi beberapa keturunannya akan datang. Hal ini menunjukkan bahawa keserasian objek tembikar dalam budaya masyarakat Iban sememangnya tidak dapat disangkal lagi.

Tembikar menjadi barangan yang amat berguna dalam masyarakat Iban khasnya dalam menyampaikan hajat dan permohonan penggunaannya kepada *petara* mereka. Oleh itu,

objek tersebut perlu diberi makan dengan *piring* untuk mengimbangi keharmonian kuasa luar biasa dengan manusia sebagai pemiliknya.

Dalam kepercayaan masyarakat Iban, jika tembikar tidak diberi makan dengan *piring*, semangat tembikar itu akan mengganggu keharmonian, kesihatan dan keberkatan harta yang dimiliki mereka. Dikhuatiri tembikar itu dapat menjejaskan kesihatan ahli-ahli keluarga yang dipercayai boleh membawa maut. Oleh sebab itu, pemiliknya hendaklah akur kepada segala arahan yang disampaikan melalui mimpi.

Satu aspek yang amat penting dalam kepercayaan masyarakat Iban tentang tembikar ialah bahawa tali rotan yang digunakan untuk mengikatnya di dinding-dinding boleh dijadikan sebagai azimat kebal dalam aktiviti pemburuan kepala kerana dipercayai pihak musuh tidak boleh melihat pahlawan-pahlawan itu.

Selain dalam penggunaan harian, ritual *petara*, tembikar juga digunakan oleh masyarakat Iban dalam aspek hukum adat Iban. Hukum adat Iban bertujuan untuk menjaga perpaduan dan keharmonian penghuni rumah panjang supaya mereka dianugerahkan dengan kesihatan yang baik dan sempurna.

Di samping itu, hukum adat juga bertujuan bagi memohon keampunan dan restu daripada tuhan. Peranan tembikar dalam hukum adat pembinaan rumah panjang adalah sebagai menjaga keharmonian dan perpaduan perhubungan manusia dengan manusia, dan keharmonian perhubungan manusia dengan kuasa luar biasa.

Oleh hal yang demikian, setiap pelanggaran adat di rumah panjang perlu disertakan dengan tempayan sebagai kurung semangat supaya semangat tidak lari daripada badannya. Selain daripada itu, tembikar dalam hukum adat tentang salah laku di rumah panjang amat penting peranannya. Tembikar bukan sahaja sebagai objek gunaan, tetapi perantaraan ketenteraman manusia dengan manusia dan manusia dengan *Selampandai* (tuhan pencipta manusia) bagi menjaga keharmonian kedua-dua pihak.

Jika melakukan pelanggaran adat berkaitan dengan tingkah laku, pesalah akan dikenakan *tunggu*. Mereka yang dikenakan *tunggu* perlu membayar hukuman dalam bentuk sebuah tempayan. Jika tidak, kuasa luar biasa akan mengganggu pesalah tersebut dan seterusnya menyebabkan mereka jatuh sakit dan mengakibatkan kematian.

Selain daripada itu, fungsi tembikar dalam hukum adat pertanian boleh kita lihat melalui perantaraan yang diperturunkan khas oleh tuhan pertanian, iaitu *Pulang Gana* (tuhan bumi). Upacara dalam aktiviti pertanian dijalankan dengan penuh adat-istiadat dari mula menebas huma sehingga aktiviti yang terakhir, iaitu penuaian padi.

Sepanjang aktiviti pertanian dijalankan, tidak ada sesiapa yang dibenarkan melakukan pelanggaran adat, contohnya tidur di kawasan ladang, makan sirih pinang, melalui huma tanpa kebenaran dan menebang pokok di ladang orang lain. Kesemua bentuk pelanggaran tersebut perlu dikenakan *tunggu* dengan sebuah tempayan sebagai 'kurung semangat' dan juga agar padi orang yang kena pelanggaran adat akan menjadi subur dan memperoleh hasil tuaian yang lumayan pada tahun itu.

Masyarakat Iban menggunakan tembikar dari mula kelahiran sehingga mereka mati. Apabila bayi lahir, tali urinya diletakkan di dalam sebuah kebok kecil dan disimpan di tepi dapur sehingga kering. Selain daripada itu, tembikar juga digunakan semasa majlis perkahwinan.

Tempayan digunakan untuk menyimpan air tapai, sementara pinggan mangkuknya digunakan semasa upacara meminum air tapai. Adat meminum air tapai itu amat penting kerana ia mencerminkan kemampuan satu-satu pihak menyahut cabaran dan sebagai tanda berani.

Apabila masyarakat Iban meninggal dunia, tempayan dijadikan sebagai cenderamata khas si mati dan ditanam di tepi kuburnya. Jika mayat si mati gagal ditemui, maka tempayan itu sebagai ganti mayat tersebut dan ia dikuburkan seperti upacara pengebumian manusia.

Apabila seseorang itu meninggal dunia, kategori tempayan yang dibawa oleh si mati hendaklah bersesuaian dengan statusnya di dunia.

Contohnya, jika seorang yang bertaraf menteri atau Temenggong meninggal dunia, dia diberi *tempayan Mingka* sebagai satu pemberian khas daripada keluarganya. Tempayan itu melambangkan bahawa keluarga itu berasal daripada golongan yang memerintah. Kehadiran tembikar dalam masyarakat Iban di negeri Sarawak telah memantapkan lagi budaya masyarakat itu. Hal ini jelas dilihat melalui fungsi, kegunaan dan peranannya dalam memberi keselesaan dalam kerja-kerja harian, dalam aspek ritual dengan *petara* serta orang yang telah meninggal dunia, dan juga dalam aspek hukum adat Iban.

Budaya masyarakat Iban dilihat semakin mantap oleh pemerintah Sarawak pada awal abad ke-19, iaitu Charles Brooke. Dengan itu, Charles Brooke telah menggunakan tempayan sebagai tanda penghapusan status hamba abdi bertukar menjadi rakyat biasa. Dalam upacara ini, hamba abdi telah dibeli dan diberi dengan objek tembikar supaya mereka mempunyai harta dan tidak lagi dipandang hina dalam masyarakat.

Dalam kes tersebut, kita melihat peranan tembikar sebagai pengaman dan pendamai kepada jarak status sosial dalam masyarakat Iban. Kalau sebelumnya, golongan hamba abdi merupakan golongan masyarakat yang paling rendah kelasnya. Mereka hidup hanya bekerja untuk orang lain, sedangkan mereka sendiri papa-kedana, tetapi setelah hamba abdi dihapuskan, mereka menjadi saudara-mara golongan keluarga atasan seperti Temenggong, Pemancha dan Penghulu.

Oleh sebab itu, kewujudan tembikar dalam masyarakat Iban bukan sahaja memberi manfaat dari aspek gunaan harian, tetapi juga dalam aspek pelbagai ritual yang berkaitan dengan *petara*. Peranannya semakin meluas dan berkembang maju apabila tembikar juga digunakan dalam hukum adat.

Masyarakat Iban amat berpegang teguh kepada hukum adat mereka kerana rata-rata penghuni di rumah panjang ada memiliki barangan tembikar seperti tempayan dan pinggan mangkuk tembikar. Lantaran itu, jika mereka melanggar adat, mereka dikehendaki membayar sesuatu denda itu dengan tempayan. Tempayan digunakan sebagai kurung semangat agar mana-mana pihak yang berkaitan dilindungi kesejahteraan dan keharmonian mereka. Dalam hukum adat masyarakat Iban semua pelanggaran terhadap sesuatu bentuk adat hendaklah diselesaikan dendanya dengan serta-merta.

Contohnya, dengan membayar denda *Pelasi Menua*, *Genselan* orang yang melanggar adat, dan jika ada berlaku kematian yang berkaitan dengan pelanggaran adat, maka pesalah dikehendaki membayar denda adat *keresan*. Sesiapa yang dikehendaki membayar denda tersebut perlu berbuat demikian dengan serta-merta. Hal ini bukan berarti ia telah mengaku salah, tetapi adat ini bertujuan untuk memohon keampunan daripada *Petara* agar dikurniakannya keamanan dan kesejahteraan dunia dan juga untuk meleraikan kekusutan hati penghuni rumah panjang tersebut.

Hal ini penting supaya pihak yang bertelagah tidak menyimpan dendam sesama sendiri. Selain daripada itu, ia juga bertujuan agar semua penghuni di rumah panjang dikurniakan dengan kesihatan yang baik. Semua bentuk pelanggaran tersebut hendaklah dibayar dengan denda *tunggu* dalam bentuk *Mungkul* yang bermaksud dibayar dengan tempayan.

Daripada kenyataan tersebut, bahawa satu-satu keluarga dalam masyarakat Iban adalah wajib memiliki barangan tembikar sebab ia digunakan dalam pelbagai aspek hal ehwal kehidupan dalam masyarakat itu. Tambahan pula, ia bukan sahaja sebagai barangan yang diguna pakai, malah sebagai artifak mistik yang memiliki kuasa luar biasa yang berjaya menjaga keharmonian hidup antara manusia dengan *petara* dan antara manusia dengan semangat. Bagi orang Iban, tembikar yang mereka miliki di rumah-rumah panjang ada hubungan dengan alam ghaib dan kuasa ghaib.

Kehadiran tembikar dalam masyarakat Iban berperanan sebagai penyatuan kepada perpaduan antara perbezaan darjat antara manusia dengan manusia. Tembikar juga sebagai alat berkomunikasi antara manusia dengan alam ghaib. Pada masa sekarang, masyarakat Iban menjadikan barangan tembikar sebagai artifak sejarah dan warisan budaya yang tidak ternilai harganya dan masih dalam simpanan mereka sehingga ke hari ini.

Masyarakat Iban telah menetap di Sarawak sejak daripada abad ke-16 sehingga ke hari ini, iaitu lebih kurang lima ratus tahun yang silam. Daripada hidup berpindah-randah, mereka mula menetap dan mengamalkan cara hidup yang lebih sistematik dan sehingga s abad ke-21 ini. Masyarakat Iban mengalami banyak perubahan khasnya dalam aspek agama dan kepercayaan. Majoriti anggota masyarakat Iban telah menganuti agama-agama besar seperti agama Kristian dan agama Islam.

Penganut-penganut agama itu sudah semestinya meninggalkan amalan dan kepercayaan lama yang pernah diamalkan pada suatu ketika dahulu. Segala amalan mereka sebelumnya adalah bertentangan dengan ajaran agama Kristian dan agama Islam. Masyarakat Iban telah mengenal Tuhan itu satu.

Keadaan ini sedikit sebanyak menjejaskan fungsi tembikar, kerana sesetengah masyarakat Iban tidak lagi mengamalkan penyembahan kepada benda-benda mistik. Majoriti masyarakat Iban menggunakan gereja dan masjid untuk berkomunikasi dengan Tuhan mereka dan tidak lagi menggunakan objek tembikar.

Oleh hal yang demikian, masyarakat Iban jarang-jarang mengadakan upacara gawai atau mana-mana upacara yang berkaitan dengan ritual. Dengan itu, penggunaan tembikar dalam ritual semakin kurang.

Faktor yang seterusnya ialah kemajuan pendidikan dalam masyarakat Iban. Masyarakat Iban yang mempunyai pendidikan tinggi lazimnya menjawat jawatan yang tinggi. Golongan ini kebanyakannya tinggal di bandar besar seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. Tambahan pula, mereka hanya sekali-sekala balik ke kampung disebabkan sibuk dengan tugas-tugas di pejabat.

Satu aspek yang paling jelas ialah gaya hidup dan cara pemikiran mereka yang lebih mirip kepada cara penghidupan orang Barat. Sesetengah mereka ini kurang memahami budaya tradisi mereka. Dengan itu, penggunaan tembikar kian terjejas terutamanya dalam aspek ritual dan pemujaan. Masyarakat Iban yang mempunyai pendidikan tinggi terutamanya lulusan universiti luar negara cara pemikiran mereka telah jauh berubah. Mereka tidak lagi mengamalkan pemujaan melalui *piring*. Perkara ini menjadikan objek tembikar semakin hari semakin dilupakan.

Faktor yang seterusnya pula daripada aspek pembangunan teknologi yang rata-rata dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Masyarakat Iban telah lama menikmati pembangunan yang pada mulanya bermula dari bandar seterusnya pergi ke kampung-kampung. Pelbagai prasarana telah disediakan, contohnya pembinaan air paip terus ke rumah-rumah di seluruh rumah panjang di negeri Sarawak. Masyarakat Iban tidak lagi menyimpan air di dalam tajau atau tempayan kerana mereka ada kemudahan air paip yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Pada masa sekarang banyak kilang yang mengeluarkan bekas-bekas plastik seperti jenama *tupperware* dan jenama plastik lain untuk menyimpan pekasam, tempoyak, garam dan gula. Barangan tembikar mengalami persaingan dengan barangan yang berjenama. Tambahan pula, barangan plastik itu tidak mudah pecah berbanding dengan tembikar.

Selain daripada itu, kilang-kilang banyak mengeluarkan almari yang pelbagai jenama. Mereka tidak lagi menyimpan pakaian di dalam tempayan. Begitu juga dengan institusi kewangan seperti bank, telah banyak dibina. Sehubungan dengan itu, mereka tidak lagi menyimpan wang di dalam tempayan sebaliknya wang dilaburkan dalam baik atau saham untuk mendapatkan faedah, bonus atau dividen yang memberi pulangan lebih baik

berbanding jika disimpan di dalam tempayan. Oleh sebab itu, jarang-jarang masyarakat Iban menggunakan tembikar dalam urusan kehidupan mereka disebabkan pembangunan teknologi yang melingkari kehidupan mereka.

Faktor yang seterusnya pula akibat perubahan nilai sosiobudaya. Pada zaman dahulu, orang Iban yang dianggap kaya-raya ialah orang yang paling banyak memiliki tembikar dalam keluarganya, tetapi tanggapan ini telah jauh berubah. Sebaliknya pada masa sekarang orang kaya ialah orang yang mempunyai wang dan hartanah yang banyak. Jika dahulu barangan tembikar dipamerkan di ruang tamu, tetapi pada masa sekarang barangan tembikar diletakkan di ruang dapur ataupun di dalam stor padi sahaja.

Pada masa sekarang aktiviti pemburuan kepala tidak wujud lagi dalam masyarakat Iban. Maka, upacara *Gawai Kenyalang* jarang-jarang diadakan pada masa ini. Sedangkan dalam proses gawai tersebut sebanyak 21 buah tempayan digunakan bagi menyempurnakan gawai itu.

Kebanyakan masyarakat Iban amat kurang mengendahkan lagi kepentingan barangan tembikar yang dimiliki. Tambahan pula jika berlaku kematian dalam masyarakat Iban, tembikar tidak lagi dijadikan sebagai cenderamata si mati. Sebaliknya, si mati tidak membawa apa-apa harta kekayaan.

Barangan tembikar menjadi kian pupus, apabila sering berlaku kebakaran di rumah-rumah panjang dan kebanyakannya ialah tembikar prasejarah yang amat bernilai.

Selain daripada itu, tanggapan masyarakat Iban itu sendiri terhadap barangan tembikar juga menyumbang kepada kemerosotan penggunaannya. Mereka menganggap barangan tembikar tidak penting lagi sebab peranannya telah berubah sejajar dengan perubahan gaya hidup masyarakat tersebut. Contohnya, majlis perkahwinan tidak lagi menggunakan tembikar kerana mereka lebih suka mengadakannya di hotel-hotel mewah. Upacara tradisi seperti meminum air tapai tidak ada lagi dalam atur cara majlis perkahwinan itu; sebaliknya mereka mengadakan majlis pemotongan kek perkahwinan.

Namun demikian, terdapat sesetengah masyarakat Iban yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisi. Mereka inilah yang masih menggunakan tembikar secara berleluasa dalam segenap aspek kehidupan sehingga sekarang. Mereka merupakan golongan minoriti dan dikhuatiri penggunaan tembikar semakin hari semakin pupus. Kemerosotan penggunaan tembikar dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak sedikit banyak dapat menjejaskan kemantapan budaya masyarakat itu sendiri. Walau bagaimanapun, penggunaan tembikar dalam hukum adat masyarakat Iban masih dikekalkan sehingga sekarang seperti yang termaktub dalam *Adat Iban 1993 di Sarawak*.

Namun demikian, beberapa langkah perlu diambil supaya tembikar yang pernah memainkan peranannya yang penting dalam budaya masyarakat Iban, terus relevan.

Pertama, sesiapa yang masih memiliki barangan tembikar perlu memeliharanya dengan baik sebab ia pernah menjadi lambang harta kekayaan nenek moyang kita pada zaman dahulu. Ia juga pernah menjadi lambang penyatuan dan perpaduan antara perbezaan status dalam masyarakat. Kedua, tembikar boleh dijadikan bahan tarikan para pelancong asing kerana tembikar mempunyai daya tarikannya yang unik dan antik. Ketiga, masyarakat Iban haruslah memelihara tembikar sebab ia melambangkan jati diri masyarakat Iban itu sendiri, apatah lagi masyarakat tersebut banyak mendapat manfaat melaluinya sebelum ini.

Malah, masyarakat umum pun banyak mengenali masyarakat Iban melalui tembikar yang dimiliki oleh mereka. Contohnya, tembikar yang dipamerkan di Muzium Sarawak melambangkan bahawa bangsa Iban ialah pemilik tembikar yang terbanyak di Sarawak.

Keempat, kehadiran tembikar menjadi bukti sejarah berlakunya pertembungan budaya antara para pedagang China khasnya dengan budaya masyarakat peribumi khasnya masyarakat Iban. Hasil daripada pertembungan budaya tersebut telah melahirkan satu budaya baharu, iaitu menerusi penggunaan tembikar dalam ritual. Kehadiran tembikar dalam

masyarakat Iban telah menjadikan budaya mereka menjadi lebih mantap. Justeru, kegemilangan peranan tembikar itu perlu dipelihara dan dikekalkan.

Kelima, masyarakat Iban perlu memelihara dan memulihara tembikar prasejarah yang dimiliki kerana ia merupakan bahan bukti warisan dalam budaya masyarakat Iban dan juga sebagai satu budaya benda yang menunjukkan asal usul budaya masyarakat Iban.

Keenam, tembikar yang pada asalnya peralatan yang menjadi hak milik bangsa Cina kemudian dibeli oleh masyarakat Iban dan diguna pakai seterusnya ia bertukar menjadi hak milik kepada masyarakat Iban dan sebagai harta pusaka mereka yang diwarisi sejak turun-temurun.

Oleh itu, masyarakat Iban harus berbangga dan berterima kasih kepada para pedagang China masa lampau kerana kehadiran tembikar telah mencipta satu sejarah yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi dalam masyarakat Iban.

Ketujuh, badan-badan swasta harus memainkan peranannya dengan lebih proaktif dan peka tentang pengendalian benda budaya seperti tembikar dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak.

Kelapan, pihak kerajaan harus mengadakan kempen secara besar-besaran kepada rakyat Malaysia amnya dan masyarakat Iban khususnya, tentang kepentingan pemeliharaan warisan budaya, contohnya seperti barangan tembikar yang dimiliki mereka di rumah masing-masing. Ia perlu dipelihara agar terus wujud kerana ia berperanan sebagai mercu tanda yang mencerminkan peristiwa sejarah masa silam terhadap sesuatu bangsa.

Kembilan, barangan tembikar yang dimiliki oleh masyarakat Iban di rumah panjang seharusnya dipelihara dan dijaga dengan baik. Hal ini demikian sebab barangan tembikar merupakan bahan bukti yang menunjukkan yang ia adalah bentuk harta pusaka pertama yang dimiliki mereka sejak mereka mula menetap di Sarawak pada pertengahan abad ke-16.

Kesepuluh, para ibu bapa di rumah panjang seharusnya menyemai perasaan mencintai budaya benda yang dimiliki untuk memberi kefahaman dan ilmu pengetahuan yang tidak ternilai harganya kepada generasi sekarang dan generasi akan datang. Masyarakat Iban perlu memelihara kebudayaan mereka yang unik itu. Janganlah suatu hari kelak budaya masyarakat Iban hanya wujud di muzium-muzium di tanah air.

GLOSARI

Adat – adat tradisi masyarakat Iban yang berkaitan dengan memelihara perlakuan manusia antara manusia dan manusia dengan tuhan.

Adat basu kaki – adat yang dijalankan semasa menggunakan perkhidmatan penghulu, *tuai rumah* atau ketua-ketua adat yang lain dalam pembahagian barang atau harta pusaka seperti padi, tempayan atau harta benda yang lain.

Agama adat – agama atau kepercayaan tradisi orang Iban.

Alas – tempayan yang mempunyai kelas ketujuh tertinggi.

Alas Ngerang – sejenis tempayan yang mempunyai kelas keenam tertinggi

Antu – hantu atau tuhan masyarakat Iban.

Baku – bekas untuk menyimpan sirih pinang yang diperbuat daripada bahan tembaga.

Bangkai – mayat.

Barang – benda-benda yang dimiliki oleh orang Iban yang merujuk kepada harta pusaka.

Batu Ilau – sejenis batu yang digunakan bomoh orang Iban untuk memastikan jenis-jenis penyakit seseorang pesakit itu.

Batu penchelap – sejenis batu yang telah diperturunkan oleh kuasa luar biasa dan batu ini bertujuan untuk menjaga keharmonian hubungan manusia dengan alam ghaib.

Baya – barang-barang yang diberikan kepada si mati dan barang tersebut diletakkan di tepi kuburnya.

Bebiau – peraturan yang digunakan bagi memohon restu daripada tuhan yang menggunakan ayam. Peraturan ini juga digunakan semasa bersama *tuai rumah* atau sesama antara ahli keluarga. Upacara ini tidak memerlukan upacara besar-besaran seperti majlis perkahwinan.

Bebungan ka jako – berbincang dengan cara baik untuk mencari satu titik penyelesaian mengenai nikah kahwin.

Beduruk – aturan bekerjasama semasa mengerjakan sawah bendang masyarakat Iban

Benda – barangan berharga, seperti tempayan atau tempayan yang digunakan sebagai adat hormat dan adat memohon keampunan atau adat yang dikenakan bagi sesiapa yang melanggar hukum adat Iban.

Berantu – perkataan ini mempunyai dua makna. Pertamanya, benda-benda yang dianugerahkan tuhan dengan kuasa luar biasa, contohnya seperti tempayan, dan yang keduanya ialah upacara bagi memberi penghormatan terakhir kepada si mati.

Beterayu – kaedah bomoh mengubat pesakitnya dengan menggunakan tempayan dan mayang pinang.

Biau – jampi.

Bidai – sejenis tikar yang diperbuat daripada kulit kayu dan rotan.

Bujang berani – pahlawan yang berjuang bermatian-matian di medan perang.

Burung – semua petanda yang diharapkan oleh orang Iban boleh memberitahu perkara sebenar yang akan berlaku termasuk burung-burung, binatang, ular, serangga, kayu atau pokok kayu mati.

Burung bisa – satu petanda yang menjelaskan isyarat sama ada petanda baik atau petanda buruk.

Duduk pipi – duduk dengan cara yang sopan.

Dunia sebayan – dunia akhirat.

Enda layu – selamat selepas mengerjakan sesuatu yang sukar.

Engkarabun – sejenis azimat yang boleh mengghaibkan seseorang daripada dilihat oleh pihak musuh atau hantu jembalang.

Gawai – pesta, perayaan, temasya atau ritual yang berkaitan dengan tuhan atau sesuatu kuasa luar biasa.

Gawai Antu – upacara besar-besaran bagi memberi penghormatan terakhir dan mengingati roh si mati.

Gawai Batu – perayaan berkaitan dengan batu pengasah agar tuhan memberkati batu tersebut untuk mendapatkan hasil tuaian padi yang lumayan.

Gawai Benih Padi – upacara bagi memohon hajat dan keampunan daripada tuhan agar mereka yang berkenaan dikurniakan dengan hasil tuaian padi yang lumayan.

Gawai Burung – sejenis perayaan berkaitan dengan penggunaan akar-akar kayu untuk aktiviti pertanian dan akar-akar kayu itu dipercayai mempunyai azimat.

Gawai Kenyalang – pesta bagi merayakan kejayaan pahlawan ulung atas kejayaannya menewaskan musuh.

Gawai Mipil Tunggol – ritual yang diadakan bagi memohon keberkatan tuhan

Gawai pengaroh – upacara yang diadakan secara besar-besaran bagi memohon keberkatan daripada tuhan.

Gawai Tajau – perayaan mengenai penggunaan tempayan untuk mendapatkan hasil tuaian padi yang lumayan dan dimurahkan rezeki.

Genselan – adat yang dikenakan bagi sesiapa yang melanggar adat tradisi dengan tujuan untuk memohon keampunan daripada tuhan dan juga manusia.

Guchi – sejenis barang tembikar yang kecil lazimnya memiliki kuasa luar biasa.

Hukum adat – sejenis hukum adat masyarakat Iban di rumah panjang bagi mengawal perlakuan antara manusia dengan manusia dan menjaga keharmonian antara manusia dengan tuhan mereka.

Indai Ranai – tempayan yang lebih kecil berbanding dengan Jabir dan ia amat sesuai digunakan untuk menyimpan beras.

Iron – sejenis tempayan yang lebih kecil berbanding dengan tempayan marhaban.

Jabir – kategori tempayan kelas kelapan tertinggi yang mempunyai keluasan di bahagian tengahnya.

Jarin – sejenis perangkap untuk menjerat binatang.

Jayau – benda yang digunakan agar lelaki atau perempuan suka kepada seseorang itu.

Kain Pua Kumbu – sejenis kain selimut hasil tenunan kaum wanita masyarakat Iban di Sarawak.

Kayu Tekalong – sejenis kayu dan kulitnya digunakan untuk membuat bekas menyimpan padi.

Kebok – kategori tempayan yang paling kecil, tetapi di dalam hukum adat ia dikenali sebagai ‘Mungkul’.

Keresan – adat yang dikenakan semasa hari kita melakukan pelanggaran terhadap hukum adat dan pada hari itulah ada orang yang meninggal dunia. Contohnya, jika seseorang perempuan tanpa suami mengandung, kemudian dia tidak mengaku lelaki berkenaan suaminya dalam tempoh yang ditetapkan, dan kemudian orang dalam rumah panjang itu meninggal dunia. Lantaran itu perempuan tersebut dikenakan adat tersebut.

Kering semangat – sejenis adat tradisi menggigit peralatan berbentuk besi atau sebilah parang dengan tujuan bahawa seseorang itu sentiasa mempunyai semangat yang tinggi atau tidak kalah semangat oleh kuasa syaitan.

Kisar – sejenis alat yang digunakan oleh orang Iban untuk menghasilkan beras.

Kujuk – barangan berupa makanan yang ditutup dengan kain pua kumbu.

Kurung semangat – semangat dikurung dengan menggunakan tempayan agar semangat seseorang itu tidak dapat dilarikan oleh kuasa syaitan atau hantu.

Lanji – sejenis bekas yang diperbuat daripada rotan.

Lemambang – orang yang pakar dalam menyanyikan mantera masyarakat Iban

Manang – bomoh masyarakat Iban yang mengubat pesakitnya berkaitan dengan perbuatan hantu jembalang.

Mandi rumah – perayaan bagi meraikan kesejahteraan tinggal di rumah baharu.

Manduh – sejenis tempayan yang sederhana besarnya. Ia lebih besar daripada Kebok dan mempunyai telinga.

Membiau – sejenis upacara menjampi masyarakat Iban yang lazimnya menggunakan seekor ayam.

Menaga – sejenis tempayan kelas ketiga tertinggi yang mempunyai ukiran naga di badannya.

Menukul atau mungkul – kategori tempayan yang paling kecil dalam kelasnya dan ia tidak mempunyai telinga.

Mingka – kategori tempayan yang mempunyai kelas yang paling tinggi dalam kelasnya.

Miring – memberi makanan atau memohon restu daripada tuhan.

Mungkul – sebuah tempayan yang telah digunakan sejak zaman silam lagi untuk membayar hukuman terhadap sesiapa yang melanggar hukum adat tradisi.

Nanya Indu – rombongan untuk pergi memining.

Ngambi teboh – sejenis upacara bagi menebus kesalahan bayi kerana temakan najisnya sendiri.

Ngayau – ekspedisi perang atau memburu kepala musuh dengan memenggal kepalanya. dan musuh yang tidak dibunuh dibawa balik untuk dijadikan hamba abdi. Semasa pergi ekspedisi

perang orang Iban membawa sejenis parang yang dikenali sebagai parang ilang dan digunakan untuk memenggal kepala musuh.

Ngerapoh bangkai – upacara adat-istiadat berkaitan dengan kematian.

Nguai atau ngugi – adat yang menentukan dengan pihak sebelah mana bakal pengantin hendak tinggal setelah berkahwin.

Ninggal – sejenis adat berkaitan dengan kematian yang ditinggalkan oleh si mati.

Ningka – kategori tempayan kelas kedua tertinggi.

Nyabak bebuah – upacara adat-istiadat bagi menghormati si mati setelah pengebumian.

Nyabak Ka Rugan – sejenis upacara menyanyikan mantera yang berkaitan dengan kematian. Adat tersebut merupakan upacara penghormatan yang terakhir daripada keluarga si mati semenjak pengebumiannya dan bertujuan untuk menjemput roh si mati agar turut serta dalam upacara tersebut.

Orang Panggau – manusia dari dunia kayangan yang boleh membantu orang Iban.

Padi Pun – sejenis benih padi yang dipilih dan ditanam secara turun-menurun dalam sesebuah keluarga itu. Semasa aktiviti menanam padi, padi tersebut hendaklah ditanam dahulu dan padi ini juga menjadi ketua padi di sawah itu. Ia tidak boleh dibahagi sesama ahli dalam sesebuah keluarga atau orang lain.

Pandang bangkai – sesebuah keluarga di rumah panjang yang dikelilingi kematian kedua-dua belah jirannya.

Panding – kategori tempayan yang lebih kecil berbanding dengan Jabir.

Pandong – peralatan untuk sesuatu pesta yang dibalut dengan kain pua kumbu.

Pati nyawa – wang yang dibayar oleh orang yang menyebabkan berlaku kematian kepada ibu bapa, suami atau isteri, anak dan sanak-saudara si mati akibat perbuatan tidak disengajakan atau disengajakan membunuh dengan menggunakan senapang, parang, lembing, bom, racun, atau dengan peralatan lain.

Payung rumah – tanah lapang atau kawasan lapang yang tidak kurang 20 ela luasnya disukat daripada tiang besar yang terdapat di ruang tamu rumah panjang.

Pelasi menua – adat yang digunakan untuk mensucikan rumah panjang kerana telah melakukan kesalahan yang besar.

Pelian kukut batu – kaedah bomoh mengubat pesakitnya yang tidak ada selera untuk makan.

Pelian Pencha Iring – kaedah bomoh mengembalikan semangat pesakitnya yang telah pergi ke dunia akhirat.

Pelian Tiang Pencha – kaedah bomoh mengubat pesakitnya dengan menggunakan

Pemalu – adat untuk mendenda seseorang kerana telah melakukan satu kesalahan yang menyebabkan seseorang itu telah mendapat malu kerana perbuatannya.

Pemampul atau disedal – adat memberhentikan apa-apa bentuk acara yang boleh memberi hiburan.

Penchelap – air azimat yang dipercayai boleh memberi kesejahteraan kepada hidup seseorang.

Pengaroh – benda yang ada mempunyai kuasa luar biasa untuk tujuan kebaikan dan ia dapat membantu orang Iban dalam kepelbagaian bentuk kehidupan.

Penggap – melagukan mantera orang Iban.

Pesaka – pusaka.

Pesaka tuai – pusaka tradisi.

Petara- tuhan masyarakat Iban.

Pikul – ratus contohnya, sepikul bermaksud seratus dan dua pikul bermaksud dua ratus dan nilai seterusnya.

Pinggai tuai – pinggan tembikar prasejarah

Piring – jenis makanan yang diberikan kepada tuhan.

Pulang Gana – tuhan pertanian masyarakat Iban.

Ruai – ruang legar atau serambi rumah panjang.

Rusa Geri – sejenis tempayan kelas keempat tertinggi.

Rusa Indu – sejenis tempayan kelima tertinggi.

Sadau – tingkat pertama rumah panjang masyarakat Iban dan lazimnya ia digunakan untuk menyimpan padi dan peralatan pertanian.

Selampandai – tuhan pencipta manusia.

Sengalang Burung – tuhan bumi atau tuhan perang.

Tabak – talam yang diperbuat daripada bahan tembaga.

Tajau – tempayan

Tajau lama – tempayan prasejarah dan tempayan jenis ini mempunyai martabat yang amat tinggi dan martabat tersebut telah diiktirafkan oleh masyarakat Iban sejak turun-temurun. Biasanya ia mempunyai kuasa luar biasa kerana telah disimpan beratus-ratus tahun lamanya dan sering digunakan dalam pelbagai ritual.

Tajau rangkang – sejenis tempayan yang mempunyai bentuk lebar di bahagian atas dan lebih kecil di bahagian bawahnya.

Takut ka berat menawa – dikhuatiri orang yang telah mati akan membuatkan ahli keluarganya kalah semangat.

Tampung sukat – kaedah bomoh mengubat pesakitnya dengan cara ukur, sukat dan sambung pulut yang dimasak dalam buluh, agar pesakitnya boleh sembuh seperti sediakala.

Tembawai rumah – bekas tapak petempatan masyarakat Iban, tetapi tidak digunakan lagi. tiang buluh dan buaian.

Tibang – sejenis bekas untuk menyimpan padi yang diperbuat daripada kulit kayu.

Timang – melagukan ayat-ayat suci orang Iban

Tuai bilik – ketua ahli dalam sesebuah keluarga.

Tuai rumah – ketua mentadbir di rumah panjang yang dipilih oleh penghuni-penghuni di rumah panjang itu.

Tunggu – sejenis adat tradisi untuk memberhentikan pertikaian atau pertengkaran. Ia mempunyai dua tujuan. Tujuan yang pertama adalah untuk mendamai dan mententeramkan keadaan kedua-dua pihak yang bertelagah dengan membayar denda tersebut dalam bentuk sebuah tempayan. Tujuan yang kedua pula adalah untuk memohon keampunan tuhan dan memohon agar dikurniakannya kesihatan yang baik, panjang umur dan itulah sebabnya adat tersebut mestilah disertakan dengan sebilah parang dan seekor ayam. Ia bukan bertujuan untuk menyakitkan hati mana-mana pihak yang terlibat, tidak seperti hukuman, tetapi agar pihak yang terbabit tidak mengulangi kesalahannya lagi dan taat kepada perintah tuhan.

Ubat – benda-benda yang disimpan oleh masyarakat Iban dan mempunyai kuasa luar biasa dan dapat digunakan untuk tujuan kebaikan

Udat – sejenis tempayan yang lebar pada bahagian badan dan mempunyai mulut yang kecil.

Ulit – adat bagi menghormati pantang-larang berkaitan dengan kematian.

RUJUKAN

- Blehaut, Jean Francois, 1992. *Iban Basket*. Kuala Lumpur : Sarawak Literary Society Malaysia.
- Cramb, R. A. (Rob A) 1986. *The Evolution of Iban Land Tenure*. Australia. Australian Monash University.

- Freeman, J. Derek, 1955. *The Iban Agriculture*. Department of Geography, Research School of Pacific Studies, The Australian National University, Canberra, Australia.
- _____, 1979. *Family and Kin Among Iban of Sarawak*. Cambridge University.
- _____, 1992. *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur : Syed Abdul Majeed.
- J.W. Christie, 'On Poni : The Santubong Sites of Sarawak' in *Sarawak Museum Journal*. Vol. XXXIV 1985, hlm. 23-45.
- Jensen, Erik, 1974. *The Iban and Their Religion*. Oxford: Clarendon Press.
- Kedit, Peter Mulok, 1993. *Iban Bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press.
- Lucas Chin, "Trade Pottery Discovered in Sarawak From 1948-1976". *Sarawak Museum Journal*. Vol. 25, 1977, hlm. 4.
- _____, 1980. *Cultural Heritage of Sarawak*. Kuching: Sarawak Muzium,
- Masing, James Jemut, 1997. *The Coming of the Gods : A Study of A Invocatory Chant (Timang Gawai Amat) of the Iban of the Baleh*.
- Mohd. Kassim Hj. Ali, 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morrison, Hedda, 1962. *Life In A Longhouse*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Ngadi, Henry Gana, 1988. *Iban Rites of Passage and Some Related Ritual Acts A Description of Forms and Functions*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd. Yatim,. 1981a. "Tembikar China Berunsur Islam Dalam Koleksi Muzium Negara/Chinese Islamic Wares in the Collection of Museum Negara. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- _____, 1981b. "Koleksi Keramik Muzium Negara", *Utusan 81*. Kuala Lumpur: Kumpulan Syarikat Utusan Melayu.
- _____, 1981c "Penggunaan Tempayan Tembikar di Sabah dan Sarawak". *Cipta*, No. 1, November, hlm. 67-69.
- Penelope Graham, 1987. *The Iban Shamanism*. Australia: The Australian National University.
- Perham J, 1881. "Petara or Sea Dayak Gods". *Journal of The Royal Asiatic Society Straits Branch* 8: 133-152.
- R. Nyandoh & Lucas Chin, "A Progress Report on Archaeological Work at Gedong". *Sarawak Museum Journal*. Vol. 17, 1969, hlm. 83-84.
- Richards, Anthony. 'Iban Angury'. *Sarawak Museum Journal*. Vol. XX, 1972, hlm. 40-41.
- Robert Menoa Saleh, 2002. *Pelian*. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Sandin, Benedict. 1962. *Dua Belas Bengkah Mimpi Tuai Dayak Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- _____. 1976. *Cara-cara Hidup Suku Iban*. Kuching: Biro Kesusasteraan Borneo.
- _____. 1967. *Peturun Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- _____. 1977. *Gawai Burung the Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival*. Kuching, Borneo Literature Bureau.
- _____. 1980. *Iban Adat and Angury*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- _____. "Simpulang Gana : The Founder of Dayak Agriculture". *Sarawak Museum Journal*. Vol. XV, 1967, hlm. 30-31.
- _____, "Gawai Antu : Sea Dayak Feast of the Departed Spirits". *Sarawak Museum Journal*. Vol. X, 1961, hlm. 17-18.

_____, "Two Origin of Iban Burial Customs". *Sarawak Museum Journal*. Vol. XVII, 1969, hlm. 34-35.

Sanid Said, "The History of Sarawak : Where Do We Begin?" . *Sarawak Museum Journal*, Vol LIV 1999, hlm. 27.

Majlis Adat Istiadat Sarawak. 1993. *Adat Iban*. Kuching, Sarawak : Jabatan Ketua Menteri.

Tom Harrison, 1965. *Bijdragen Tot De Taal*. Land –En Volkenkunde 121: 1-57.

_____, "The Caves of Niah : A History of Prehistory". *Sarawak Museum Journal*. Vol. 8, 1958, hlm. 588.

Tuton Kaboy & Eine. "*Ceramic and Their Uses Among the Coastal Melanus*". *Sarawak Museum Journal*. Vol. 15, 1967, hlm. 10-29.

<http://www.museum.sarawak.gov.my/bmver/archaeofile/mid.htm>

4/27/02 Archaeology.

20165
16.50

IVE

TEMBIKAR

Dalam Budaya Iban Di Sarawak

Buku ini cuba membincangkan tembikar, khususnya tembikar peribengunan dalam budaya orang Iban dan menganalisis tembikar yang pada mulanya hanya merupakan suatu benda biasa yang digunakan dalam kehidupan seharian, kemudian ia telah diiktirafkan dengan satu martabat yang amat tinggi dalam masyarakat Iban di Sarawak. Bagi tujuan itu, penulis menghuraikan tembikar sebagai peralatan kegunaan seharian dan juga dari sudut fungsinya di dalam ritual-ritual Iban. Oleh itu, fokus utama buku ini ingin melihat tembikar dari sudut kegunaan harian, perannya dalam ritual-ritual dan juga dari perspektif hukum adat Iban itu sendiri. Tembikar merupakan satu benda sakral telah digunakan dalam pelbagai upacara berkaitan dengan ritual 'Petara' dan kuasa-kuasa luar biasa lain, seperti di dalam ritual 'Gawai'. Tembikar telah diperturunkan oleh kuasa luar biasa, yang terdiri daripada petara, dewa-dewi, antu, semangat, dan roh nenek moyang orang Iban yang telah meninggal dunia melalui mimpi dan ia telah banyak membantu kehidupan orang Iban, khususnya dalam kegiatan pertanian. Orang Iban menggunakan tembikar dalam perspektif hukum adat dan ia merupakan satu objek yang mempunyai kuasa luar biasa yang dapat mengekalkan keharmonian hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan tuhan mereka. Bagi menghasilkan penulisan yang sempurna, buku ini cuba bergerak di dalam ringkuman tiga teori utama. Pertamanya, tembikar telah wujud di Sarawak sejak abad ke-9 Masehi dan orang Iban telah dikatakan menggunakan tembikar sebagai alatan kegunaan seharian. Keduanya, penulis ingin melihat makna dan hubungan tembikar dengan kuasa luar biasa yang dijemakan melalui mimpi serta kesannya kepada pemilik tembikar itu dan yang ketiga kehadiran tembikar telah memantapkan budaya orang Iban menerusi perannya dalam hukum adat. Setiap huraian yang diutarakan di dalam buku ini diharap dapat memberi manfaat untuk difikirkan dan dikongsi bersama.

Noria Tugang ialah lulusan Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Malaya pada tahun 2011 dalam bidang Pengajian Seni dan Kemanusiaan, dan kini beliau bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau telah menggunakan pengalamannya lebih dari 13 tahun dalam bidang Pengajian Seni dan Budaya untuk menghasilkan buku ini.

ISBN 978-967-5527-18-0



9 789675 527180